

SPM 2023



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI TERENGGANU

# Modul Intervensi Pembelajaran

PRINSIP PERAKAUNAN

Nama : .....

Kelas : .....

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



# **PANEL AKRAM**

**AZAHAR BIN ALI  
SMK BANGGOL, KEMAMAN**

**SURIYANI BINTI MD. SUKOR  
SM SAINS SULTAN MAHMUD, K NERUS**

**RUDIANI BINTI AZMI  
SMA SULTAN ZAINAL ABIDIN LADANG, K TRG**

**MOHD AZMAN BIN MUSTHAFA  
SMK TENGGU LELA SEGARA, MARANG**

**SUNITA BINTI ABDULLAH  
SMK CHUNG HWA WEI SIN, K TRG**

**HASNITA BINTI OMAR  
SMK TUN TELANAI, MARANG**

**FAZRI BIN MOHD  
SMK SULTAN OMAR, DUNGUN**

**ZAHIMA BINTI CHE ZAKARIA  
SMKA DATO' HAJI ABBAS, K NERUS**

**MODUL 1: PENGENALAN KEPADA PERAKAUNAN**

1. Apakah tujuan utama simpan kira?
  - I Mengira keuntungan perniagaan
  - II Bukti sesuatu urusan niaga telah berlaku
  - III Membantu pihak luar membuat keputusan
  - IV Merekod semua urusan niaga dalam nilai mata wang  
  - A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
  
2. Antara berikut, yang manakah merupakan pengguna luaran Penyata Kewangan?
  - I Pembekal
  - II Pihak bank
  - III Pihak Pengurusan
  - IV Pemilik Perniagaan  
  - A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D II dan IV
  
3. Syarikat telah mengupah seorang penasihat perniagaan dengan bayaran RM10 000 sebulan supaya memberikan khidmat nasihat kepada pihak pengurusan. Andaian manakah yang berkaitan dengan situasi di atas?
  - A Wang sebagai ukuran
  - B Tempoh perakaunan
  - C Usaha berterusan
  - D Entiti berasingan
  
4. Pernyataan berikut berkaitan subbidang perakaunan:

Menyediakan maklumat perakaunan untuk pengguna dalaman.

- A Percukaian
- B Pengauditan
- C Perakaunan Kewangan
- D Perakaunan Pengurusan

5. Maklumat berikut menunjukkan ciri-ciri sebuah milikan perniagaan:

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Liabiliti terhad</li> <li>• Modal dikumpul daripada pemegang saham melalui terbitan saham dan langganan saham</li> </ul>
---

Perniagaan manakah yang menepati ciri-ciri tersebut?

- A Saji Oil Bhd
- B Rezeki Enterprise
- C Koperasi SMK Alam Bhd
- D Salon Kecantikan Lela dan Tari

6. Urus niaga berikut berlaku dalam sebuah perniagaan:

P	Q
Pemilik mengambil tunai perniagaan untuk membayar tambang bas anaknya	Pemilik membawa masuk sebuah komputer untuk kegunaan perniagaan

Apakah kesan urus niaga P dan Q terhadap Akaun Modal?

	P	Q
A	Bertambah	Bertambah
B	Berkurang	Berkurang
C	Berkurang	Bertambah
D	Bertambah	Berkurang

7. Perniagaan Santosh menggunakan kaedah yang sama dan konsisten untuk merekodkan dan memproses data.

A	Ketekalan
B	Usaha berterusan
C	Entiti berasingan
D	Pengiktirafan hasil dan belanja

8. Bentuk organisasi perniagaan manakah yang mempunyai liabiliti yang terhad?

- A Kedai Buku Pustaka Seri Intan
- B Pasar Segar Layang
- C Klinik Hijrah
- D Syarikat Maju Jaya Berhad.

9. Apakah yang dimaksudkan dengan andaian usaha berterusan?

- A Perniagaan akan terus berkembang maju.
- B Peniaga akan terus berusaha untuk meningkatkan prestasi perniagaan.
- C Perniagaan akan beroperasi untuk suatu jangkamasa yang tidak terhad.
- D Peniaga akan terus menambahkan modal untuk meneruskan perniagaan.

10. Aliyah Enterprise menghantar laporan kewangan perniagaannya ke sebuah institusi kewangan. Apakah tujuan perniagaan tersebut berbuat demikian?

- A Untuk tujuan semakan dan percukaian.
- B Untuk merancang aktiviti perniagaan pada masa hadapan.
- C Untuk mengetahui sama ada perniagaan memperoleh untung atau rugi.
- D Untuk mempertimbangkan kelulusan permohonan perniagaan mendapatkan pinjaman bank.

11. Antara berikut, tajuk Akaun Perdagangan dan Untung Rugi yang manakah tepat?

- A Akaun Perdagangan dan Untung Rugi pada 31 Disember 2022
- B Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun 31 Disember 2022
- C Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
- D Akaun Perdagangan dan Untung Rugi pada tahun berakhir 31 Disember 2022

12. Pilih butiran yang tidak terdapat dalam Penyata Kedudukan Kewangan bentuk T?

- A Ambilan
- B Modal Awal
- C Modal Akhir
- D Modal Kerja

13. Manakah yang berikut merupakan Penyata Kewangan perniagaan?

- I Buku Tunai
- II Buku Catatan Pertama
- III Penyata Kedudukan Kewangan
- IV Akaun Perdagangan dan Untung Rugi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14. Maklumat berikut merujuk kepada Perniagaan Bakeri Monisha

- *Memulakan perniagaan menjual barang kuih-muih pada 1 Jan 2023*
- *Tempoh perakaunan berakhir setiap enam bulan*

Manakah benar tentang tempoh perakaunan perniagaan Monisha?

- A 1 Jan 2023 hingga 1 Jun 2023
- B 1 Jan 2023 hingga 31 Jun 2023
- C 1 Jan 2023 hingga 1 Disember 2023
- D 1 Jan 2023 hingga 31 Disember 2023

15. Apakah proses yang menunjukkan turutan tatacara perakaunan yang berlaku dalam satu tempoh perakaunan?

- A Konsep perakaunan
- B Kitaran perakaunan
- C Prinsip perakaunan
- D Sistem perakaunan

## MODUL 2: KLASIFIKASI AKAUN DAN PERSAMAAN PERAKAUNAN

1 Antara berikut, yang manakah merupakan Akaun Kontra bagi Akaun Belum Terima?

- A Pertambahan Peruntukan Hutang Ragu
- B Pengurangan Peruntukan Hutang Ragu
- C Peruntukan Hutang Ragu
- D Komisen Belum Terima

2 Jadual yang berikut menunjukkan nilai aset, liabiliti dan ekuiti pemilik:

Perabot (RM)	Alatan Pejabat (RM)	Bank (RM)	Modal (RM)	Pinjaman (RM)
30 000	15 000	8 590	X	13 400

Hitungkan nilai X.

- A RM38 500
- B RM39 120
- C RM40 190
- D RM52 750

3 Apakah pengkelasan akaun bagi gadai janji?

- A Aset
- B Hasil
- C Liabiliti
- D Belanja

4 Butiran manakah yang merupakan belanja operasi perniagaan?

- A Promosi
- B Insurans Peribadi
- C Faedah pinjaman kerana membesarkan premis
- D Rugi yang dialami kerana menjual kenderaan lebih murah dari nilai buku

- 5 Berikut merupakan kesan satu urus niaga terhadap persamaan perakaunan yang diperoleh daripada Gading Homestay.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Berkurang	Berkurang	Tiada Kesan

Pernyataan manakah yang menunjukkan kesan urus niaga di atas?

- A Menerima sewa belum terima RM1 000 daripada penyewa
  - B Menjelaskan sewa belum bayar RM1 000 dengan tunai
  - C Menerima sewa RM1 000 daripada penyewa
  - D Menjelaskan sewa RM1 000 dengan tunai
- 6 Puteri Trading menggunakan sistem kod yang berikut untuk membina carta akaun dalam perakaunan berkomputer

Kod Item	Jenis akaun
1000-1999	Aset
2000-2999	Liabiliti
3000-3999	Hasil
4000-4999	Belanja

Nombor kod yang betul bagi Akaun Alat Tulis ialah

- A 1002
  - B 2020
  - C 3003
  - D 4010
- 7 Manakah belanja bukan operasi sebuah perniagaan?
- A Derma kepada Sekolah
  - B Angkutan Keluar
  - C Insurans
  - D Gaji
- 8 Puan Minah pemilik Kedai Buku MOS telah memulangkan enam buah buku matematik kepada pembekal kerana rosak.

Apakah kesan urus niaga ke atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik perniagaan Puan Minah?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah	Tiada Kesan	Bertambah
B	Berkurang	Tiada Kesan	Berkurang
C	Bertambah	Bertambah	Tiada Kesan
D	Berkurang	Berkurang	Tiada Kesan

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan urus niaga yang diambil daripada Perniagaan Imran Multazam Maju Jaya.

2023 Jan 3 Belian barang niaga bernilai RM 900 secara kredit
---

Yang manakah menunjukkan kesan urus niaga yang betul?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
B	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
C	Berkurang	Tiada kesan	Bertambah
D	Bertambah	Tiada kesan	Berkurang

- 10 Urus niaga yang manakah akan menambahkan aset dan ekuiti perniagaan?

- A Bayar pembekal dengan cek
- B Terima pinjaman daripada bank
- C Pemilik membawa masuk perabot peribadi
- D Ambilan inventori untuk kegunaan peribadi

- 11 Pilih padanan yang betul.

	Akaun yang berkaitan	Catatan kontra
A	Akaun Belum Terima	Peruntukan Hutang Ragu
B	Perabot	Susut nilai Perabot
C	Belian	Pulangan Masuk
D	Tunai	Ambilan

- 12 Kedai Komputer Eze menjual komputer bernilai RM2 700 dengan harga RM3 600 secara kredit kepada pelanggan.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal
A	(2 700)	3 600	900
B	3 600	(900)	2 700
C	2 700	900	3 600
D	2 700	(3 600)	(900)

- 13 Antara yang berikut, butiran manakah dikelaskan sebagai aset?

- I Overdraf bank
- II Belanja Prabayar
- III Akaun Belum Bayar
- IV Akaun Belum Terima

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV



14. Urus niaga yang manakah akan mengurangkan aset dan liabiliti perniagaan dengan jumlah yang sama?
- A. Terima pinjaman daripada bank RM10 000
  - B. Bayar pembekal dengan cek RM5 000
  - C. Beli barang niaga secara tunai RM1 000
  - D. Ambilan inventori untuk kegunaan peribadi RM100
15. Manakah urusniaga yang akan memberi kesan kepada ekuiti pemilik?
- A. Bayar sewa kedai dengan cek RM500
  - B. Bayar Pembekal Abu RM500 dengan cek
  - C. Jual perabot kedai lama RM500 secara kredit
  - D. Terima tunai RM500 daripada Akaun Belum Terima

### MODUL 3: DOKUMEN PERNIAGAAN SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT

1. Apakah dokumen yang sesuai untuk membetulkan kesilapan berikut:

Kerani akaun yang baharu telah mengeluarkan invois jualan yang terlebih caj

- A. Nota Debit
  - B. Nota Kredit
  - C. Makluman Debit
  - D. Makluman Kredit
2. Invois yang diterima oleh Kedai Runcit Jaya menunjukkan syarat pembayaran seperti berikut:

7 hari 10%, 14 hari 5%

Apakah tujuan diskaun tersebut diberikan?

- A. Memberi komisen kepada pelanggan
  - B. Mengenakan denda bagi bayaran lewat
  - C. Menggalakkan pelanggan membeli secara pukal
  - D. Menggalakkan pelanggan menjelaskan hutang segera
3. Pilih padanan yang **betul** bagi dokumen dan urus niaga berikut:

	Dokumen	Urus Niaga
A	Nota kredit	Invois pembeli terlebih nyata
B	Nota debit	Pulangan barang niaga
C	Keratan cek	Bukti penerimaan wang
D	Invois	Jualan secara tunai

4 Maklumat berikut merupakan ciri-ciri suatu dokumen:

- Dokumen dikeluarkan oleh pihak bank
- Bertujuan memberitahu kepada pemilik akaun bahawa pihak bank telah menambahkan akaun dengan jumlah tertentu

Apakah dokumen tersebut?

- A Slip transaksi perbankan elektronik
- B Makluman kredit
- C Penyata bank
- D Nota kredit

5 Aliran dokumen berikut berlaku dalam urus niaga secara tunai.

Pesanan Belian → Tunai → A  
Apakah A?

- A Bil Tunai
- B Nota Kredit
- C Keratan Cek
- D Makluman Debit

6 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Anuar.

Pada 6 Mac 2023 Anuar membeli barang niaga dengan harga senarai RM8 000.  
Syarat diskaun niaga dan diskaun tunai adalah seperti berikut:  
Diskaun Niaga 20%  
Diskaun Tunai 10% 10 hari, 5% 15 hari

Berapakah jumlah yang perlu dibayar jika hutang dijelaskan pada 14 Mac 2023?

- A RM5 600
- B RM5 760
- C RM6 080
- D RM6 400

7 Puan Melur seorang pembekal alat tulis telah menghantar barangan yang dipesan oleh pelanggan bersama dengan nota serahan dan invoice. Selepas beberapa hari kemudian, beliau mendapati bahawa invoice tersebut telah terkurang caj. Dokumen manakah yang perlu dihantar oleh Puan Melur kepada pelanggannya untuk membetulkan invoice tersebut?

- A Nota Debit
- B Nota Kredit
- C Makluman Debit
- D Makluman Kredit

- 8 Kedai Alatan Elektrik Firdaus telah membeli barang niaga berikut secara kredit pada 15 April 2022.

	RM
30 unit kipas silling berharga RM 120 seunit	3 600
50 unit cerek berharga RM 60 seunit	3 000
Jumlah	<u>6 600</u>
Diskaun niaga 20%	
Diskaun tunai : 10% 15 hari	

Berapakah jumlah yang perlu dijelaskan oleh Kedai Alatan Elektrik Firdaus jika pembayaran dibuat pada 25 April 2022?

- A RM 4 620  
 B RM 4 752  
 C RM 5 280  
 D RM 5 940
- 9 Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Usaha Enterprise.

Bank menghantar dokumen kepada Usaha Enterprise untuk memberitahu duit dalam bank telah berkurang.

Apakah dokumen tersebut?

- A Makluman kredit  
 B Makluman debit  
 C Nota kredit  
 D Nota debit
- 10 Pada 30 Mac 2023, Puan Suzana membeli barang niaga berharga RM600 secara kredit dengan syarat 15% 10 hari; 10% 15 hari.  
 Berapakah jumlah diskaun tunai jika hutang dibayar pada 5 April 2023?
- A RM60  
 B RM90  
 C RM150  
 D RM510

11 Dokumen berikut diperoleh daripada Kedai Lampu Hiasan Kristal.

<b>SALINAN</b>	<b>RESIT RASMI</b>	<b>NO. RESIT : K020</b>
	Kedai Lampu Hiasan Kristal Lot 404, Jalan Sultan Mahmud 21000 Kuala Terengganu	
		Tarikh : 31 Mei 2022
Diterima daripada	: Pembekal Bling Bling	
Ringgit Malaysia	: Satu ribu lima ratus enam puluh sahaja	
Untuk bayaran	: Menjelaskan invoice (diskaun tunai 10% )	
RM1 560.00		<i>Hana</i>
Tunai / No. Cek : BIMB112244		(Pengurus)

Mengapa dokumen ini dikeluarkan?

- A Pembelian barang niaga secara tunai
  - B Mengurangkan jumlah dalam invoice.
  - C Menambahkan jumlah dalam invoice.
  - D Mengesahkan penerimaan cek
- 12 Puan Rohana menghantar ringkasan urus niaga yang berlaku antara beliau dengan pembeli pada akhir setiap bulan. Apakah dokumen yang dihantar oleh Puan Rohana?
- A Makluman Debit
  - B Penyata Akaun
  - C Nota Debit
  - D Invoice
- 13 Dokumen manakah yang terlibat dalam urus niaga secara kredit?
- A Memo
  - B Invoice
  - C Baucar
  - D Bil Tunai
- 14 Urus niaga di bawah ini diambil daripada Kedai Borong Monisha

Muthusamy memulangkan barang niaga yang rosak bernilai RM220.

Apakah dokumen sumber yang terlibat dengan urus niaga di atas bagi Kedai Runcit Monisha?

- A Invoice
- B Bil Tunai
- C Nota Debit
- D Nota Kredit

- 15 Dokumen apakah yang berfungsi sebagai invois tambahan?
- A Memo
  - B Baucar
  - C Bil Tunai
  - D Nota Debit

#### MODUL 4: BUKU CATATAN PERTAMA

- 1 Urus niaga manakah yang akan dicatat dalam Jurnal Am?
- A Diskaun diberi dibatalkan
  - B Membeli perabot secara tunai
  - C Ambilan cek untuk kegunaan sendiri
  - D Membeli barang niaga secara kredit
- 2 Urus niaga manakah yang direkodkan dalam jurnal khas?
- I Membeli barang niaga secara tunai
  - II Membeli barang niaga secara kredit
  - III Memulangkan barang niaga yang rosak
  - IV Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 3 Antara berikut, maklumat manakah boleh direkod ke dalam Buku Tunai Runcit?
- I Ambilan barang niaga RM40
  - II Membayar pos bungkusan RM30
  - III Membayar gaji pekerja RM1 900
  - IV Membeli dakwat pencetak RM50
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D II dan IV
- 4 Pada 9 Mac 2021, Zul telah mengambil sebuah meja dari kedai perabotnya bernilai RM400 untuk kegunaan kediamannya.

Catatan Jurnal Am manakah yang **betul** untuk merekodkan perkara tersebut.

## Jurnal Am

A	Tarikh	Butir	Debit	Kredit
	2021		RM	RM
	Mac 9	Ambilan	400	
		Belian		400

## Jurnal Am

B	Tarikh	Butir	Debit	Kredit
	2021		RM	RM
	Mac 9	Belian	400	
		Ambilan		400

## Jurnal Am

C	Tarikh	Butir	Debit	Kredit
	2021		RM	RM
	Mac 9	Ambilan	400	
		Inventori		400

## Jurnal Am

D	Tarikh	Butir	Debit	Kredit
	2021		RM	RM
	Mac 9	Inventori	400	
		Ambilan		400

5 Jurnal am berikut diperoleh daripada BJ Entrprise

## Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2021			RM	RM
Jun 2	Tunai		10 000	
	Bank		65 000	
	Lengkapan		15 000	
	Modal			90 000
	(Aset dan modal pada tarikh ini)		90 000	90 000

Apakah jenis urus niaga yang direkodkan dalam Jurnal Am di atas?

- A Catatan pelarasan
- B Catatan penutupan
- C Catatan pembukaan
- D Catatan modal tambahan

6 Pemilik Kedai Buku Hamzah membuat catatan bergu seperti berikut:

Pada 18 Februari 2021, Encik Hamzah telah mengeluarkan cek RM2 300 kepada Hanum Enterprise bagi menjelaskan hutangnya sebanyak RM2 400

Catatan dalam Buku Tunai yang manakah yang **tepat**?

A Dt Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2021		RM	RM	RM	
Feb 18	Hanum Enterprise	100		2 300	

B Dt Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2021		RM	RM	RM	
Feb 18	Hanum Enterprise			2 400	

C Buku Tunai (petikan) Kt

	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
	2021		RM	RM	RM
	Feb 18	Hanum Enterprise	100		2 300

D Buku Tunai (petikan) Kt

	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
	2021		RM	RM	RM
	Feb 18	Hanum Enterprise			2 400

7 Pilih padanan yang **betul**.

	Urus Niaga	Analisis Pembayaran
A	Bayar tol	Tambang
B	Bayaran parkir	Belanja am
C	Surat khabar dan majalah	Alat tulis
D	Beli setem dan sampul surat	Belanja pejabat

8 Pilih pernyataan yang betul tentang maksud Catatan Kontra dalam Buku Tunai

- A Peniaga memindah tunai peribadi ke dalam perniagaan
- B Peniaga memindahkan tunai dari kedai ke dalam akaun bank
- C Peniaga mengeluarkan tunai di bank untuk kegunaan peribadi
- D Peniaga mengeluarkan tunai dari kedai untuk menjelaskan Akaun Belum Bayar

9 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Kasut Yoyu:

<b>MEMO</b>	
Kedai Kasut Yoyu 214 Jalan Bandar 20100 Kuala Terengganu	
Tarikh: 12 Sept. 2021	
Peringatan: Pemilik telah membeli sebuah komputer bernilai RM3 500 untuk kegunaan perniagaan menggunakan wang peribadi.	
<i>Yoyu.</i> Pengurus	

Catatan jurnal am yang betul ialah:

Jurnal Am

	Tarikh 2021	Butir	Folio	Debit RM	Kredit RM
A	Sept. 12	Ambilan Modal		3 500	3 500
B	Sept. 12	Alatan Pejabat Modal		3 500	3 500
C	Sept. 12	Modal Alatan Pejabat		3 500	3 500
D	Sept. 12	Alatan Pejabat Ambilan		3 500	3 500

10 Maklumat berikut menerangkan tentang sistem dalam perakaunan:

Buku **X** merekod semua jenis urus niaga perniagaan secara tepat dan bersistematik menggunakan sistem **Y**

Apakah **X** dan **Y**?

	<b>X</b>	<b>Y</b>
A	Buku Tunai Runcit	Sistem Panjar Runcit
B	Jurnal Khas	Sistem Catatan Tunggal
C	Buku Tunai	Sistem Inventori Berkala
D	Lejar	Sistem Catatan Pertama



11 Maklumat berikut diterima oleh Cik Aafiya seorang kerani akaun

<p><b>MEMO</b>                  Perabot Lorenzo                  Lot. 4, Jalan Puteri Mandi                  23000 Kuala Nerus, Terengganu</p>	<p>Tarikh: 7 Februari 2022</p>
<p>Peringatan:                  Pemilik telah mengeluarkan 1 set meja komputer yang bernilai RM1 400 untuk dihadiahkan kepada anaknya.</p>	
<p><i>Afwa</i>                  Pengurus</p>	

Bagaimanakah urus niaga tersebut direkod dalam Jurnal Am?

Jurnal Am

A	Tarikh	Butir	Debit	Kredit
	2022		RM	RM
	Feb 7	Ambilan Perabot	1 400	1 400

Jurnal Am

B	Tarikh	Butir	Debit	Kredit
	2022		RM	RM
	Feb 7	Ambilan Belian	1 400	1 400

Jurnal Am

C	Tarikh	Butir	Debit	Kredit
	2022		RM	RM
	Feb 7	Perabot Ambilan	1 400	1 400

Jurnal Am

D	Tarikh	Butir	Debit	Kredit
	2022		RM	RM
	Feb 7	Perabot Belian	1 400	1 400

12 Perniagaan Bestari merekod urus niaga melibatkan tunai ke dalam Buku Tunai dan Buku Tunai Runcit. Apakah kegunaan Buku Tunai Runcit?

- A Merekod belanja kecil
- B Mengawal wang masuk dan wang keluar
- C Mencatat semua penerimaan dan pembayaran tunai
- D Memastikan perniagaan mempunyai wang yang cukup untuk dibelanjakan

13 Dokumen berikut dikeluarkan oleh Chanteq Enterprise.

<b>ASAL</b>	<b>NOTA DEBIT</b> Chanteq Enterprise Lot. 2-2, Lorong Anggerik, 21040 Marang, Terengganu.	No. ND158
		Tarikh: 11 Disember 2021
Kepada: Anggun Kosmetik, 3 Jalan Duyong, 21040 Marang, Terengganu.		
Akaun Tuan/Puan telah didebitkan seperti berikut:		
Butiran	Jumlah	
30 unit lipstik dalam invoice INV1456 terkurang caj RM12.00 seunit	RM	360.00
Tolak: Diskaun niaga 10%	36.00	
Jumlah	324.00	
<i>Ringgit Malaysia: Tiga ratus dua puluh empat sahaja</i>		
Khaleeda Penerima	Ilmani Pengurus	

Apakah buku Catatan Pertama yang digunakan oleh Anggun Kosmetik untuk merekod urus niaga di atas?

- A Jurnal Pulangan Belian
- B Jurnal Pulangan Jualan
- C Jurnal Jualan
- D Jurnal Belian

14 Petikan Buku Tunai berikut diperoleh daripada Gummy Chocolate Enterprise

Buku Tunai (petikan)					Kt
	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
	2021		RM	RM	RM
	Jan 10	<b>P</b>			2 300

Apakah **P**?

- A Modal
- B Jualan
- C Belian
- D Dividen

15 Antara butiran yang berikut, manakah yang akan dicatatkan dalam lajur belanja pejabat Buku Tunai Runcit

- I Gaji pengurus
- II Alatan pejabat
- III Penyukat suhu
- IV Cecair pembasmi kuman

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

**MODUL 5: LEJAR**

1 Pilih padanan yang betul.

	<b>Akaun</b>	<b>Jenis Akaun</b>	<b>Baki</b>
A	Kenderaan	Aset	Kredit
B	Gadai Janji	Liabiliti	Kredit
C	Sewa Diterima	Belanja	Debit
D	Diskaun Diberi	Hasil	Kredit

2 Akaun Kawalan Belum Terima berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Nadirah pada bulan Feb 2021:

Akaun Kawalan Belum Terima					
2021			2021		
Feb 1	Baki b/b	1 800	Feb 28	Bank	2 900
	28 Jualan	2 850		Pulangan jualan	180
				Diskaun diberi	360
				<b>P</b>	340
				Baki h/b	870
		<u>4 650</u>			<u>4 650</u>

Apakah butiran **P**?

- A Belian
- B Hutang lapuk
- C Faedah dikenakan
- D Angkutan Masuk

3 Urus niaga berikut berlaku dalam Perniagaan Ihsan:

Pulangan barang niaga RM300 daripada Koperasi Jaya Biru Bhd

Apakah catatan bergu untuk urus niaga tersebut?

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
A	Pulangan jualan	Koperasi Jaya Biru Bhd
B	Pulangan jualan	Perniagaan Ihsan
C	Perniagaan Ihsan	Pulangan jualan
D	Koperasi Jaya Biru Bhd	Pulangan jualan

4 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Alat Tulis Nasuha:

Akaun Perabot	
Kedai Rokik	RM 1 400

Akaun Kedai Rokik	
	Perabot
	RM 1400

Apakah pengelasan lejar bagi akaun tersebut?

	Akaun Perabot	Kedai Rokik
A	Lejar Am	Lejar Am
B	Lejar Am	Lejar Belian
C	Lejar Belian	Lejar Am
D	Lejar Belian	Lejar Belian

5 Catatan dalam lejar manakah yang **betul**?

- A Debit apabila hasil bertambah
- B Kredit apabila liabiliti bertambah
- C Debit apabila belanja berkurang
- D Kredit apabila ekuiti pemilik berkurang

6 Akaun Kawalan Belum Terima berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Husna Enterprise pada bulan Mei 2021:

Akaun Kawalan Belum Terima					
		2021	RM		2021
					RM
Mei 1	Baki b/b		2 600	Mei 28	Bank
					4 700
28	Jualan		8 900		Pulangan jualan
					200
					Baki h/b
					<b>X</b>

Berapakah nilai **X** pada 31 Mei 2021, jika terdapat dua keping cek diterima. Sekeping cek RM500 yang diperoleh daripada Kedai Mahani dan sekeping lagi cek daripada Bakri Tayar RM190 dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk kepada penyuruh bayar"?

- A RM6 910
- B RM6 600
- C RM6 290
- D RM5 910

7 Apakah jenis lejar bagi Akaun Kenderaan?

- A Lejar Am
- B Lejar Belian
- C Lejar Jualan
- D Lejar Subsidiari

8 Lejar Jualan Mustika Enterprise menunjukkan maklumat berikut:

Akaun Belum Terima: Gamuda Bhd					
2021		RM	2021		RM
Julai 1	Baki b/b	2 600	Julai 12	Bank	4 700

Apakah urus niaga yang berlaku pada 12 Julai 2021?

- A Gamuda Bhd membeli barang niaga RM4 700 dengan cek daripada Mustika Enterprise
  - B Gamuda Bhd menjual barang niaga RM4 700 dengan cek kepada Mustika Enterprise
  - C Mustika Enterprise menerima pembayaran hutang daripada Gamuda Bhd dengan cek RM4 700
  - D Mustika Enterprise membuat pembayaran hutang kepada Gamuda Bhd dengan cek RM4 700
- 9 Pasangan manakah merupakan akaun nyata ?

	Akaun A	Akaun B
A	Akaun Modal	Akaun Komisen Diterima
B	Akaun Kadar bayaran	Akaun Lengkapan
C	Akaun Perabot	Akaun Belum Bayar
D	Akaun Alatan Pejabat	Akaun Inventori


10 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Runcit Fiza

Fiza menjelaskan hutang sebanyak RM1 600 kepada Pembekal Hazim dengan cek selepas mengambil kira diskaun tunai.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga di atas?

	Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
A	Bank Diskaun diterima	Pembekal Hazim
B	Bank	Pembekal Hazim Diskaun diterima
C	Pembekal Hazim Diskaun diterima	Bank
D	Pembekal Hazim	Bank Diskaun diterima

11 Maklumat yang berikut berkaitan dengan pembahagian lejar



	X	Y
A	Akaun Nyata	Akaun Nominal
B	Akaun Nominal	Akaun Nyata
C	Lejar Subsidiari	Lejar Am
D	Lejar Am	Lejar Subsidiari

12 Pernyataan manakah menerangkan peraturan merekodkan urus niaga ke dalam lejar?

- A Aset didebitkan apabila berkurang
- B Hasil dikreditkan apabila berkurang
- C Liabiliti didebitkan apabila berkurang
- D Ekuiti pemilik dikreditkan apabila berkurang

- 13 En. Daniel membayar sewa kediamannya dengan menggunakan wang tunai perniagaan.

Apakah catatan lejar untuk urus niaga tersebut?

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
A	Akaun Ambilan	Akaun Tunai
B	Akaun Sewa	Akaun Tunai
C	Akaun Tunai	Akaun Ambilan
D	Akaun Sewa	Akaun Modal

- 14 Maklumat berikut dipetik daripada Buku Perniagaan Banggol pada 30 Jun 2021.

Akaun Kawalan Belum Bayar			
	RM		RM
<b>P</b>	10 400	Baki b/b	6 800
Kontra	640	Belian	25 000
Baki h/b	20 760		
	<u>31 800</u>		<u>31 800</u>
		Baki b/b	20 760

Apakah **P**?

- A Faedah
  - B Diskaun Diberi
  - C Pulangan Keluar
  - D Angkutan Masuk
- 15 Maklumat yang berikut diperolehi daripada Nayli Enterprise pada 31 Disember 2021.

	1 Jan 2021	31 Dis 2021
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Akaun Belum Terima	3 680	5 364
Peruntukan Hutang Ragu		1 372
Cek diterima daripada pelanggan		2 480

Berapakah jumlah jualan kredit?

- A RM2 168
- B RM4 164
- C RM5 536
- D RM6 564

**MODUL 6: IMBANGAN DUGA**

1 Berikut adalah petikan Imbangan Duga Perniagaan Siva:

**Imbangan Duga pada 31 Disember 2020**

	Debit	Kredit
Sewa	300	
Bank		1 300

Manakah yang **benar** mengenai Imbangan Duga di atas?

	Akaun didebit	Akaun dikredit
A	Sewa Diterima	Overdraf Bank
B	Sewa Diterima	Tunai di Bank
C	Sewa Dibayar	Tunai di Bank
D	Sewa Dibayar	Overdraf Bank

2 Berikut adalah petikan Imbangan Duga Perniagaan Jiwa:

**Imbangan Duga pada 30 Jun 2020**

	Debit	Kredit
<b>P</b>	2 320	
<b>Q</b>		504

Apakah **P** dan **Q** ?

	P	Q
A	Akaun Belum Bayar	Akaun Belum Terima
B	Inventori awal	Inventori Akhir
C	Jualan	Diskaun Diberi
D	Angkutan keluar	Pulangan Belian

3 Berikut adalah petikan akaun Perniagaan Alina:

**X**

	RM		RM
2021		2021	
Sept 13    Jualan	4 200	Sept 30    Pulangan jualan	600

Apakah **X** dalam Imbangan Duga?



	<b>Butir</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
A	Akaun Belum Bayar	3 600	
B	Akaun Belum Bayar		3 600
C	Akaun Belum Terima	3 600	
D	Akaun Belum Terima		3 600

4 Maklumat berikut merupakan analisis kad inventori Jimat Bisnez:

<b>Jenis Barang</b>	<b>Baki awal (unit)</b>	<b>Masuk (unit)</b>	<b>Keluar (unit)</b>	<b>Harga Kos Seunit (RM)</b>	<b>Harga Pasaran Seunit (RM)</b>
Kasut Nikki	25	100	40	60	85
Kasut Adis	30	130	50	70	90

Berapakah nilai inventori akhir?

- A RM12 325
  - B RM12 800
  - C RM17 125
  - D RM17 600
- 5 Antara yang berikut, yang manakah definisi yang paling sesuai bagi Imbangan Duga?
- A Merupakan satu senarai baki-baki pada satu tarikh tertentu
  - B Satu akaun khas yang merekodkan semua baki-baki dalam buku
  - C Menunjukkan kedudukan kewangan sesuatu perniagaan pada akhir tempoh perakaunan
  - D Merupakan satu senarai baki yang diambil daripada akaun dalam lejar dan Buku Tunai pada satu tarikh tertentu
- 6 Imbangan Duga yang seimbang tidak selalunya betul kerana mungkin terdapat kesilapan berikut kecuali
- A Kesilapan komisen
  - B kesilapan catatan terbalik
  - C kesilapan pada catatan asal
  - D kesilapan ketinggalan satu catatan
- 7 Antara yang berikut, akaun yang manakah dicatatkan di ruangan kredit Imbangan Duga?
- I Akaun Aset
  - II Akaun Hasil
  - III Akaun Liabiliti
  - IV Akaun Ekuiti Pemilik
- A I, II dan III
  - B I, II dan IV
  - C I, III dan IV
  - D II, III dan IV

8 Antara yang berikut, butiran yang manakah benar dicatatkan dalam Imbangan Duga?

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
A	Perabot	Diskaun diterima
B	Belian	Kadar bayaran
C	Jualan	Akaun Belum Terima
D	Pulangan Belian	Pulangan jualan

9 Akaun manakah yang disenaraikan dalam ruangan kredit Imbangan Duga?

- A Faedah simpanan tetap
- B Faedah pinjaman
- C Angkutan keluar
- D Simpanan tetap

10 Catatan Imbangan Duga manakah yang betul?

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
A	Jualan	Ambilan
B	Belian	Insurans
C	Pinjaman	Akaun Belum Terima
D	Pulangan Jualan	Faedah Atas Simpanan

11 Petikan imbangan duga manakah yang menunjukkan catatan yang betul?

<b>Butir</b>	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
Jualan		12 000
Belian	8 000	
Kenderaan	15 000	
R	700	
S		650

Apakah R dan S?

	<b>R</b>	<b>S</b>
A	Faedah simpanan tetap	Angkutan keluar
B	Pinjaman bank	Modal
C	Akaun Belum Bayar	Akaun Belum Terima
D	Ambilan	Overdraf bank

- 12 Adam Enterprise mempunyai 4 jenis barang niaga yang belum dijual pada 30 April 2020. Maklumat nilai kos dan harga pasaran bagi setiap jenis barang niaga adalah seperti berikut:

Barang	Harga Kos ( RM )	Harga Pasaran ( RM )
P	200	177
Q	700	2 000
R	720	120
S	162	241

Berapakan nilai inventori akhir ?

- A RM 1 159
  - B RM 1 782
  - C RM 2 538
  - D RM 3 161
- 13 Apakah kesan ke atas kos jualan dan untung kasar sekiranya inventori akhir adalah rendah?
- A Kos jualan tinggi dan untung kasar tinggi.
  - B Kos jualan tinggi dan untung kasar rendah.
  - C Kos jualan rendah dan untung kasar tinggi.
  - D Kos jualan rendah dan untung kasar rendah.
- 14 Berikut ialah petikan Imbangan Duga Zarif Trading.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2022		
	RM	RM
Inventori 1 Julai 2021	3 600	
Belian	15 500	
Pulangan	240	325
Angkutan masuk	580	

Maklumat tambahan:

Inventori pada 30 Jun 2022 dinilai pada harga kos RM4 200 dan RM6 100 pada harga pasaran.

Berapakah kos jualan?

- A RM13 255
- B RM14 575
- C RM15 155
- D RM15 240

15 Antara berikut, manakah kesilapan catatan dalam Imbangan Duga?

		Debit (RM)	Kredit (RM)
I	Alatan pejabat	5 000	
II	Angkutan keluar		50
III	Pulangan belian	110	
IV	Diskaun diberi	120	

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

### MODUL 7: PENYATA MILIKAN TUNGGAL TANPA PELARASAN

1 Maklumat berikut diperolehi dari Kedai Runcit Babazun.

	RM
Inventori awal	4 640
Inventori akhir	5 560
Belian	19 440
Pulangan keluar	880
Angkutan masuk	720
Pulangan masuk	1 040
Jualan	2 940

Berapakan kos jualan?

- A RM10 240
- B RM18 360
- C RM18 560
- D RM19 280

2 Apakah item yang menambahkan kos belian?

- I Angkutan keluar
- II Angkutan masuk
- III Pulangan jualan
- IV Duti import

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan III
- D II dan IV

3 Format Akaun Perdagangan berbentuk 'T' mempunyai beberapa ciri.

- I Kos jualan direkodkan di sebelah debit
- II Jualan direkodkan di sebelah kredit
- III Pulangan jualan direkodkan di sebelah kredit
- IV Kos barang untuk dijual direkodkan di sebelah kredit

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- 4 Penyata kedudukan Kewangan berikut diperolehi daripada Perniagaan Nadirah:

<b>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2021</b>	
	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>	
Perabot	32 000
Alatan Pejabat	40 000
 <u>Aset Semasa</u>	
Inventori Akhir	3 600
Akaun Belum Terima	10 880
Bank	4 800
 <u>Liabiliti Semasa</u>	
Akaun Belum Bayar	3 760

Hitung Modal Kerja pada 31 Mac 2021.

- A RM 3 760
  - B RM 11 760
  - C RM 15 520
  - D RM 19 280
- 5 Butiran manakah yang tidak terdapat dalam Penyata Kedudukan Kewangan bentuk T ?
- A Ambilan
  - B Modal Awal
  - C Modal Akhir
  - D Modal Kerja

- 6 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Arif:

	RM
Aset bukan semasa	31 500
Aset semasa	42 600
Liabiliti bukan semasa	12 000
Liabiliti semasa	<b>X</b>
Ekuiti pemilik	55 700

Berapakah liabiliti semasa Perniagaan Arif?

- A RM6 400  
B RM30 400  
C RM43 700  
D RM62 100
- 7 Akaun Perdagangan disediakan untuk mengetahui sama ada sesebuah perniagaan..
- A Merekod aset perniagaan  
B Merekod liabiliti perniagaan  
C Mendapat untung atau rugi kasar  
D Mendapat untung atau rugi bersih
- 8 Apakah butiran yang terdapat dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi perniagaan di bawah?
- Aura Jelita Spa
- A Hasil perkhidmatan, tunai dan alat tulis  
B Hasil perkhidmatan, gaji dan kadar bayaran  
C Hasil perkhidmatan, inventori akhir dan belian  
D Hasil perkhidmatan, insurans dan pinjaman bank
- 9 Untung bersih atau rugi bersih yang diperoleh hendaklah dipindahkan ke dalam \_\_\_\_\_.
- A Akaun Bank  
B Akaun Modal  
C Akaun Untung Rugi  
D Akaun Perdagangan
- 10 Tujuan penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan ialah untuk\_\_\_\_\_
- A Mendapat untung atau rugi kasar  
B Mendapat untung atau rugi bersih  
C Menyenaraikan semua hasil dan belanja  
D Menyenaraikan semua aset dan liabiliti perniagaan
- 11 Antara yang berikut, urus niaga yang manakah akan mengurangkan modal kerja?
- A Pulangan belian RM550.  
B Gaji belum bayar RM2 100.  
C Menerima pinjaman bank RM50 000.  
D Pemilik membayar sewa kedai RM500 menggunakan wang simpanannya.

- 12 Maklumat berikut diambil daripada Iffan Enterprise pada 31 Disember 2021.

	<b>RM</b>
Untung kasar	11 860
Angkutan masuk	320
Angkutan keluar	210
Kadar bayaran	450
Hutang lapuk terpulih	200
Akaun Belum Terima	5 000

Berapakah untung bersih perniagaan?

- A RM11 500  
 B RM11 400  
 C RM10 080  
 D RM10 680
- 13 Butir manakah yang akan diambil kira semasa menghitung modal kerja?
- A Perabot  
 B Hutang lapuk  
 C Komisen diterima  
 D Akaun Belum Bayar
- 14 Antara berikut, akaun manakah yang terlibat dalam penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan?
- I Tunai dan Overdraf bank  
 II Kenderaan dan Premis  
 III Inventori awal dan Inventori akhir  
 IV Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar
- A I, II dan III  
 B I, II dan IV  
 C I, III dan IV  
 D II, III dan IV
- 15 Apakah kesan ke atas Akaun Untung Rugi perniagaan jika jumlah belanja melebihi jumlah hasil?
- A Rugi kasar  
 B Rugi bersih  
 C Untung kasar  
 D Untung bersih

## MODUL 8: PELARASAN PADA TARIKH IMBANGAN DAN PENYEDIAAN PEYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL

- 1 Apakah maksud belanja prabayar?
- A Belanja yang belum dibayar
  - B Belanja yang mesti dibayar pada tempoh perakaunan semasa
  - C Belanja yang sepatutnya dibayar pada tempoh perakaunan semasa tetapi belum dibayar
  - D Belanja yang sepatutnya dibayar pada tempoh perakaunan hadapan tetapi telah dibayar pada tempoh perakaunan semasa

- 2 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Kosmetik Rina:

### Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019

	Kos (RM)	Susut Nilai Berkumpul (RM)	Nilai Buku (RM)
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Lengkapan	12 000	1 200	10 800

### Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020

	Kos (RM)	Susut Nilai Berkumpul (RM)	Nilai Buku (RM)
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Lengkapan	12 000	<b>R</b>	?

Polisi Perniagaan telah menetapkan kadar susutnilai Lengkapan adalah 10% mengikut kaedah baki berkurangan.

Kirakan **R**.

- A RM1 080
  - B RM1 200
  - C RM2 280
  - D RM2 400
- 3 Komisen belum terperoleh dicatat dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai
- A Aset Semasa
  - B Liabiliti Semasa
  - C Aset Bukan Semasa
  - D Liabiliti Bukan Semasa



4 Maklumat berikut diambil daripada buku Heritage Trading.

	<b>1 Apr 2021</b> <b>(RM)</b>	<b>31 Mac 2022</b> <b>(RM)</b>
Promosi belum bayar	170	520
Promosi prabayar	340	290

**Maklumat tambahan:**

Promosi dibayar berjumlah RM 1 670 dengan cek pada 31 Mac 2022

Berapakah promosi dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2022?

- A RM1 270
- B RM1 950
- C RM1 970
- D RM2 070

5 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Syarikat Global

	RM
Akaun Belum Terima (31 Disember 2021)	12 400
Peruntukan Hutang Ragu (1 Januari 2021)	960
Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan kepada 4% atas Akaun Belum Terima	

Berapakah amaun peruntukan hutang ragu yang perlu dicatatkan dalam Akaun Untung Rugi pada 31 Disember 2021?

- A Pertambahan peruntukan hutang ragu RM464
- B Pertambahan peruntukan hutang ragu RM496
- C Pengurangan peruntukan hutang ragu RM464
- D Pengurangan peruntukan hutang ragu RM496

6 Antara berikut adalah merupakan kaedah mengira susut nilai bagi Aset Bukan Semasa:

- I Kaedah garis lurus
- II Kaedah penilaian semula
- III Kaedah baki berkurangan
- IV Kaedah perakaunan tunai

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

7 Yang manakah antara berikut merupakan Aset Bukan Semasa perniagaan?

- A Bank
- B Kenderaan
- C Akaun Belum Bayar
- D Akaun Belum Terima

8 Pada 31 Disember 2020, Lee Bakery Shop telah membuat pelarasan pada tarikh imbangan Gaji bulan Disember masih belum dibayar sebanyak RM1 000.

Catatan selepas pelarasan manakah yang **betul**?

A Imbangan Duga pada 31 Disember 2020

Butir	Debit	Kredit
Gaji	12 000	
Gaji belum bayar	1 000	

B Imbangan Duga pada 31 Disember 2020

Butir	Debit	Kredit
Gaji		12 000
Gaji belum bayar		1 000

C Imbangan Duga pada 31 Disember 2020

Butir	Debit	Kredit
Gaji	12 000	
Gaji belum bayar		1 000

D Imbangan Duga pada 31 Disember 2020

Butir	Debit	Kredit
Gaji		12 000
Gaji belum bayar	1 000	

- 9 Maklumat berikut diperoleh daripada Barakah Enterprise:

	<u>1 Januari 2020</u>	<u>31 Disember 2020</u>
	RM	RM
Sewa belum terima	1 000	2 000

Buku Tunai		
	RM	RM
Sewa	11 000	

Berapakah sewa yang diiktiraf dalam tahun kewangan tersebut?

- A RM9 000
  - B RM10 000
  - C RM12 000
  - D RM13 000
- 10 Pada akhir tempoh perakaunan, buku Rizqi Enterprise menunjukkan baki-baki berikut:

Item	RM
Aset	43 560
Liabiliti	18 370

Berapakah modal awal perniagaan jika Rizqi Enterprise mengalami kerugian sebanyak RM 4 950?

- A RM20 240
  - B RM30 140
  - C RM56 980
  - D RM66 880
- 11 Kedai Kadir membeli sebuah almari bernilai RM5 000 dan penggunaannya dijangka selama 5 tahun. Pada akhir tempoh penggunaan, nilai skrap dianggarkan RM500. Berapakah susut nilai terkumpul pada tahun ke 5 penggunaannya?
- A RM950
  - B RM1 000
  - C RM2 500
  - D RM4 500
- 12 Rahimah Trading telah membayar insurans kedai RM1 200 pada 1 September 2021 . Tempoh perakaunannya berakhir pada 30 Jun 2022.

Pilih padanan yang betul.

	Akaun Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
A	Insurans RM200	Insurans prabayar RM1 000
B	Insurans RM1 000	Insurans prabayar RM200
C	Insurans RM1 200	Insurans prabayar RM240
D	Insurans RM240	Insurans prabayar RM1 200

- 13 Petikan berikut diperolehi daripada Imbangan Duga Kedai Dayang pada 31 Disember 2021:

Kedai Dayang  
Imbangan Duga pada 31 Disember 2021

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Terima	3 800	
Hutang lapuk	300	
Peruntukan hutang ragu		200

Maklumat tambahan:

Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas Akaun Belum Terima bersih.

Berapakah amaun peruntukan hutang ragu direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan

- A RM10
- B RM25
- C RM175
- D RM190

- 14 Maklumat kewangan berikut diambil daripada Perabot Murni pada 31 Mei 2022:

	RM
Bank	3 300
Gaji belum bayar	800
Insurans prabayar	200
Inventori akhir	10 700
Perabot	5 000
Akaun Belum Terima	2 100
Susut nilai terkumpul perabot	1 000
Akaun Belum Bayar	2 600

Berapakah modal kerja?

- A RM12 900
- B RM17 900
- C RM18 900
- D RM19 500

- 15 Puan Nuzul telah membeli sebuah kenderaan dengan harga RM86 000 pada 1 Julai 2019. Susut nilai kenderaan ditetapkan dengan kadar 10% setahun atas kos. Pada 31 Disember 2021, Puan Nuzul telah melupuskan kenderaan tersebut dengan harga RM60 000 secara tunai. Tempoh perakaunan berakhir pada setiap 31 Disember.

Berapakah untung atau rugi atas pelupusan kenderaan tersebut?

- A Rugi RM200
- B Untung RM200
- C Rugi RM4 500
- D Rugi RM26 000

**MODUL 9: PEMBETULAN KESILAPAN**

- 1 Antara yang berikut, manakah **BUKAN** kesilapan tidak ketara.
- A Kesilapan prinsip
  - B Kesilapan komisen
  - C Kesilapan ketinggalan satu urusan niaga
  - D Kesilapan merekod pada satu akaun sahaja
- 2 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku peniaga Perabot Rohayu Marang.

Belian daripada Maimun RM4 000 telah tersalah catat dalam Akaun Maimunah

Catatan yang manakah membetulkan kesilapan di atas?

A **Jurnal Am**

	Debit	Kredit
Maimun	4 000	
Maimunah		4 000

B **Jurnal Am**

	Debit	Kredit
Maimunah	4 000	
Maimun		4 000

C **Jurnal Am**

	Debit	Kredit
Maimun	8 000	
Maimunah		8 000

D **Jurnal Am**

	Debit	Kredit
Maimunah	8 000	
Maimun		8 000

- 3 Imbangan Duga yang disediakan oleh Nani Songket menunjukkan jumlah debit dan kredit seimbang, namun kerani akaun telah menemui satu kesilapan.

Apakah kesilapan tersebut.

- A Bayaran sewa kedai dicatat dalam Akaun Sewa Diterima
- B Belian barang niaga telah tertinggal rekod dalam Akaun Belian
- C Angkutan Masuk telah dicatatkan dalam Akaun Angkutan Keluar
- D Jualan tunai telah dikreditkan dalam Akaun Jualan dan Akaun Tunai

- 4 Kesilapan manakah yang tidak ketara dalam Imbangan Duga.

- A Diskaun diberi RM50 telah direkodkan dalam Akaun Diskaun Diterima
- B Bayaran gaji RM800 secara tunai hanya direkodkan dalam Akaun Tunai
- C Belian alatan pejabat RM400 dengan cek telah direkodkan dalam Akaun Belian
- D Jualan secara kredit RM355 telah direkodkan sebagai RM335 dalam Akaun Jualan sahaja

- 5 Kesilapan-kesilapan berikut dikesan dalam buku perakaunan Kedai Cat Jernih.

- I Jumlah Jurnal Pulangan Belian terlebih catat RM400
- II Angkutan keluar RM220 tersalah catat sebagai pulangan keluar
- III Ambilan tunai RM120 terlupa direkodkan dalam buku perniagaan
- IIII Jualan RM530 kepada Puan Kamini tersalah catat ke Akaun Puan Kamimi

Kesilapan manakah dapat dikesan dalam Imbangan Duga.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D Iii dan IV

- 6 Imbangan Duga Perniagaan Ramli pada 30 Jun 2022 tidak seimbang kerana jumlah debit melebihi kredit sebanyak RM600.

Apakah kesilapan yang mungkin berlaku.

- A Belian secara kredit RM600 belum dicatat dalam Akaun Belian
- B Jualan perabot lama RM600 belum dikredit dalam Akaun Perabot
- C Diskaun diberi RM600 belum direkodkan dalam Akaun Diskaun Diberi
- D Bayaran cek RM600 kepada Akaun Belum Bayar belum direkod dalam mana-mana buku

- 7 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Bunga Melur.

***Angkutan keluar RM450 telah direkod sebagai RM400 manakala belanja Promosi RM502 direkod sebagai RM552.***

Apakah jenis kesilapan tersebut.

- A Kesilapan amaun
- B Kesilapan prinsip
- C Kesilapan komisen
- D Kesilapan saling mengimbangi

- 8 Pernyataan manakah yang menerangkan kesilapan komisen.
- A Sesuatu urusan niaga telah dicatat dalam akaun yang salah
  - B Catatan debit atau kredit telah dicatat ke akaun perorangan yang salah
  - C Kesilapan di sebelah debit telah diimbangi oleh kesilapan di sebelah kredit
  - D Catatan bergu telah diterbalikkan walaupun telah dicatat dalam dua akaun yang betul
- 9 Sewa yang diterima RM750 daripada penyewa telah direkodkan dalam Akaun Sewa Dibayar. Apakah jenis kesilapan ini.
- A Kesilapan prinsip
  - B Kesilapan terbalik
  - C Kesilapan komisen
  - D Kesilapan saling mengimbangi
- 10 Kesilapan prinsip ialah.....
- A Catatan debit atau kredit telah dicatat ke akaun perorangan yang salah
  - B Catatan bergu telah diterbalikkan walaupun telah dicatat dalam dua akaun yang betul
  - C Merekod urusan niaga dalam akaun yang salah di bawah pengelasan akaun yang berbeza
  - D Merekod akaun yang betul dalam akaun yang salah di bawah pengelasan akaun yang sama
- 11 Berikut ialah kesilapan tidak ketara bagi perniagaan Tok Jembal Trading pada 31 Disember 2021.
- Sebuah kenderaan peribadi RM15 000 telah dibawa masuk untuk kegunaan perniagaan
- Apakah kesan kesilapan tersebut terhadap Penyata Kedudukan Kewangan?
- A Modal dan kenderaan terlebih catat RM15 000
  - B Modal dan kenderaan terkurang catat RM15 000
  - C Modal terkurang catat dan kenderaan terlebih catat RM15 000
  - D Modal terlebih catat dan kenderaan terkurang catat RM15 000
- 12 Kesilapan berikut dilakukan oleh kerani akaun Perniagaan Batik Mesra:
- Jualan kredit kepada Kedai Kain Marang RM336 tersilap rekod sebagai RM363
- Bagaimanakah kesilapan tersebut diperbetulkan dalam Jurnal Am?

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
A	Jualan Kedai Kain Marang	27	27
B	Kedai Kain Marang Jualan	27	27
C	Jualan Kedai Kain Marang	336	336
D	Kedai Kain Marang Jualan	336	336

- 13 Bayaran belanja membaiki untuk tiga buah kenderaan pada 15 Januari 2023 berjumlah RM5 500 telah tersilap catat dalam Akaun Kenderaan.

Apakah catatan jurnal untuk membetulkan kesilapan tersebut?

A

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2023 Jan 15	Belanja Membaiki Kenderaan Kenderaan	RM 5 500	RM 5 500

B

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2023 Jan 15	Belanja Membaiki Kenderaan Bank	RM 5 500	RM 5 500

C

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2023 Jan 15	Kenderaan Belanja Membaiki Kenderaan	RM 5 500	RM 5 500

D

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2023 Jan 15	Kenderaan Bank	RM 5 500	RM 5 500

- 14 Kesilapan manakah yang memberi kesan kepada Penyata Kedudukan Kewangan?

- A Angkutan keluar direkod sebagai angkutan masuk
- B Jualan dan sewa dibayar terkurang catat RM300
- C Angkutan masuk direkod sebagai duti import
- D Belian kredit terlebih catat RM2 200



- 15 Belanja memperbaiki lekapan sebanyak RM 1 200 telah dicatat ke dalam Akaun Lekapan. Apakah jenis kesilapan ini?
- A Kesilapan terbalik
  - B Kesilapan prinsip
  - C Kesilapan komisen
  - D Kesilapan keseimbangan

**MODUL 10: ANALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN**

- 1 P adalah rumus bagi Nisbah Keberuntungan.

$$P = \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal awal}} \times 100\%$$

Apakah P?

- A Tokokan
  - B Margin untung kasar
  - C Margin untung bersih
  - D Pulangan atas modal
- 2 Apakah tafsiran yang tepat mengenai nisbah berikut:
- Nisbah semasa bagi Syarikat Kalkatu Berhad ialah 3:1
- A Setiap RM3 nilai aset semasa dapat menjelaskan RM1 nilai liabiliti semasa
  - B Jika RM3 dilaburkan, syarikat memperoleh pulangan sebanyak RM1
  - C ¼ daripada jumlah aset adalah aset semasa
  - D Jumlah liabiliti melebihi 3 kali ganda aset
- 3 Data berikut diperoleh daripada Kedai Kasut Hawariah pada 31 Disember 2020:

	RM
Jualan	60 000
Inventori awal	3 500
Inventori akhir	4 000
Untung kasar adalah 25% daripada jualan	

Berapakah kadar pusing ganti inventori Kedai Kasut Hawariah?

- A 4 kali
- B 12 kali
- C 16 kali
- D 20 kali

4 Data berikut diambil daripada buku perniagaan Butik Sofiya.

	<b>RM</b>
Modal awal	90 000
Jualan	108 000
Belanja operasi	15 390
Untung kasar	28 350

Hitung peratus untung bersih atas jualan Butik Sofiya.

- |       |       |
|-------|-------|
| A 10% | C 15% |
| B 12% | D 16% |

5 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan pelbagai firma bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

Firma	Untung Kasar (RM)	Untung Bersih (RM)	Modal Awal (RM)
Firma Mawar	300 000	135 000	600 000
Firma Orkid	255 000	120 000	750 000
Firma Melati	195 000	142 500	600 000
Firma Melur	150 000	75 000	450 000

Firma terbaik untuk membuat pelaburan ialah

- |               |                |
|---------------|----------------|
| A Firma Mawar | C Firma Melati |
| B Firma Orkid | D Firma Melur  |

6 Firma Sepakat Jaya mempunyai nisbah semasa 3 : 1 bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019. Apakah tafsiran yang betul mengenai maklumat tersebut.

- A Firma mempunyai nisbah kecairan yang rendah.
- B Firma tidak mampu menjelaskan hutang jangka pendek.
- C Bagi setiap RM3 liabiliti semasa, firma mempunyai RM1 aset semasa untuk menjelaskannya
- D Bagi setiap RM1 liabiliti semasa, firma mempunyai RM3 aset semasa untuk menjelaskannya

7 Nisbah semasa Jijah Enterprise didapati tidak memuaskan iaitu 1 : 3. Apakah tindakan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini?

- I Menambah inventori dengan membuat belian
- II Mendapatkan pinjaman daripada pihak bank
- III Menjual sebahagian daripada aset bukan semasa
- IV Meminta pelanggan menjelaskan hutang mereka

- |            |              |
|------------|--------------|
| A I dan II | C II dan III |
| B I dan IV | D III dan IV |

- 8 Encik Habibul sedang mempertimbangkan sama ada membuat pelaburan dalam Teguh Berhad atau Gemilang Berhad.

Antara analisis nisbah yang berikut, yang manakah dapat membantu beliau membuat keputusan untuk melabur?

- A Tokokan
- B Pulangan atas Modal
- C Margin Untung Kasar
- D Kadar Pusing Ganti Inventori

- 9 Maklumat berikut diambil daripada Mayang Enterprise pada 31 Disember 2020:

	<b>RM</b>
Inventori awal	2 500
Kos jualan	18 000
Kadar pusing ganti inventori	5 kali

Hitungkan nilai inventori akhir.

- A RM3 600
  - B RM4 700
  - C RM1 100
  - D RM12 500
- 10 Puan Fariza memaklumkan syarikatnya akan memperoleh untung kasar sebanyak 25 sen bagi setiap RM1 jualan bersihnya.

Apakah analisis nisbah yang digunakan?

- A Tokokan
- B Margin untung kasar
- C Margin untung bersih
- D Pulangan atas modal

- 11 Maklumat berikut diambil daripada Syarikat Tembaga Asli.

	<b>RM</b>
Inventori pada 1 April 2021	8 750
Inventori pada 31 Mac 2022	9 330
Untung kasar	2 240
Kadar pusing ganti inventori 8 kali	

Berapakah jualan?

- A RM70 080
- B RM72 320
- C RM74 560
- D RM76 880

- 12 Petikan Akaun Perdagangan berikut diambil daripada Kedai Chinta bagi tahun berakhir 30 Jun 2021.

Jualan	<b>RM</b>	<b>RM</b>
		103 250
<b>Tolak Kos jualan:</b>		
Inventori awal	18 750	
Belian	76 920	
	95 670	
<b>Tolak Inventori akhir</b>	<b>13 070</b>	
Kos jualan		82 600
Untung kasar		20 650

Berapakah tokokan bagi tahun tersebut?

- A 20%
- B 22%
- C 25%
- D 27%

- 13 Kadar pusing ganti inventori yang rendah menunjukkan

- I modal terikat pada inventori
  - II jualan barang niaga kurang laris
  - III tukar ganti inventori yang kerap
  - IV cekap dalam mengurus inventori
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 14 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Gemilang Owsom Berhad

Tahun	Nisbah Semasa
2020	1 : 1
2021	2 : 1

Tafsirkan prestasi syarikat bagi tahun 2021 berbanding 2020.

- A Merosot dan tidak mampu membayar hutang
  - B Meningkatkan ke tahap kecairan yang lebih baik
  - C Merosot tapi masih mampu membayar hutang
  - D Meningkatkan terlalu tinggi dan kurang memberi pulangan
- 15 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Zaid dan Aisy Trading.

	Perniagaan Zaid	Aisy Trading
Nisbah semasa	2.5 : 1	1.8 : 1
Pulangan atas modal	25%	37%
Kadar pusing ganti inventori	3 kali	5 kali

Berdasarkan analisis nisbah di atas, pilih pernyataan yang **betul**.

- A Perniagaan Zaid lebih cekap menguruskan inventori perniagaan berbanding Aisy Trading
- B Pelabur luar lebih berminat untuk melabur dalam Perniagaan Zaid berbanding Aisy Trading
- C Aisy Trading tidak mampu untuk membayar hutang jangka pendek berbanding Perniagaan Zaid
- D Keupayaan Perniagaan Zaid membayar hutang jangka pendek adalah lebih tinggi berbanding Aisy Trading

**MODUL 11 : REKOD TAK LENGKAP**

1 Maklumat berikut berkaitan dengan Kedai Qisha yang tidak menyimpan rekod dengan lengkap:

Penyata Mengira Modal pada 1 Januari 2018

		RM
	<b>P</b>	45 500
Tolak	<b>Q</b>	<u>15 500</u>
		30 000

Apakah butiran **P** dan **Q**?

- A Hasil dan belanja
- B Aset dan Liabiliti
- C Modal akhir dan modal awal
- D Aset semasa dan liabiliti semasa

2 Rumus berikut digunakan untuk mengira untung atau rugi sesuatu perniagaan:

$\text{Untung / (rugi)} = \text{Modal Akhir} + \mathbf{X} - \mathbf{Y} - \text{Modal Awal}$
---

Apakah **X** dan **Y**?

	<b>X</b>	<b>Y</b>
A	Modal tambahan	Ambilan
B	Modal kerja	Ambilan
C	Ambilan	Modal tambahan
D	Modal	Modal kerja

3 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Runcit Sejahtera pada 1 Januari 2018 yang tidak mengamalkan sistem catatan bergu.

	RM
Inventori	11 900
Perabot	3 200
Bank	4 100
Akaun Belum Bayar	8 600
Akaun Belum Terima	1 700
Kadar bayaran belum bayar	110

Berapakah modal pada 1 Januari 2018 kedai tersebut?

- A RM8 790
- B RM12 190
- C RM12 410
- D RM29 610

- 4 Situasi rekod tak lengkap yang manakah boleh berlaku dalam sesebuah perniagaan?
- A Tiada kawalan tunai dalam perniagaan
  - B Buku-buku akaun telah tercicir atau musnah
  - C Jumlah Imbangan Duga tidak dihitung dengan tepat
  - D Peniaga tidak merancang perbelanjaan dengan baik

5 Maklumat berikut diberikan oleh Kedai Runcit Rahmat.

	RM
Akaun Belum Terima pada 1 Januari 2019	3 000
Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2019	4 000
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	8 000
Pulangan jualan	320

Berapakah jualan kredit kedai tersebut?

- A RM6 680
  - B RM7 320
  - C RM8 680
  - D RM9 320
- 6 Maklumat berikut diambil daripada Kedai Runcit Mek Da:

	<b>RM</b>
Modal pada 1 Jun 2020	80 000
Modal pada 31 Mei 2021	94 000
Modal tambahan	3 000
Ambilan	400

Hitungkan untung bersih Kedai Runcit Mek Da bagi tahun berakhir 31 Mei 2021.

- A Untung bersih RM10 600
  - B Untung bersih RM11 400
  - C Untung bersih RM16 600
  - D Untung bersih RM17 400
- 7 Berikut ialah Akaun Kawalan Belum Terima bagi Kedai Buku Rakyat:

Akaun Kawalan Belum Terima					
2017		RM	2017		RM
Jan 1	Baki b/b	2 910	Jan 31	Bank	9 420
31	<b>M</b>	10 780		Pulangan masuk	480
		13 690		Baki h/b	3 790
					13 690

Apakah **M** ?

- A Jualan
- B Kontra
- C Hutang lapuk
- D Diskaun diberi

- 8 Puan Berlian pemilik Pustaka Berlian mempunyai rekod perniagaan yang tidak lengkap. Beliau membuat analisis berkaitan perabot perniagaannya seperti berikut:

	RM
Baki perabot pada 1 April 2020	8 400
+ Belian perabot baru	2 600
	11 000
- Baki perabot pada 31 Mac 2021	9 900
<b>X</b>	1 100

Apakah **X** ?

- A Susut nilai perabot
  - B Rugi atas pelupusan perabot
  - C Baki perabot pada 1 April 2021
  - D Untung atas pelupusan perabot
- 9 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Jamilah bagi tahun berakhir 30 April 2021.

	RM
Jualan tunai	22 700
Jualan kredit	10 300

Berapakah nilai jualan yang akan dipindahkan ke Akaun Perdagangan?

- A RM10 300
  - B RM12 400
  - C RM22 700
  - D RM33 000
- 10 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Faizal pada 31 Mac 2021.

	RM
Inventori awal	34 600
Belian	53 800
Pulangan belian	400

**Maklumat tambahan:**

Faizal telah mengambil barang niaga RM200 untuk kegunaan keluarganya.



Berapakah jumlah belian bersih Kedai Faizal?

- A RM51 000
- B RM53 400
- C RM53 200
- D RM53 800

11 Antara berikut, yang manakah menyebabkan rekod perakaunan tak lengkap?

- I Menyimpan hanya rekod Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar
- II Mencatat di Buku Tunai sahaja
- III Merekod menggunakan sistem catatan bergu
- IV Mencatat di buku catatan pertama dan pindahan ke lejar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Antara berikut, yang manakah ditolak daripada modal akhir untuk mendapatkan untung bersih?

- I Belanja
- II Ambilan
- III Modal awal
- IV Modal tambahan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Maklumat di bawah diperolehi daripada Kedai Runcit Bibi yang gagal mengamalkan sistem catatan bergu.

	<b>RM</b>
Baki awal Akaun Belum Bayar	3 760
Baki akhir Akaun Belum Bayar	4 280
Pulangan belian	1 210
Pembayaran kepada pembekal	7 390

Berapakah belian kredit?

- A RM5 660
- B RM6 700
- C RM8 080
- D RM9 120

14 Maklumat yang berikut diperoleh daripada Syarikat Garden pada 31 Disember 2021

	<b>RM</b>
Modal awal	22 000
Modal akhir	28 060
Modal tambahan	4 500
Untung bersih	3 280

Berapakah ambilan perniagaan tersebut?

- A RM1 220
- B RM1 720
- C RM6 220
- D RM8 280

15 Baki-baki berikut diambil daripada perniagaan Wajdee Enterprise pada 31 Mei 2022

Aset	RM50 000
Liabiliti	RM17 590

Berapakah modal awal perniagaan jika perniagaan mengalami kerugian sebanyak RM5 950?

- A RM23 540
- B RM26 460
- C RM32 410
- D RM38 360

## **MODUL 12: PERAKAUNAN UNTUK KAWALAN DALAMAN**

1 Berikut merupakan situasi dalam Perniagaan Matahari.

Encik Ghazali menggaji dua orang kerani, seorang ditugaskan untuk merekod Buku Tunai dan seorang lagi untuk mengendalikan tunai

Apakah tujuan Encik Ghazali berbuat demikian?

- A Mengelak berlaku pembaziran
- B Mengelak penyalahgunaan tunai
- C Memastikan tunai tidak dipegang terlalu banyak
- D Memastikan perniagaan mempunyai tunai mencukupi

2 Belanjawan tunai bagi Nasuha Enterprise bagi bulan Januari 2022 adalah seperti berikut:

	RM
Baki awal	8 500
<b>Penerimaan:</b>	
Akaun Belum Terima	3 500
Jualan	22 000
<b>Pembayaran</b>	
Akaun Belum Bayar	4 600
Belian	10 500
Gaji	1 200
Kadar bayaran	800

Hitungkan baki akhir tunai Nasuha Enterprise pada bulan tersebut.

- A RM8 400
  - B RM9 500
  - C RM16 900
  - D RM18 000
- 3 Maklumat berikut diperolehi daripada sebuah perniagaan.

Encik Johari ingin menyediakan Belanjawan Tunai perniagaannya untuk tempoh tiga bulan berakhir 31 Disember 2021. Belian bulan September dianggarkan berjumlah RM30 000 dan akan meningkat 10% setiap bulan berikutnya.

Berapakah anggaran belian pada bulan Disember?

- A RM30 000
  - B RM33 000
  - C RM36 300
  - D RM39 930
- 4 Data berikut diambil daripada Perniagaan Rania:

	RM
Akaun Belum Bayar	5 500
Akaun Belum Terima	2 800
Inventori Akhir	2 600
Bank	?
Nisbah Semasa	2:1

Hitung nilai bank

- A RM5 500
- B RM5 600
- C RM10 900
- D RM11 000

5 Encik Veloo telah tidak menyimpan rekod Veloo Hardware dengan lengkap.

Butir-butir berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 31 Disember 2022:

	<b>RM</b>
Baki Akaun Belum Terima 1 Januari 2022	65 420
Diskaun diberi	350
Pulangan keluar	170
Peruntukan hutang ragu	250
Hutang lapuk	50
Jualan (termasuk jualan tunai RM1 000)	9 840
Baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2022	2 800

Berapakah jumlah penerimaan oleh Veloo Hardware?

- A RM70 890
- B RM71 060
- C RM74 090
- D RM74 260

6 Mira ingin menyediakan Belanjawan Tunai perniagaannya untuk tempoh tiga bulan berakhir 31 Disember 2022. Jualan dianggarkan berjumlah RM38 400 setiap bulan, iaitu 60% daripadanya diberi tempoh kredit. Berapakah anggaran jualan tunai pada bulan November?

- A RM15 360
- B RM23 040
- C RM27 120
- D RM38 400


7 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Asraf Iman:

	<b>RM</b>
Baki debit Buku Tunai	2 300
Cek Belum Dikemukakan	500
Deposit Belum Dikreditkan	3 500
Buku Tunai berkurang catat (di sebelah debit)	90

Berapakah baki akhir di Penyata Bank?

- A Baki debit RM520
- B Baki kredit RM520
- C Baki debit RM610
- D Baki kredit RM610

- 8 Maklumat graf di bawah adalah mengenai anggaran penerimaan dan pembayaran Perniagaan Sara bagi bulan Januari dan Februari 2023.



Jika baki tunai pada 31 Disember 2022 berjumlah RM10 000, berapakah baki awal bulan Mac 2023

- A RM3 000
  - B RM6 000
  - C RM12 000
  - D RM16 000
- 9 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai Penyata Penyesuaian Bank.
- A Penyata yang disediakan oleh pihak bank untuk menyelaraskan baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank.
  - B Penyata yang disediakan oleh peniaga untuk menyelaraskan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank.
  - C Penyata yang disediakan untuk memastikan ketepatan dan kesahan rekod dalam penyata supaya sebarang kesilapan dapat diperbetulkan.
  - D Penyata yang disediakan untuk menentukan jumlah tunai sebenar yang terdapat dalam perniagaan.
- 10 Petikan Buku Tunai dan Penyata Bank berikut diambil dari buku Perniagaan Ahmad:

Buku Tunai				
	2021		No. Cek	RM
	Feb 5	Belian	453211	223

Penyata Bank			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2021		RM	RM
Feb 16	No. Cek 453211	232	

Apakah catatan yang betul dalam Buku Tunai yang dikemaskinikan?

A	Buku Tunai		
	2021		RM
	Feb 28	Belian	9
B	Buku Tunai		
	2021		RM
	Feb 28	Belian	9
C	Buku Tunai		
	2021		RM
	Feb 28	Belian	223
D	Buku Tunai		
	2021		RM
	Feb 28	Belian	232

11 Pada 31 Januari 2022, Buku Tunai Lang Inn menunjukkan baki debit RM2 450 yang berbeza dengan baki di Penyata Bank. Perbezaan tersebut disebabkan oleh butir-butir berikut yang tidak dicatat dalam Buku Tunai:

	RM
Dividen – pindahan kredit	1 200
Insurans	540

Hitungkan baki Penyata Bank pada 31 Januari 2022.

- |   |         |   |         |
|---|---------|---|---------|
| A | RM710   | C | RM3 110 |
| B | RM1 790 | D | RM4 190 |

12 Antara berikut, yang manakah bukan sebab cek tak layan?

- A Cek terkoyak atau rosak
- B Cek telah tamat tempoh sah laku
- C Pindahan di atas cek yang disahkan
- D Jumlah tunai dalam bank tidak mencukupi

13 Penyata Penyesuaian Bank berikut diperolehi daripada sebuah perniagaan:

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2021			
		RM	RM
<b>P</b>			300
Tambah :	Cek belum dikemukakan	500	
	Dividen	300	
			800
			1 100
Tolak :	Cek belum dikreditkan	600	
	Insurans	700	
			1 300
<b>Q</b>			(200)

Apakah **P** dan **Q**?

	<b>P</b>	<b>Q</b>
A	Baki debit dalam Buku Tunai	Baki kredit dalam Penyata Bank
B	Baki kredit dalam Penyata Bank	Baki debit dalam Buku Tunai
C	Baki debit dalam Buku Tunai	Baki debit dalam Penyata Bank
D	Baki debit dalam Penyata Bank	Baki debit dalam Buku Tunai

14 Penyata Bank menunjukkan baki debit RM340. Apakah maksud baki debit dalam Penyata Bank?

- A Baki akhir Buku Tunai menunjukkan baki sebanyak RM340
- B Baki akhir Penyata Bank menunjukkan baki sebanyak RM340
- C Baki akhir Buku Tunai menunjukkan overdraf sebanyak RM340
- D Baki akhir Penyata Bank menunjukkan overdraf sebanyak RM340

15 Maklumat berikut diambil daripada Syarikat Melor Berhad. Berapakah baki akhir Penyata Bank?

	<b>RM</b>
Baki kredit Buku Tunai	3 850
Cek belum dikemukakan	2 360
Deposit belum dikreditkan	4 770

- A Baki kredit di Penyata Bank RM1 440
- B Baki debit di Penyata Bank RM1 440
- C Baki kredit di Penyata Bank RM6 260
- D Baki debit di Penyata Bank RM6 260

### MODUL 13: PERAKAUNAN UNTUK PERKONGSIAN

1 Apakah yang menyebabkan berlakunya kurangan dalam Akaun Modal pekongsi?

- A Sumbangan modal pekongsi yang tinggi
- B Pekongsi membuat ambilan yang sedikit
- C Nilai aset yang diambil alih terlalu rendah
- D Pekongsi terpaksa menanggung rugi realisasi

2 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Aziz dan Azizah:

Modal Aziz pada 1 Januari 2021 ialah RM14 000. Pada 1 Julai 2021, Aziz membawa masuk modal tambahan sebanyak RM3 000. Faedah atas modal adalah 4% setahun. Tahun kewangan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Berapakah faedah atas modal Aziz?

- A RM120
- B RM560
- C RM620
- D RM680

- 3 Perkongsian Tania dan Rania telah memberikan maklumat berikut pada 30 September 2022:

Tania	
	RM
Kongsi untung	8 000
Ambilan	1 500
Faedah atas modal	4 000

Hitung baki akaun semasa Tania.

- A RM2 500  
 B RM5 500  
 C RM10 500  
 D RM13 500
- 4 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Cerdik:

Akaun Semasa Muaz			
<b>P</b>	500	Baki b/b	1 200
Baki h/b	900	<b>Q</b>	200

Apakah **P** dan **Q**?

	<b>P</b>	<b>Q</b>
A	Faedah atas ambilan	Ambilan
B	Kongsi untung	Faedah atas ambilan
C	Ambilan	Gaji
D	Gaji	Kongsi untung

- 5 Tempoh perakaunan Perkongsian Kamal dan Karim berakhir pada 30 Jun setiap tahun. Maklumat berikut menunjukkan ambilan yang dibuat oleh Kamal:

Tarikh	Jumlah (RM)
1 Oktober 2020	2 000
1 April 2021	4 000

Berapakah faedah atas ambilan bagi Kamal apabila kadar faedah atas ambilan ialah 5% setahun?

- A RM100  
 B RM125  
 C RM175  
 D RM300



- 6 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Two Ah yang dimiliki oleh Ahmad dan Ah Seng:

	RM
Untung bersih	15 800
Faedah atas modal	1 200
Faedah atas ambilan	2 300
Untung dibahagi sama rata	

Berapakah kongsi untung bagi setiap pekongsi?

- A RM6 150  
 B RM7 350  
 C RM8 450  
 D RM9 650
- 7 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Ginny dan Wei Jin pada 31

Disember 2020:

	RM
Faedah atas modal	14 000
Faedah atas ambilan	600
Untung bersih	50 000
Modal Ginny	20 000
Modal Wei Jin	40 000

Untung dan rugi dibahagikan mengikut nisbah modal. Berapakah bahagian untung pekongsi Wei Jin?

- A RM12 200  
 B RM24 400  
 C RM35 400  
 D RM36 600
- 8 Berdasarkan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961, pilih pernyataan yang **benar**.
- A Untung atau rugi dibahagikan secara adil mengikut nisbah modal  
 B Buku akaun perkongsian boleh disimpan di rumah pekongsi  
 C Pekongsi yang menguruskan perniagaan akan dibayar gaji setimpal  
 D Faedah 8% setahun dibayar atas pinjaman yang diberikan oleh pekongsi
- 9 Haikal dan Farisha ialah pekongsi-pekongsi dalam sebuah perkongsian. Pada 31 Disember 2022, mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian itu.

Jumlah aset dan liabiliti pada tarikh itu adalah seperti berikut:

	RM
Aset	35 000
Liabiliti	1 550

Semua aset telah direalis dengan RM27 000 dan liabiliti telah dijelaskan sepenuhnya. Belanja realisasi ialah RM600. Berapakah untung atau rugi realisasi perkongsian tersebut?

- A Untung RM7 050
- B Untung RM8 600
- C Rugi RM7 050
- D Rugi RM8 600

10 Mengapakah sesebuah perniagaan perkongsian dibubarkan?

- I Salah seorang pekongsi meninggal dunia
- II Perniagaan perkongsian mendapat kerugian
- III Seorang pekongsi lewat menjelaskan pinjaman peribadi
- IV Perniagaan perkongsian ditukarkan kepada syarikat berhad

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Jumlah aset sebuah perkongsian ialah RM38 000 dan jumlah liabilitinya ialah RM4 200. Dalam proses realisasi, semua aset direalis sebanyak RM32 000. Belanja realisasi berjumlah RM500.

Hitung rugi realisasi.

- A RM5 500
- B RM6 500
- C RM10 200
- D RM10 700

12 Pilih susunan yang betul tentang perekodan pembubaran perkongsian?

- I Membayar belanja realisasi
- II Menutup dan mengimbang akaun realisasi
- III Menutup dan memindahkan semua aset kecuali bank ke akaun realisasi
- IV Merekod penerimaan daripada jualan aset dan bayaran daripada akaun belum terima

- A I, II, III, IV
- B II, III, IV, I
- C III, IV, I, II
- D IV, I, II, III

13 Nazira dan Nazura ialah pekongsi-pekongsi dalam sebuah perkongsian. Pada 31 Disember 2021, mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian itu.

Jumlah aset dan liabiliti pada tarikh itu adalah seperti berikut:

	RM
Aset	35 000
Liabiliti	1 550
Modal Nazira	10 000
Modal Nazura	20 000

Semua aset telah direalis dengan jumlah RM27 000 dan liabiliti telah dijelaskan sepenuhnya. Belanja realisasi RM600. Berapakah untung atau rugi realisasi perkongsian tersebut?

- A Untung RM7 050
- B Untung RM8 600
- C Rugi RM7 050
- D Rugi RM8 600

14 Apakah catatan yang betul untuk merekod aset diambil alih oleh pekongsi semasa proses pembubaran?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Realisasi	Modal
B	Bank	Realisasi
C	Modal	Realisasi
D	Realisasi	Bank

15 Antara berikut, akaun manakah yang tidak di pindahkan ke Akaun Realisasi?

- A Akaun Modal
- B Akaun Premis
- C Akaun Inventori
- D Akaun Belum Terima

**MODUL 14: PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD**

1 Pilih padanan yang **betul**.

	Dividen Interim	Dividen Akhir
A	Diisytiharkan selepas keuntungan sebenar diketahui	Pembayaran dividen dibuat selepas tempoh perakaunan berakhir
B	Dividen yang dibayar sebelum keuntungan sebenar diketahui	Dividen yang dibayar kepada pemegang syer keutamaan
C	Pembayaran dividen dibuat sebelum tempoh perakaunan berakhir	Diisytiharkan selepas keuntungan sebenar diketahui
D	Dividen yang dibayar kepada pemegang syer biasa	Pembayaran dividen dibuat sebelum tempoh perakaunan berakhir

2 Syarikat Maju Jaya Berhad telah menerbitkan syer-syer berikut pada 1 Mac 2021:

- 3 000 000 unit 5% Syer Keutamaan RM3 sesyer
- 10 000 000 unit Syer Biasa RM2 sesyer

Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 31 Mac 2021. Pada 30 September 2021, lembaga pengarah syarikat memutuskan untuk membayar dividen interim kepada pemegang syer keutamaan dan sebanyak 3 sen sesyer untuk syer biasa.

Hitung jumlah dividen interim yang dibayar kepada pemegang syer keutamaan dan syer biasa.

- A Syer Keutamaan RM225 000, Syer Biasa RM300 000
- B Syer Keutamaan RM225 000, Syer Biasa RM600 000
- C Syer Keutamaan RM450 000, Syer Biasa RM300 000
- D Syer Keutamaan RM450 000, Syer Biasa RM600 000

3 Pada 1 Ogos 2020, Syarikat Seri Berang Berhad menerbitkan 300 000 unit Syer Biasa pada nilai RM1 sesyer kepada orang awam. Permohonan ditutup pada 15 Ogos 2021 dan jumlah permohonan yang diterima adalah RM500 000. Lembaga pengarah memutuskan untuk memulangkan lebihan langganan syer kepada pemohon yang tidak berjaya pada 30 Ogos 2020.

Catatan yang manakah **tepat** untuk merekod urus niaga pada 30 Ogos 2020 dalam Jurnal Am?

	Tarikh 2020	Butiran	Debit RM	Kredit RM
A	Ogos 30	Bank Modal Syer Biasa	200 000	200 000
B	Ogos 30	Modal Syer Biasa Bank	200 000	200 000
C	Ogos 30	Permohonan Syer Biasa Bank	200 000	200 000
D	Ogos 30	Bank Permohonan Syer Biasa	200 000	200 000

4 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri sesebuah syarikat?

- I Liabiliti terhad
- II Entiti berasingan
- III Berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM)
- IV Laporan kewangan diumumkan kepada lembaga pengarah sahaja

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5 Antara pernyataan berikut, yang manakah **bukan** ciri-ciri syarikat awam berhad?

- A Modal terdiri daripada syer yang dipegang oleh pemiliknya
- B Ditubuhkan sebagai satu badan yang berasingan daripada pemiliknya
- C Keuntungan diagihkan kepada pemegang syer dalam bentuk dividen
- D Bilangan minima pemegang saham adalah 2 orang

- 6 ..... ialah dokumen yang mengandungi maklumat berkaitan penubuhan dan pengurusan syarikat.
- A Notis Pmerbadanan  
B Ikatan Perjanjian
- C Perlembagaan Syarikat  
D Notis Penubuhan
- 7 Pernyataan berikut menerangkan ciri Syer Biasa **kecuali** .....
- I Kadar dividen tidak tetap  
II Mempunyai hak mengundi  
III Berhak membuat tuntutan untung sekiranya syarikat dibubarkan  
IV Tiada hak mengundi
- A I dan II  
B I dan IV
- C II dan III  
D III dan IV
- 8 Jenis modal syer ialah.....
- A Syer Biasa dan Syer Modal  
B Syer Modal dan Syer Keuntungan  
C Syer Biasa dan Syer Keutamaan  
D Syer Keutamaan dan Syer Pekongsi
- 9 Dividen tunai ialah.....
- A Potongan harga kos  
B Potongan harga jualan  
C Keuntungan yang diagihkan kepada pemegang syer  
D Keuntungan yang diagihkan kepada pekerja di syarikat
- 10 Dividen interim ialah.....
- A Dividen yang dibayar selepas setahun syarikat beroperasi  
B Dividen yang dibayar sebelum keuntungan sebenar diketahui  
C Dividen yang diisytiharkan selepas keuntungan sebenar diketahui  
D Dividen yang dibayar setelah syarikat dibubarkan
- 11 Pada 1 Januari 2017 Syarikat Cemerlang Berhad telah menerbitkan 2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan 31 Januari 2017. Tempoh perakaunan syarikat berakhir 31 Disember setiap tahun.
- Pada 31 Ogos 2017, syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen interim iaitu 6% Syer Keutamaan bagi tempoh 6 bulan pertama dan Syer Biasa pada kadar 4%.
- Kira dividen interim.
- A RM160 000  
B RM140 000
- C RM120 000  
D RM100 000

12 Syarikat Awam Berhad perlu memperolehi kebenaran daripada ..... sebelum menerbitkan syer.

- A Suruhanjaya Awam Berhad
- B Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- C Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- D Suruhanjaya Awam Malaysia

13 Antara berikut, pasangan yang manakah **benar** tentang Syarikat Sendirian Berhad dengan Syarikat Awam Berhad?

	<b>Syarikat Sendirian Berhad</b>	<b>Syarikat Awam Berhad</b>
I	Bilangan pemegang syer yang maksimum ialah 100 orang	Bilangan pemegang syer bergantung kepada syarikat berhad
II	Syer tidak boleh disenaraikan di Bursa Malaysia	Syer boleh disenaraikan di Bursa Malaysia
III	Syer diterbitkan kepada orang awam	Syer diterbitkan kepada individu tertentu sahaja
IV	Syer tidak boleh dipindah milik secara bebas	Syer boleh dipindah milik secara bebas

- A I dan II
- B II dan IV
- C I dan III
- D III dan IV

14 Syarikat Gigih Berhad telah menerbitkan 300 000 unit Syer Biasa pada nilai RM1 sesyer dan 100 000 unit 8% Syer Keutamaan pada nilai RM2 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Hitung Modal Diterbitkan dan Dibayar penuh bagi Syarikat Happy Berhad.

- A RM300 000
- B RM400 000
- C RM500 000
- D RM600 000

15 Pada 1 Julai 2022, Syarikat Aneesa Maju menerbitkan 100 000 unit Syer Biasa pada nilai RM1 sesyer kepada orang awam. Permohonan ditutup pada 15 Ogos 2022 dan jumlah permohonan yang diterima adalah RM80 000. Terdapat kekurangan langganan sebanyak RM20 000 yang ditanggung oleh penaja jaminan.

Catatan yang manakah **tepat** untuk merekod kekurangan langganan pada 1 Ogos 2022 dalam Jurnal Am?

	Tarikh 2022	Butiran	Debit RM	Kredit RM
A	Ogos 31	Bank Modal Syer Biasa	20 000	20 000
B	Ogos 31	Modal Syer Biasa Bank	20 000	20 000
C	Ogos 31	Permohonan Syer Biasa Bank	20 000	20 000
D	Ogos 31	Bank Permohonan Syer Biasa	20 000	20 000

**MODUL 15: PERAKAUNAN UNTUK KELAB DAN PERSATUAN**

- 1 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Rekreasi Bukit Maras pada 1 Jun 2021:

	RM
Kenderaan	17 000
Alatan	4 500
Bank	7 000
Yuran Belum Terima	1 250
Akaun Belum Bayar	700
Yuran Belum Terperoleh	600

Berapakah Dana Terkumpul Awal kelab tersebut?

- A RM21 500
  - B RM28 450
  - C RM29 750
  - D RM31 050
- 2 Urusniaga yang manakah merupakan pendapatan modal bagi kelab dan persatuan?
- A Keuntungan daripada aktiviti perniagaan kelab
  - B Menerima komputer sebagai derma
  - C Menerima yuran pertandingan
  - D Faedah simpanan tetap
- 3 Petikan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan berikut diambil daripada Kelab Cam Malicam:

Kelab Cam Malicam			
Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan .....			
	RM		RM
Kadar Bayaran	200	Yuran	2 450
Elaun Jurulatih	500		
<b>M</b>	1 750		
	2 450		2 450

Apakah **M**?

- A Baki h/b
- B Lebihan
- C Kurangan
- D Untung Bersih

4 Kelab Tenis Teluk Batik mempunyai 100 orang ahli. Pada 1 Januari 2017, baki-baki berikut diperoleh daripada buku perakaunan kelab:

	RM
Yuran belum terima	510
Yuran belum terperoleh	250

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, kelab ini menerima yuran sebanyak RM5 250. Jumlah ini termasuk RM150 yang diterima bagi tahun 2018.

Berapakah jumlah yuran yang sepatutnya diterima pada tahun 2017?

- A RM5 600
  - B RM5 360
  - C RM4 990
  - D RM4 840
- 5 Kelab dan persatuan tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1966. Antara berikut, yang manakah tidak mematuhi perkara yang terkandung dalam akta tersebut.
- A Menyimpan rekod terperinci yang berkaitan dengan hal kewangan.
  - B Memilih ahli jawatan kuasa untuk melaksanakan segala aktiviti kelab dan persatuan.
  - C Melaporkan penyata kewangan kepada semua ahli dalam mesyuarat agung tahunan.
  - D Menghantar laporan kewangan dan senarai ahli jawatan kuasa kepada Pendaftar Syarikat.
- 6 Data berikut diperoleh daripada buku perakaunan Persatuan Penduduk Taman Paya Indah yang menjalankan aktiviti perniagaan bagi menambah tabungan kewangan persatuan.

	RM
Inventori kedai makan pada 1 Januari 2017	5 260
inventori kedai makan pada 31 Disember 2017	11 500
Jualan	22 024
Belian	10 744
Elektrik dan air	3 200
Upah pembantu kedai makan	4 000
40% daripada elektrik dan air adalah untuk kedai makan.	

Hitung untung kedai makan persatuan itu.

- A RM12 240
  - B RM14 800
  - C RM20 240
  - D RM22 770
- 7 Butiran yang manakah ditunjukkan sebagai Aset Semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebuah kelab atau persatuan?
- A Yuran lapuk
  - B Yuran masuk
  - C Yuran belum terperoleh
  - D Yuran belum terima



8 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Pencinta Alam:

	<b>RM</b>
Inventori kantin pada 1 Julai 2016	1 500
Inventori kantin pada 30 Jun 2017	1 900
Jualan	5 160
Belian	3 700
Upah pekerja kantin	600

Hitungkan untung kantin kelab tersebut.

- |           |           |
|-----------|-----------|
| A RM1 260 | C RM2 460 |
| B RM1 860 | D RM2 760 |

9 Maklumat berikut adalah berkaitan dengan aset dan liabiliti Kelab Rakan Muda pada 1 Januari 2017:

	<b>RM</b>
Yuran belum terperoleh	250
Akaun Belum Terima cenderahati	4 300
Akaun Belum Bayar cenderahati	3 700
Bank	7 300
Lengkapan	8 000
Yuran belum terima	160

Hitungkan dana terkumpul pada 1 Januari 2017 bagi kelab tersebut.

- |            |            |
|------------|------------|
| A RM15 990 | C RM15 810 |
| B RM15 900 | D RM15 210 |

10 Antara berikut, pernyataan manakah yang **tidak** benar mengenai kelab dan persatuan?

- A Menjaga kebajikan ahli
- B Menyediakan kemudahan kepada ahli
- C Tertakluk kepada Akta Pertubuhan 1966
- D Organisasi yang bermotifkan keuntungan

- 11 Kelab KenotGo Cycling Team mempunyai tunai di tangan pada 1 Julai 2018 sebanyak RM9 550. Berikut merupakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 kelab tersebut.

KenotGo Cycling Team			
Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2019			
	RM		RM
Yuran ahli	14 000	Pengangkutan	1 800
Yuran masuk	350	Penyelenggaraan basikal	2 100
Penajaan	2 500	Kadar bayaran	290
		Belanja Am	425
		Honorarium	3 600

Maklumat tambahan:

- (i) Belanja am prabayar RM125
- (ii) Kadar bayaran belum bayar RM59

Berapakah tunai di bank yang perlu direkodkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2019?

- A RM8 569
- B RM8 635
- C RM18 119
- D RM18 185

- 12 Antara berikut, apakah perbelanjaan modal bagi Persatuan Memanah Doker?

- I Alat tulis
- II Alatan memanah
- III Insurans rumah kelab
- IV Ubah suai rumah kelab

- |   |            |   |            |
|---|------------|---|------------|
| A | I dan II   | C | II dan IV  |
| B | II dan III | D | III dan IV |

- 13 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Fotografi Grafy.

	<u>1 Januari 2019</u>	<u>31 Disember 2019</u>
	RM	RM
Yuran Belum Terima	352	240
Yuran Belum Terperoleh	190	275
Penerimaan yuran daripada ahli		11 900
Yuran lapuk		80

Berapakah jumlah yuran yang akan dipindahkan ke akaun pendapatan dan perbelanjaan?

- A RM11 703
- B RM11 783
- C RM12 097
- D RM12 177

- 14 Maklumat berikut diberikan oleh Kelab Gwang Merchang bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2018.

	RM
Aset pada 1 Januari 2018	17 000
Liabiliti pada 1 Januari 2018	7 800
Untung pertandingan memancing	9 200
Derma membina kolam	5 000
Lebihan	7 400

Berapakah dana terkumpul pada 31 Disember 2018?

- A RM21 600  
 B RM22 400  
 C RM25 800  
 D RM30 800
- 15 Kelab RXZ Ganu Nelang mempunyai 150 orang ahli. Baki-baki berikut diperoleh daripada buku kelab pada 1 Januari 2021.

Yuran belum terima	500
Yuran belum terperoleh	250

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, kelab ini telah menerima yuran sebanyak RM5 500. Jumlah ini termasuk RM200 yang diterima bagi tahun 2022.

Hitung jumlah yuran tahunan 2021 bagi kelab tersebut.

- A RM5 050  
 B RM5 300  
 C RM6 050  
 D RM6 700

### MODUL 16: PERAKAUNAN KOS

- 1 Pilih pernyataan yang **tidak benar** mengenai konsep Titik Pulang Modal.
- A Satu paras pengeluaran di mana perniagaan akan memperoleh keuntungan  
 B Satu paras di mana perniagaan tidak memperoleh keuntungan  
 C Satu paras di mana perniagaan tidak memperoleh kerugian  
 D Pada titik ini jumlah hasil akan sama dengan jumlah kos

2 Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Budu Besut Jaya:

	RM
Inventori akhir barang siap	1 100
Kos bahan langsung	700
Upah langsung	900
Kos overhed	500
Kerja dalam proses awal	210
Kerja dalam proses akhir	180

Hitung kos pengeluaran kilang tersebut?

- A RM2 070
- B RM2 130
- C RM3 170
- D RM3 230

3 Maklumat yang berikut berkaitan dengan pengeluaran susu pisang oleh Kilang Susu Lazat:

	RM
Kos Tetap	3 000
Kos Berubah seunit	X
Harga Jualan seunit	5

Titik pulang modal bagi pengeluaran susu pisang ialah 1 000 unit. Hitung nilai X.

- A 2
- B 3
- C 5
- D 8

4 Antara berikut, yang manakah merupakan belanja langsung?

- |                               |                       |
|-------------------------------|-----------------------|
| I Bayaran gaji pengurus       | III Bayaran royalti   |
| II Belanja membaiki kenderaan | IV Reka bentuk produk |
| A I dan II                    | C II dan III          |
| B I dan IV                    | D III dan IV          |

5 Kerja Dalam Proses awal akan .....

- A Ditambah dalam pengiraan kos pengeluaran
- B Ditolak dalam pengiraan kos pengeluaran
- C Ditambah dalam pengiraan kos prima
- D Ditolak dalam pengiraan kos prima

6 Kerja Dalam Proses akhir akan .....

- A Ditambah dalam pengiraan kos pengeluaran
- B Ditolak dalam pengiraan kos pengeluaran
- C Ditambah dalam pengiraan kos prima
- D Ditolak dalam pengiraan kos prima

7 Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Roti Bagus:

	RM
Inventori awal bahan langsung	5 000
Belian bahan langsung	55 000
Kos buruh langsung	7 000
Kos buruh tak langsung	3 000
Sewa kilang	2 000
Belanja langsung	1 000
Inventori akhir bahan langsung	4 000

Kirakan Kos Prima.

- A RM69 000
  - B RM65 000
  - C RM64 000
  - D RM63 000
- 8 Zaha Songket Enterprise mengeluarkan barangan berasaskan songket. Kos yang terlibat dalam pengeluaran tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Harga jualan seunit	350
Kos berubah seunit	200
Kos tetap	12 000

Kirakan titik pulang modal sekiranya kos tetap meningkat sebanyak 20%?

- A 60 unit
  - B 72 unit
  - C 80 unit
  - D 96 unit
- 9 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Berry Sdn. Bhd.:

Titik pulang modal	200 unit
Kos tetap	RM2 000
Kos berubah	RM4 seunit

Berapakah harga jualan seunit?

- A RM14.00
- B RM8.00
- C RM2.50
- D RM1.67

- 10 Data berikut menunjukkan kedudukan jumlah kos pada tiga tingkat pengeluaran pakaian Perniagaan Nina Fesyen. Harga jualan seunit ditetapkan pada RM70.

Pengeluaran (unit)	0	200	400
Jumlah Kos (RM)	1 200	7 200	13 200

Pernyataan berikut adalah benar **kecuali**

- A kos tetap ialah RM1 200
  - B titik pulang modal ialah 30 unit
  - C kos berubah seunit ialah RM40
  - D titik pulang modal ialah RM2 100
- 11 Maklumat berikut ialah kos yang terlibat dalam pengeluaran kipas KIND:

	<b>RM</b>
Kos berubah seunit	20
Jumlah kos tetap	20 000

Berapakah untung yang diperoleh jika 2 000 unit kipas KIND dijual pada harga RM50 seunit?

- A RM40 000
  - B RM38 000
  - C RM18 000
  - D RM1 100
- 12 Kilang Mee Mika telah mengeluarkan mee yang dijual di pasaran dengan harga RM3 sebungkus. Maklumat yang diperoleh dalam pengeluaran mee tersebut adalah seperti berikut:

Kos tetap	RM5 000
Kos berubah	RM1.50
Jumlah pengeluaran	6 000 bungkus

Berapakah untung sasaran yang diperoleh Kilang Mee Mika?

- A RM4 000
  - B RM9 000
  - C RM11 000
  - D RM13 000
- 13 Maklumat berikut diperoleh daripada sebuah firma.

	<b>RM</b>
Kos tetap	20 000
Kos berubah seunit	2
Harga jualan seunit	6

Hitungkan unit jualan untuk memperoleh untung RM10 000

- A 2 500 unit
- B 5 000 unit
- C 7 500 unit
- D 10 000 unit

- 14 Rumus berikut berkaitan dengan pengiraan kos pengeluaran.

$$= X + \text{Kos Overhed} + \text{Kerja Dalam Proses Awal} - \text{Kerja Dalam Proses Akhir}$$

Apakah X

- A Kos Tetap
  - B Kos Bahan
  - C Kos Buruh
  - D Kos Prima
- 15 Maklumat yang berikut berkaitan dengan pengeluaran nenas tin oleh Kilang Nenas Setiu Berhad.

	RM
Kos Tetap	2 000
Margin caruman seunit	2

Hitung untung atau rugi sasaran jika kilang tersebut menjual 10 000 tin nenas.

- A RM8 000
- B RM18 000
- C RM20 000
- D RM22 000

**SOALAN 1 KERTAS 2**

**MPP2 2021**


1

(a) Jawab soalan berikut berdasarkan pernyataan di bawah.

Kedai Jahit Salsabell telah membeli sebuah mesin jahit dengan harga RM1 200 pada 1 Mac 2020. Nilai pasaran mesin jahit tersebut telah jatuh kepada RM950 pada 28 Februari 2021.

- (i) Berapakah nilai mesin jahit yang akan direkod pada 28 Februari 2021?
- (ii) Konsep perakaunan yang manakah dipatuhi dalam situasi di atas?

(b) Berikut adalah satu carta alir urusanniaga bagi Pro Teen Enterprise.



Nyatakan dokumen bagi **P** dan **Q**.

	Dokumen
<b>P</b>	
<b>Q</b>	

(c) Rekodkan urus niaga berikut bagi Optometris Rajwan ke dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan).

Pada 1 Januari 2021, pemilik mengambil cermin mata berjenama Elvy bernilai RM830 untuk dihadiahkan kepada isteri.



JURNAL AM

Tarikh	Butir	Folio	Debit (RM)	Kredit (RM)

- (d) Puan Melur ialah seorang peniaga yang tidak menyimpan rekod dengan lengkap. Beliau telah menggunakan penyata berikut untuk mencari modal akhir perniagaan.

**Penyata Mengira Modal pada 30 April 2021**

	<b>RM</b>
<b>X</b>	20 000
Tolak: <b>Y</b>	5 000
Modal Akhir	15 000

Apakah butir **X** dan **Y**?

Butiran	
<b>X</b>	
<b>Y</b>	

- (e) Nyatakan 2 kepentingan dalam menyediakan Belanjawan Tunai.

**MPP3 2021**

2

- (a) Jawab soalan berikut berdasarkan pernyataan di bawah.

Encik Zaidi selaku Akauntan di Syarikat Setia Berhad sentiasa diingatkan akan Kod Etika Akauntan Profesional.

Beliau juga sentiasa komited untuk menyediakan Penyata Kewangan bagi Syarikat Setia Berhad mengikut format MASB agar semua pengguna dapat membaca dan memahaminya dengan mudah.

- (iii) Nyatakan satu kod etika yang perlu diamalkan oleh Encik Zaidi.

- (iv) Nyatakan ciri kualitatif Penyata Kewangan yang menepati pernyataan di atas.
- (b) Berikut ialah logo sebuah perniagaan terkenal di Malaysia.



Nyatakan **dua** ciri bagi entiti perniagaan tersebut?

- (c) (i) Nyatakan **satu** contoh akaun nyata.
- (ii) Nyatakan **satu** contoh akaun nominal.
- (d) Hutang lapuk merupakan belanja operasi bagi sebuah perniagaan. Berikan **dua** sebab berlakunya hutang lapuk.
- (e) Remy mengambil alih pinjaman bernilai RM6 000 apabila perkongsiannya dibubarkan. Rekodkan urus niaga tersebut di dalam Jurnal Am.

Jurnal Am

Butir	Folio	Dt.	Kt.

**PAT T4 2022**

- 3 (a) Nyatakan dua Badan Perakaunan yang terdapat di Malaysia. [2 markah]
- (b) Keratan cek berikut di ambil daripada Perniagaan Alat tulis Mieshazril:

Tarikh		25 Jun 2022	
Penerima		Amsyar Jaya	
Kerana		Menjelaskan invoice	
		RM	Sen
Baki Awal		30 600	
Dimasukkan		2 000	
Jumlah		32 600	
Cek ini		250	
Baki Akhir		32 350	
177269			

- (i) Apakah jumlah yang akan dicatat di Buku Tunai? [1 markah]
- (ii) Apakah butiran yang akan dicatat di Buku Tunai? [1 markah]

(c) Lengkapkan jadual berikut:

Akaun Berkaitan	Catatan Kontra
	Akaun Pulangan Keluar
Akaun Belum Terima	

(d) Maklumat berikut diperolehi daripada Ain Enterprise pada 30 September 2022:

Akaun Belum Terima	RM7 500
Peruntukan Hutang Ragu	RM250

Perniagaan memutuskan untuk mewujudkan peruntukan hutang ragu sebanyak 4%. Berapakah nilai peruntukan hutang ragu yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi?

(e) Lengkapkan jadual berikut untuk membetulkan kesilapan yang telah dibuat oleh Kedai Runcit Auni.

Kesilapan	Pembetulan	
	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
Pemilik membawa masuk komputer bernilai RM 2 200 untuk kegunaan perniagaan. Perkara ini belum direkod dalam mana-mana buku		

**MPP2 2022**

- 4 (a) Pada 1 Januari 2021 En Aba telah membeli premis bernilai RM150 000. Premis tersebut telah dinilai semula sebanyak RM200 000 pada 31 Disember 2021

Nyatakan prinsip perakaunan dan amaun yang mesti dipatuhi.

Prinsip Perakaunan	Amaun (RM)

(b) Tandakan ( / ) bagi pengkelasan butiran berikut:

Butiran	Aset	Liabiliti	Ekuiti pemilik
Insurans Prabayar			
Sewa Belum Terima			

- (c) Pada 2 Januari 2022 pemilik membawa masuk almari terpakai dari rumah untuk kegunaan perniagaan RM1 200.

Catatan dalam Jurnal Am ialah:

Tarikh	Butir	Fol	Debit RM	Kredit RM

- (d) Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Shahira Enterprise bagi tahun berakhir 30 Jun 2021:

	RM
Modal pada 1 Julai 2020	25 000
Modal pada 30 Jun 2021	35 000
Ambilan	2 200

Hitung untung bersih atau rugi bersih Shahira Enterprise bagi tahun berakhir 30 Jun 2021.

- (e) Berdasarkan invoice berikut Kedai Kasut Jaguh telah membuat pembayaran pada 15 Januari 2022. Hitung jumlah yang perlu dibayar dan diskaun tunai yang diterima oleh Kedai Kasut Jaguh.

<b>SALINAN</b>	<b>INVOIS</b>		
	Kedai Sport International Jalan Sultan Ismail 21300 Kuala Terengganu	No. :0001	
<b>Kepada:</b> Kedai Kasut Jaguh Lot 10 Jalan Kota Bharu 21060 Kuala Terengganu	21300 Kuala Terengganu	<b>Tarikh:</b> 12 Januari 2022	
<b>Kuantiti</b>	<b>Perkara</b>	<b>HARGA SEUNIT ( RM )</b>	<b>JUMLAH ( RM )</b>
50 psg	Kasut kulit Vivi	60.00	3 000.00
50 psg	Kasut sukan Sporty	40.00	2 000.00
25 psg	Kasut bola sepak Nikky	40.00	1 000.00
Jumlah kasar			6 000.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			600.00
<b>Jumlah bersih</b>			<b>5 400.00</b>
<b>( Ringgit: Lima ribu empat ratus sahaja )</b>			
Syarat : 5% 5 hari, 2 % 10 hari K. & K. Di K.			
		<b>Bazla</b>	
		<i>Aba</i>	
		Penerima	Pengurus

**MPP3 2022**

- 5 (a) Nyatakan klasifikasi akaun sama ada aset, liabiliti, ekuiti pemilik, hasil atau belanja bagi item yang berikut:

Item	Klasifikasi akaun
Inventori alat tulis	
Gadai janji	

[2 markah]

- (b) Berikut merupakan Carta Akaun bagi Syarikat Banggol Jaya Sdn. Bhd.:

Kod Item	Akaun
1000 - 1999	Aset
2000 - 2999	Liabiliti
3000 - 3999	Belanja
4000 - 4999	Hasil

Cadangkan kod bagi akaun berikut

Akaun	Cadangan Kod
Faedah simpanan	
Pelaburan	

[2 markah]

- (c) Nota Kredit digunakan untuk memberitahu pembeli baki hutangnya telah berkurang. Nyatakan 2 keadaan Nota Kredit digunakan.

(i)	
(ii)	

[2 markah]

- (d) Maklumat berkaitan aset bukan semasa Perniagaan Hafizi pada 1 Januari 2021 adalah seperti berikut:

Kenderaan (kos)	RM50 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	RM2 500
Kaedah susut nilai	10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan

Hitungkan susut nilai terkumpul bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

[2 markah]

- (e) Analisis Penyata Kewangan melibatkan analisis nisbah. Nyatakan dua nisbah yang digunakan untuk mengukur keberuntungan perniagaan.

(i)	
(ii)	

**MPP2 2019**

- 6 (a) Berikan **dua** catatan kontra yang terdapat dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(i)	
(ii)	

- (b) Urus niaga berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Alat Tulis Mega:

Mengambil 10 buah fail kotak RM120 untuk kegunaan pejabat

Nyatakan akaun yang didebit dan dikredit bagi urus niaga tersebut.

Akaun didebit	Akaun dikredit

- (c) Nyatakan **dua** nisbah yang digunakan oleh perniagaan untuk mengurus Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar.

(i)	
(ii)	

- (d) Maklumat berikut diambil daripada Perusahaan Kasut Selesa:

	Jenama X-treme	Jenama X-plisit
Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan	60%	80%

Kasut yang manakah lebih mahal dan berikan alasan anda.

- (e) Berikan **dua** peruntukan yang terdapat dalam Bahagian IV, Seksyen 26, Akta Perkongsian 1961 yang menjadi panduan asas dalam pengurusan sesebuah perkongsian.

(i)	
(ii)	

**MPP3 2019**

- 7 (a) Encik Amin merekod bayaran sewa rumah kediamannya ke dalam Akaun Sewa. Nyatakan andaian perakaunan yang tidak dipatuhi.
- (b) Nyatakan **dua** jenis penyata yang terdapat dalam Penyata Kewangan.
- (c) Kesilapan berikut berlaku dalam buku Perniagaan Yasmin:

Gaji RM2 000 yang dibayar adalah termasuk kadar bayaran RM300

- (i) Nyatakan jenis kesilapan yang berlaku.
  - (ii) Tunjukkan catatan pembetulan kesilapan dalam Jurnal Am.
- (d) Maklumat berikut diambil daripada Segar Bugar Enterprise:

	Mei	Jun
Jualan	RM2 000	RM2 800

**Maklumat tambahan**

70% daripada jualan adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama 1 bulan.

Hitung jumlah penerimaan tunai pada bulan Jun.

- (e) Nyatakan **dua** nisbah yang digunakan untuk mengukur keberuntungan perniagaan.

**MPP1 2020**

- 8 (a) Nyatakan satu akaun bagi setiap komponen berikut:

	Komponen	Akaun
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi	Jualan bersih	
	Kos jualan	
	Hasil	
	Belanja	

- (b) Nyatakan dokumen sumber dan buku catatan pertama bagi urus niaga berikut:

Kedai Buku Aiman membeli buku secara kredit RM2 500

Dokumen	Buku Catatan Pertama

- (c) Suria Enterprise menerima satu inoivis berjumlah RM1 000 kerana membeli barang niaga daripada Syarikat Mat Khir Sdn. Bhd. pada 5 Januari 2020.

Syarat pembayaran ialah 5% dalam masa 14 hari.

- (i) Kirakan jumlah yang perlu dibayar oleh Suria Enterprise sekiranya semua hutang itu dijelaskan pada 30 Januari 2020.
- (ii) Adakah Suria Enterprise layak mendapatkan diskaun tunai? Berikan alasan anda.

(d) Namakan satu catatan kontra bagi setiap akaun berkaitan berikut:

Akaun Berkaitan	Catatan Kontra
Akaun BelumTerima	
Akaun Jualan	

9 (a) Nyatakan dokumen sumber dan buku catatan pertama yang terlibat bagi urus niaga yang berikut:

**MPP2  
2020**

Kedai Aiman membeli sebuah komputer RM 1800 daripada Syarikat Zakuan Enterprise

- (b) Tentukan samada kenyataan berikut benar atau salah.
- i. Liabiliti merupakan tanggungan hutang perniagaan kepada pihak luar
  - ii. Ekuiti pemilik ialah tuntutan pemilik terhadap aset perniagaan
- (c) Nyatakan dua contoh dokumen bagi setiap yang berikut:
- i. Dokumen sumber
  - ii. Dokumen bukan sumber
- (d) Maklumat berikut diambil daripada Pasar Mini Umi:

	<b>RM</b>
Jualan barang niaga	30 500
Pulangan masuk	500
Pulangan keluar	1 000
Jualan meja kaunter lama	800

Hitung jualan bersih.

10

**MPP3  
2020**

(a) Lengkapkan rumus persamaan perakaunan berikut:

$$\text{Aset} = \text{Liabiliti} + \dots\dots\dots \mathbf{J} \dots\dots\dots + \text{Hasil} - \dots\dots\dots \mathbf{K} \dots\dots\dots$$

Apakah **J** dan **K**?

(b) Jurnal Am berikut diperoleh dari perniagaan Kemasik Jaya Enterprise.



Tarikh		Folio	Debit	Kredit
2020			RM	RM
Julai 15	<b>P</b>	LA1	500	
	<b>Q</b>	LA2		500
	(Membawa masuk kenderaan untuk kegunaan perniagaan)			


Apakah **P** dan **Q**?

- (c) Nyatakan 2 kepentingan dokumen perniagaan perlu disimpan dengan rapi dan sistematik.
  - (i) .....
  - (ii) .....
- (d) Senaraikan 2 jenis pelarasan pada tarikh imbalan.
  - i. ....
  - ii. ....
- (e) Nyatakan 2 sebab sesebuah perniagaan perkongsian dibubarkan.
  - (i) .....
  - (ii) .....

## Pengenalan kepada Perakaunan

- 1 Nyatakan empat bentuk organisasi perniagaan
  - (a) \_\_\_\_\_
  - (b) \_\_\_\_\_
  - (c) \_\_\_\_\_
  - (d) \_\_\_\_\_

- 2 (a) Lengkapkan rajah di bawah.



(b) Nyatakan subbidang berkaitan dengan pernyataan yang diberi.

	<b>Pernyataan</b>	<b>Subbidang Perakaunan</b>
i.	Meliputi kerja memeriksa dokumen perniagaan dan rekod kewangan untuk mengesahkan rekod maklumat perakaunan adalah betul dan tepat.	
ii.	Merancang hal-hal percukaian dan menyediakan penyata cukai bagi pihak syarikat.	
iii.	Menyediakan maklumat perakaunan untuk pengguna dalaman membuat perancangan dan pengurusan pengeluaran.	
iv.	Menyediakan pelaporan maklumat perakaunan dalam bentuk penyata kewangan.	

3 Nyatakan andaian, prinsip, atau batasan perakaunan yang berkaitan dengan pernyataan di bawah ini.

	<b>Pernyataan</b>	<b>Andaian, Prinsip, atau Batasan Perakaunan</b>
(a)	En Muin merekodkan tunai peribadi yang didepositkan ke dalam Akaun Bank perniagaan ke dalam Akaun Modal Kedai Runcit Muin.	
(b)	Jun Enterprise akan terus beroperasi untuk tempoh yang tidak terbatas.	
(c)	Bayaran premium insurans Perniagaan Kay dikenakan bayaran RM1 200.	
(d)	Penyata kewangan Hishamudin Enterprise disediakan berdasarkan semua urusan niaga yang berlaku daripada 1 Januari sehingga 31 Januari 20X6.	
(e)	Asset Syarikat Roshilen direkod pada harga kos walaupun harga pasaran telah berubah.	
(f)	Perniagaan Fazri mengambil kira semua belanja (prabayar dan belum bayar) dan hasil (belum terperoleh dan belum terima) semasa penyediaan penyata kewangan pada hujung tahun kewangan.	
(g)	Kedai Sonita memastikan kos penyediaan maklumat kepada pengguna adalah kurang daripada nilai maklumat tersebut kepada pengguna penyata kewangan. Hal ini begi memastikan Kedai Sonita menikmati untung bersih yang lebih tinggi.	
(h)	Kedai Jamilah menggunakan kaedah yang sama untuk mengira susut nilai aset bukan semasa. Kaedah ini diteruskan untuk setiap tempoh perakaunan.	

## PERSAMAAN PERAKAUNAN

1 Lengkapkan rumus persamaan perakaunan di bawah ini.

(a) Aset = \_\_\_\_\_ + \_\_\_\_\_

(b) Aset = Modal + \_\_\_\_\_ + \_\_\_\_\_

(c) Aset = \_\_\_\_\_ + Hasil - \_\_\_\_\_ + \_\_\_\_\_

2 Maklumat di bawah ini menunjukkan butiran aset, liabiliti, hasil, belanja, ekuiti pemilik dan catatan kontra. (Perhatian: Kod item: aset 100 – 199, liabiliti 200-299, ekuiti pemilik 300-399, hasil 400-499, belanja 500-599, dan catatan kontra 600-699).

- Lengkapan
- Inventori
- Modal
- Pinjaman
- Akaun belum bayar
- Promosi
- Susut nilai terkumpul van
- Membaiki premis
- Pulangan belian
- Belian
- Angkutan masuk
- Alat tulis
- Deposit telefon
- Dividen
- Kenderaan
- Akaun belum terima
- Faedah simpanan
- Premis
- Insurans
- Peruntukan hutang ragu
- Jualan

Kod Item	Kategori	Item	Contoh Kod
100 - 199	Aset	Lengkapan	101
	Liabiliti		
	Ekuiti pemilik		
	Hasil		
	Belanja		
	Catatan kontra		

3 Pada 1 April 2021, baki-baki Perniagaan Rowena Enterprise adalah seperti berikut.

	RM
Kenderaan	10 000
Modal	11 850
Overdraf bank	300
Akaun belum bayar	2 500
Akaun belum terima	1 900
Inventori	2 000
Tunai di tangan	500

Urus niaga yang berikut berlaku pada bulan April 2021.

- i. Pemilik memasukkan komputer peribadi sebanyak RM3 200 ke dalam perniagaan dan RM1 100 ke dalam akaun Semasa Perniagaan.
- ii. Separuh daripada inventori dijual secara kredit kepada Jihan dengan harga RM800.
- iii. Membeli van bernilai RM60 000 dengan bayaran pendahuluan 20% dengan cek dan bakinya menerusi pinjaman bank.
- iv. Pemilik menjual pencetak peribadinya dengan nilai RM500. Separuh daripada wang tersebut dibawa masuk ke dalam perniagaan.
- v. Belian kredit daripada Pembekal Amber berjumlah Rm500.
- vi. Menerima tunai daripada Jihan sebanyak RM300 untuk menjelaskan hutangnya sebanyak RM340.

**Anda dikehendaki** melengkapkan jadual persamaan perakaunan dan Penyata Kedudukan Kewangan di bawah ini.

Urus Niaga	Aset					Liabiliti			Ekuiti Pemilik	
	Alatan Pejabat	Tunai	Inventori	Kenderaan	Akaun Belum Terima	Akaun Belum Terima	Bank	Pinjaman	Modal	Untung bersih
i.										
ii.										
iii.										
iv.										
v.										
vi.										
Jumlah										

**Rowena Enterprise**  
**Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2021**

	RM	RM		RM	RM
<b>Aset Bukan Semasa</b>			<b>Ekuiti Pemilik</b>		
_____	_____		_____	_____	
_____	_____		_____	_____	
<b>Aset Semasa</b>			<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>		
_____	_____		_____		_____
_____	_____		<b>Liabiliti Semasa</b>		
			_____	_____	
			_____	_____	
					_____
					_____
					_____

4. Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 Januari 2017 adalah seperti berikut :

**TOV  
2017**

**Faayiz Enterprise**  
**Penyata Kedudukan Kewangan pada 1 Januari 2017**

	RM			RM
Premis	50 000	Modal		90 000
Lengkapan	11 000	Akaun Belum Bayar		4 500
Akaun Belum terima	2 400	Gaji belum bayar		500
Inventori	21 800			
Bank	9 800			
	95 000			95 000

Sepanjang bulan Januari 2017, urus niaga berikut telah berlaku:

- (i) Menjelaskan Akaun Belum Bayar dengan cek dan menerima diskaun 10%.
- (ii) Membeli barang niaga secara kredit RM3 900.
- (iii) Pemilik membawa masuk sebuah almari pameran RM5 000 untuk kegunaan perniagaan.
- (iv) Menjelaskan gaji belum bayar dengan cek.
- (v) Menerima cek RM2 300 daripada pelanggan kerana menjelaskan hutang.

- (vi) Menjual barang niaga RM1 950 secara kredit. Harga kos barang tersebut RM1 500.
- (vii) Menerima cek RM800 kerana menyewakan ruang kedai.
- (viii) Mendapat pinjaman dari Bank Muamalat RM50 000. Sebanyak RM40 000 digunakan untuk membeli sebuah kenderaan dan bakinya dibankkan.
- (ix) Cek RM2 300 yang diterima dari seorang pelanggan dipulangkan oleh bank dan diskaun diberi ditarik balik.
- (x) Menghantar sekeping nota kredit RM300 kepada penghutang.
- (xi) Membayar belanja pengiklanan RM420 dengan cek.
- (xii) Pemilik mengambil barang niaga RM600 untuk kegunaan keluarganya.
- (xiii) Menjual barang niaga secara tunai RM3 800. Kos barang niaga tersebut RM2 850. Wang yang diterima dibankkan

Berdasarkan urus niaga sepanjang bulan Januari 2017, **anda dikehendaki:**

- (a) melengkapkan jadual persamaan perakaunan
- (b) menyediakan Penyata Ekuiti Pemilik pada 31 Januari 2017.

*(Jawapan: Premis RM50 000, Lengkapan RM16 000, Ak Belum Terima RM4 050, Inventori akhir RM21 050, Bank RM 19 430, Kenderaan RM40 000, Modal RM95 000, Ak Belum Bayar RM3 900, Untung Bersih RM2 230, Pinjaman RM50 000, Ambilan RM600)*

5 Cik Ramlah pemilik Ramlah Enterprise sebuah kedai alatan sukan yang beroperasi di Kuala Berang, Terengganu. Aset, liabiliti dan ekuiti pemilik perniagaan pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

	<b>RM</b>
Perabot	23 600
Akaun Belum Terima	10 800
Akaun Belum Bayar	18 200
Bank	27 400
Tunai	480
Inventori akhir	21 000
Kadar bayaran belum bayar	300
Modal	<b>X</b>
Untung bersih	12 200

Sepanjang bulan Januari 2020, urus niaga berikut telah berlaku:

- (i) Menjual barang niaga secara tunai RM4 000. Harga kos barang tersebut RM3 800. Tunai yang diterima dibankkan.
- (ii) Membayar kadar bayaran belum bayar dengan cek.
- (iii) Menerima cek RM6 400 daripada Akaun Belum Terima kerana penjelasan hutang dan beri diskaun RM50.
- (iv) Membeli barang niaga RM9 000. 1/3 daripadanya dibayar dengan cek dan bakinya dibayar pada bulan berikutnya.
- (v) Pemilik membawa masuk tunai ke bank RM7 000.

- (vi) Menjual 10% daripada jumlah barang niaga dengan harga RM3 000 secara kredit.
- (vii) Pelanggan memulangkan barang niaga RM600. Harga kos barang tersebut ialah RM490.
- (viii) Menerima komisen RM350 secara tunai.
- (ix) Seorang penghutang didapati muflis dan hutangnya RM150 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (x) Pemilik menjelaskan sewa rumahnya RM500 dengan cek perniagaan.
- (xi) Mendapat pinjaman dari Bank Islam Berhad RM60 000 untuk membeli kenderaan RM54 000 dan bakinya dibankkan.
- (xii) Membayar gaji pekerja RM1 200 dengan cek.
- (xiii) Menjelaskan Akaun Belum Bayar dengan cek RM800.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Melengkapkan jadual persamaan perakaunan.
- (b) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Januari 2020 (Bahagian Ekuiti Pemilik sahaja).

*(Jawapan: Perabot 23 600, ABT 6 600, Inventori 24 070, Bank 45 000, Tunai 830, Kenderaan 54 000. Modal 59 580, UB 11 620, Ambilan 500, ABB 23 400, Kadar bayaran belum bayar 0, Pinjaman 60 000)*

- 6 Puan Arafah adalah pemilik Perniagaan Arafah yang menjalankan perniagaan produk makanan kering dan beroperasi di Pekan Bukit Payong. Aset, liabiliti dan ekuiti pemilik perniagaan pada 30 Jun 2022 adalah seperti berikut:

**PAT T4  
2022**

	RM
Lengkapan	18 900
Akaun Belum Terima	6 300
Akaun Belum Bayar	8 780
Bank	22 400
Tunai	850
Inventori akhir	15 600
Untung bersih	9 900
Kadar bayaran belum bayar	500
Modal	<b>X</b>

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Julai 2022:

- Julai 3 Pemilik membawa masuk komputer peribadi bernilai RM1 850 ke dalam perniagaan.
- 5 Sekeping cek daripada Akaun Belum Terima bernilai RM490 tidak dilayan oleh bank.
- 7 Membayar kadar bayaran belum bayar dengan cek.
- 10 Menerima cek RM1 500 daripada Akaun Belum Terima dan memberi diskaun RM90.
- 12 1/4 daripada inventori dijual pada harga RM4 400 secara kredit.
- 13 Pelanggan memulangkan barang niaga RM600. Harga kos barang tersebut ialah RM480.
- 15 Membeli rak pameran RM450 dengan tunai.
- 21 Pemilik mengambil barang niaga RM300 untuk kegunaan keluarga.
- 23 Membeli barang niaga RM3 300 secara kredit.

- 25 Membayar RM1 700 dengan cek kepada Akaun Belum Bayar dan menerima diskaun RM120.  
 27 Membayar gaji RM1 550 dengan cek.  
 29 Menerima komisen jualan secara tunai RM290.

**Anda dikehendaki:**

- (a) melengkapkan jadual persamaan perakaunan.  
 (b) menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2022.

*(Jawapan: Lengkapan 21 200, ABT 9 000, Inventori 15 180, Bank 19 660, Tunai 1 140, Modal 46 720, UB9 050, Ambilan 300, ABB 10 260, Kadar bayaran belum bayar 0.)*

## DOKUMEN SUMBER

- 1 Dokumen bukan sumber terdiri daripada:

- (a) \_\_\_\_\_  
 (b) \_\_\_\_\_

- 2 Nyatakan fungsi diskaun yang berikut.

Diskaun	Fungsi
(a) Diskaun niaga	
(b) Diskaun tugas	

- 3 Dokumen fungsi dokumen bukan sumber yang berikut.

Diskaun	Fungsi
(a) Penyata akaun	
(b) Penyata bank	



4 Azam Enterprise menjalankan perniagaan menjual pakaian sukan di No, 123, Jalan Raja Uda, Kuala Lumpur. Pada 6 Julai 2021, syarikat itu menjual pakaian sukan yang berikut kepada Kedai Ezade yang beralamat di 34 Jalan Nilam, Kuala Lumpur.

- 120 helai baju sukan Niki @ RM30 sehelai
- 60 helai baju sukan Ninja @ RM40 sehelai
- 30 helai baju sukan Elle @ RM50 sehelai

Nombor dokumen tersersebut ialah INV1003. Syarat-syarat lain yang dikenakan oleh Azam angkutan dibayar, diskaun ialan 20%, diskaun tunai 10% 7 hari, 5% 14 hari, dan K&K di K.

(a) Berdasarkan maklumat di atas, lengkapkan dokumen di bawah ini.

Asal	<b>INVOIS</b>		
			Tarikh : _____
Kepada:			
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
Kurang: Diskaun			
Ringgit Malaysia : _____			
Syarat : _____			
_____			
_____			
T.T Penerima			T.T Pengurus

- (b) Kira jumlah yang perlu dibayar oleh Kedai Ezade Enterprise kepada Azam Enterprise jika hutang dibayar pada tarikh yang berikut.

(i) 13 Julai 2021	(ii) 20 Julai 2021

- 5 Nyatakan dokumen yang berkaitan berdasarkan maklumat yang diberi.

	Kegunaan/Fungsi	Dokumen
(a)	Digunakan dalam urus niaga belian dan jualan menggunakan tunai atau cek	
(b)	Bukti bayaran telah diterima	
(c)	Bukti bayaran telah dibuat dengan cek (bahagian cek yang disimpan oleh pembayar)	
(d)	Pembayaran gaji pekerja atau sewa premis dengan tandatangan penerima sebagai perakuan	
(e)	Bukti bertulis bahawa perbelanjaan runcit telah dibuat	
(f)	Dikeluarkan daripada mesin daftar tunai sebagai bukti pelanggan sudah membuat bayaran	
(g)	Digunakan untuk mendepositkan tunai di tangan ke dalam bank	
(h)	Digunakan untuk membuat pindahan wang kepada pihak ketiga, sama ada di dalam atau luar negara	
(i)	Dokumen yang diperolehi apabila transaksi pembayaran dibuat melalui mesin ATM dan deposit melalui mesin deposit cek atau tunai	
(k)	Dikeluarkan oleh pihak bank untuk menunjukkan Akaun Bak dikreditkan dengan dividen pelaburan	
(l)	Digunakan dalam urus niaga yang tidak mempunyai dokumen sokongan, misalnya ambilan dan modal tambahan	
(m)	Digunakan dalam urus niaga kredit, iaitu dihantar kepada pelanggan untuk memaklumkan tentang bayaran yang perlu dibuat.	
(n)	Berfungsi sebagai invoice tambahan kerana invoice asal terkurang caj	

## BUKU CATATAN PERTAMA

1. Encik Idlan memulakan perniagaan Dlan Enterprise yang menjual alat ganti kereta pada 1 Januari 2022 dengan aset berikut:

	RM
Tunai	1 200
Bank	67 000
Perabot	18 000
Kenderaan	45 000

Berikut ialah urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Januari 2022:

Jan	2	Membeli komputer RM 3 750 daripada Mizi Technology Sdn. Bhd secara kredit.
	6	Belian barang niaga secara kredit RM 3 560 daripada Joshua Trading.
	9	Pulangan barang niaga yang rosak kepada Joshua Trading berjumlah RM 580.
	14	Pemilik mengambil barang niaga berkos RM 926 untuk tujuan promosi.
	18	Jualan barang niaga secara kredit RM 4 625 kepada Kedai Aniq.
	23	Terima invois daripada Perniagaan Semarak kerana beli barang niaga RM 3 200.
	25	Menghantar nota debit kepada Kedai Aniq kerana invois jualan pada 18 Januari 2022 terkurang caj RM 515.
	26	Membayar semua hutang dengan cek kepada Joshua Trading.

Berdasarkan maklumat urus niaga di atas, **anda dikehendaki** merekodnya ke dalam:

- (a) Jurnal Am
- (b) Jurnal Belian
- (c) Jurnal Jualan
- (d) Jurnal Pulangan Belian

2. Urus niaga berikut diperoleh daripada buku-buku Perniagaan Leya yang menjual pelbagai jenis kek dan biskut pada bulan April 2022.

2022

April	3	Belian barang niaga RM 550 dengan cek bernombor 410001.
	5	Jualan tunai dibankkan RM 645 .
	6	Belian barang niaga RM 815 dengan cek bernombor 410002.
	10	Mengeluarkan cek bernombor 410003 kepada Perniagaan Zety bernilai RM 2 850 dan menerima diskaun RM 250.
	11	Menerima faedah atas simpanan tetap berjumlah RM 375.
	13	Pemilik mengambil tunai RM 250 untuk kegunaan keluarganya.
	16	Jualan tunai dibankkan RM 1 450 .

- 18 Membayar bil elektrik RM 183 dengan tunai.
- 22 Menerima komisen RM 150 secara tunai.
- 25 Menerima cek daripada Kedai Aisyah RM 1 650 dan diberi diskaun RM 110.
- 28 Membayar gaji pekerja RM 600 dengan cek bernombor 410004.
- 29 Pinjaman bank berjumlah RM 5 000 daripada Bank Wangsa Maju Berhad
- 30 Menerima sewa daripada Cik Fatin secara tunai RM 200.

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Jurnal Penerimaan Tunai
- (b) Jurnal Pembayaran Tunai

3. Pada 1 Julai 2021, Encik Zarif memulakan perniagaan Zarif Enterprise dengan memasukkan tunai RM 23 000 ke dalam bank dan tunai ditangan RM 2 000 . Urusniaga tunai yang berikut telah berlaku pada bulan Julai 2021.

- |       |    |  |
|-------|----|--|
| Julai | 2  | Belian barang niaga RM 5 500 dengan cek bernombor 600601   |
|       | 4  | Mengeluarkan cek bernombor 600600 kepada Perniagaan Laila bernilai RM 3 000.   |
|       | 5  | Membeli rak pameran berjumlah RM 2 450 daripada AKZ Trading. Bayaran menggunakan cek bernombor 600602.                       |
|       | 6  | Mengeluarkan cek bernombor 600603 bernilai RM 1 000 untuk kegunaan kedai.  |
|       | 10 | Membeli alat tulis berjumlah RM 180 untuk kegunaan pejabat   |
|       | 15 | Terima cek bernilai RM 2 985 daripada jualan barang niaga.   |
|       | 18 | Terima cek berjumlah RM 5 680 daripada Jannah Enterprise untuk menjelaskan sepenuhnya hutang. Diskaun tunai sebanyak RM 120. |
|       | 20 | Membayar kepada Sinar Maju Trading sebanyak RM 3 340 dengan cek bernombor 600604 dan menerima diskaun sebanyak RM 160.       |
|       | 21 | Menjual barang niaga secara tunai berjumlah RM 1 840.  |
|       | 22 | Memasukkan tunai ke dalam bank berjumlah RM 3 000.   |
|       | 25 | Membayar utiliti berjumlah RM 450.   |
|       | 27 | Ambilan tunai bernilai RM 160 untuk bayaran insurans hayat peribadi.   |
|       | 29 | Mengeluarkan cek bernombor 600605 untuk membayar gaji pekerja berjumlah RM 2 400.  |

**Anda dikehendaki menyediakan** Buku Tunai Tiga Ruangan untuk mencatat urus niaga bagi bulan Julai 2021 dan mengimbangkannya pada akhir bulan tersebut.

**BUKU TUNAI RUNCIT**

**TOV  
2017**

1. Perniagaan Teguh Impian mengamalkan sistem panjar dalam penyediaan Buku Tunai Runcit. Perniagaan menetapkan dasar memperuntukkan RM300 sebagai dana runcit.

Baki-baki berikut diperolehi pada 1 Januari 2017:

	RM
Tunai Runcit	60
Tunai	200
Bank	5 700

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Januari 2017:

2017	Urus niaga	RM
Januari	1 Terima cek untuk dana runcit daripada Ketua Juruwang	?
	2 Beli kertas A4	20
	3 Isi minyak kenderaan pejabat	50
	6 Beli bunga meja pejabat	56
	7 Terima invois untuk belian rak pameran	200
	9 Beli setem dan sampul surat	12
	12 Jualan tunai	250
	15 Beli barang niaga secara kredit daripada Pembekal Jaya	500
	16 Bayar minuman pelanggan	26
	18 Beli alatan pejabat dan bayar dengan cek	550
	21 Bayar tempat pakir	6
	22 Beli kertas karbon	35
	25 Beli sampul surat ekspres	25
	29 Bayar gaji kerani pejabat dengan cek	1 500
	30 Bayar servis komputer	40

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Buku Tunai dua lajur.
- (b) Buku Tunai Runcit sehingga 1 Februari 2017 dengan menunjukkan lajur analisis Belanja Pos, Tambang, Alat tulis dan Belanja Pejabat.

*(Jawapan: Baki akhir Buku Tunai RM3 410 ; Baki akhir Buku Tunai Runcit RM30)*

- 2 Perniagaan Hana Suraya menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan nilai dana runcit berjumlah RM400. Pada 1 Januari 2020, baki tunai runcit perniagaan ialah RM40. Penggunaan wang dalam bulan Januari 2020 adalah seperti berikut:

**MPP1  
2020**

2020	Urusniaga	RM
Januari 3	Pewangi tandas	30
	4 Sampul surat	10
	6 Bayaran untuk bungkusan pos	25
	15 Perabot pejabat	380
	18 Kertas dan dakwat	60
	23 Surat khabar dan majalah	45
	27 Upah mencuci pejabat	70
	30 Bayaran gaji pekerja	1600

**Anda dikehendaki** menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 1 Februari 2020 dengan menunjukkan analisis bayaran Alat Tulis, Belanja Pos dan Belanja Pejabat.

*(Jawapan: Baki b/b 160, bank 240)*

- 3 Perniagaan Warkop Nibong menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar dengan nilai panjar berjumlah RM300. Baki Buku Tunai Runcit pada 31 Ogos 2021 ialah RM65. Berikut adalah urus niaga yang berlaku sepanjang September 2021:

**MPP 3  
2021**

2021	Butiran	RM
Sept 2	Pewangi pejabat	33
5	Pen dan pensel	15
10	Petrol	40
12	Perabot pejabat	450
15	Alas meja	50
21	Sampul Pos Laju	55
27	Kertas fotostat	64
30	Mesin pencetak	350

**Anda dikehendaki** menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 1 Oktober 2021 dengan menunjukkan lajur analisis Alat Tulis, Belanja Pos, Tambang dan Belanja Pejabat.

*(Jawapan: RM43)*

- 4 Haiqal Enterprise menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar bermula pada bulan Mac 2022. Ketua Juruwang hanya akan memberikan wang yang diperuntukkan sebulan sekali iaitu pada setiap awal bulan. Urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Januari adalah seperti berikut:

2022		RM
Januari 1	Menerima sekeping cek daripada Ketua Juruwang untuk memulakan Buku Tunai Runcit	200
5	Membeli kertas A4	24
12	Setem dan sampul surat berdaftar	13
17	Bayar tambang teksi	30
21	Bayar minuman dan kek untuk tetamu	25
23	Kertas karbon	15
26	Upah mencuci pejabat	40
30	Membeli alat tulis	20

**Anda dikehendaki** menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 31 Januari 2022 dengan menunjukkan lajur analisis alat tulis, belanja pos, belanja pejabat dan tambang.

(Jawapan: RM33)

- 5 Azam Maju Enterprise menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar bermula pada 1 Ogos 2021. Ketua juruwang hanya akan memberikan wang peruntukan sebulan sekali dengan jumlah berikut:

**PAT T4  
2022**

Tarikh	: 1 Ogos 2021	
Penerima	: Pemilik	
Tujuan	: Tunai Runcit	
	<b>Ringgit</b>	<b>Sen</b>
Baki akhir	20 500	00
Dimasukkan		
Jumlah	20 500	00
Cek ini	400	00
Baki	20 100	00
No: MBB 465800		

**Keratan Cek**

Berikut ialah penerimaan dan penggunaan wang sepanjang bulan Ogos 2021:

2021		RM
Ogos 2	Beli kertas dan fail	75
5	Beli cecair pembasmi kuman	30
9	Bayar tambang E-Hailing	25
15	Beli mesin pencetak	400
18	Bayar upah selenggara pendingin hawa	60
20	Beli kopi dan gula	15

23	Bayar petrol	67
30	Bayaran bil internet dan elektrik	560

**Anda dikehendaki** menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 31 Ogos 2021 dengan menunjukkan analisis bayaran Alat Tulis, Tambang dan Belanja Pejabat

(Jawapan: RM128)

- 6 Pn Qadeeja adalah pemilik Qadeeja Florist di Kuala Terengganu, Terengganu. Dia menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar dengan nilai panjar berjumlah RM 300.

Urus niaga berikut diambil daripada buku Qadeeja Florist:

2022			RM
Mac	31	Baki bank	6 386
		Baki buku tunai runcit	82
April	1	Rekupmen dengan cek (No. 211555)	?
	3	Beli kertas fotostat	28
	5	Beli pewangi pejabat	25
	8	Bayar untuk setem dan pos	20
	11	Bayaran kepada Perniagaan Mawar dengan cek (No. 211556)	2 600
	12	Terima cek daripada Chempaka Enterprise	3 800
	15	Beli surat khabar dan majalah	22
	17	Beli kertas dan dakwat pencetak	68
	19	Belian dengan cek (No. 211557)	1 055
	22	Bayar bungkusan pos	56
	25	Bayaran untuk upah membaiki pintu pejabat	30
	29	Terima cek daripada Orchid Enterprise	3 450
	30	Bayar sewa dengan cek bagi bulan April (No. 211558)	800

**Anda dikehendaki** menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 30 April 2022 dengan menunjukkan lajur analisis alat tulis, belanja pos dan belanja pejabat.

(Jawapan: RM51)



LEJAR
-------

- 1 Berikut ialah Buku Catatan Pertama yang diambil daripada Perniagaan Khalis.

**Jurnal Belian**

Tarikh	Butir	Jumlah (RM)
2022		
Mei 5	Shahrul Enterprise	9 605
31	Akaun Belian	9 605

**Jurnal Pulangan Belian**

Tarikh	Butir	Jumlah (RM)
2022		
Mei 8	Shahrul Enterprise	235
31	Akaun Pulangan Belian	235

**Buku Tunai ( Petikan )**

Tarikh	Butir	Disk.	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Disk.	Tunai	Bank
					2022		RM	RM	RM
					Mei 14	Belian			2 250
					19	Shahrul Enterprise			7 080
					25	Promosi		140	

**Anda dikehendaki** mengepos Buku Catatan Pertama ke dalam lejar yang berkenaan.

- 2 Maklumat berikut peroleh daripada buku Perniagaan Rajawali Sepakat:

**Jurnal Am**

Tarikh	Butiran	Fol	Debit RM	Kredit RM
2019				
April 1	Tunai		750	
	Bank		11 200	
	Kenderaan		50 000	
	Modal			61 950
	( memulakan perniagaan pada tarikh ini)		61 950	61 950

MPP  
2019

**Jurnal Jualan**

Tarikh	Butiran	Fol	No Invois	Jumlah RM
2019 April 15	Jawaham Trading		05321	5 300
30	Akaun Jualan (kt)			5 300

**Jurnal Belian**

Tarikh	Butiran	Fol	No Invois	Jumlah RM
2019 April 2	Punca Sdn. Bhd.		26341	8 190
30	Akaun Belian (dt)			8 190

**BUKU TUNAI**

Tarikh	Butiran	Disk	Tunai	Bank	Tarikh	Butiran	Disk	Tunai	Bank
2019 April 1	Modal		750	11 200	2019 April 5	Alat tulis		250	
4	Jualan			500	7	Punca Sdn. Bhd.	819		7 371
					30	Baki h/b		500	4 329
		-	750	11 700			819	750	11 700
Mei 1	Baki b/b		500	4 329					

**Anda dikehendaki** menyediakan akaun-akaun berkaitan di dalam lejar.

- 3 Buku Catatan Pertama berikut diperoleh daripada Perniagaan AD Sports pada 30 November 2019:

**MPP  
1202**

**Jurnal Am**

Tarikh	Butiran	Fol	Debit RM	Kredit RM
2019 Nov 1	Tunai		900	
	Bank		25 400	
	Modal			26 300
	(Memulakan perniagaan pada tarikh ini)		26300	26 300

**Jurnal Belian**

Tarikh	Butiran	Fol	No.Invois	Jumlah RM
2019 Nov 2	DOW Sports		65424	4 200
30	Akaun Belian (dt)			4 200

**Jurnal Jualan**

Tarikh	Butiran	Fol	No.Invois	Jumlah RM
2019 Nov13	SMK Bukit Chatak		00001	9 180
30	Akaun Jualan (kt)			9 180

**Jurnal Pulangan Belian**

Tarikh	Butiran	Fol	No. Nota Kredit	Jumlah RM
2019 Nov 12	DOW Sports		325	260
30	Akaun Pulangan Belian (kt)			260

**BUKU TUNAI**

Tarikh	Butiran	Disk.	Tunai	Bank	Tarikh	Butiran	Disk.	Tunai	Bank
2019 Nov 1	Modal		900	25 400	2019 Nov 15	DOW Sports			1 800
24	SMK Bukit Chatak			4 500	28	Sewa			900
27	Jualan		800		30	Baki h/b		1 700	27 200
		-	1 700	29 900			-	1 700	29 900
Dis 1	Baki b/b		1 700	27 200					

**Anda dikehendaki** mengepos catatan daripada Buku Catatan Pertama ke dalam lejar.

- 4 Pada 1 Mac 2022, Puan Zizie memulakan Perniagaan Perfume Bunga Cempaka dengan modal berjumlah RM30 000. Berikut adalah buku catatan pertama yang telah disediakan oleh Puan Zizie pada bulan Mac 2022.

**Jurnal Am**

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
2022 Mac 1	Tunai Bank Lengkapan Modal (Memulakan perniagaan dengan aset dan modal )	2 000 25 000 3 000	30 000
Mac 15	Angkutan Masuk Dhia Perfume Enterprise (Angkutan masuk dikenakan)	280	280

**Jurnal Belian**

Tarikh	Butir	Jumlah (RM)
2022		
Mac 6	Dhia Perfume Enterprise	3 500
31	Akaun Belian	3 500

**Jurnal Jualan**

Tarikh	Butir	Jumlah (RM)
2022		
Mac 10	Morshin Enterprise	2 270
16	Secret Perfume Adira	4 100
31	Akaun Jualan	6 370

**Buku Tunai**

Tarikh	Butir	Disk.	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Disk.	Tunai	Bank
2022					2022				
Mac 1	Modal		2 000	25 000	Mac 9	Belian			470
5	Jualan		300		12	Dhia Perfume Enterprise			2 500
15	Morshin Enterprise	270		2 000	25	Alat tulis		540	
					31	Baki h/b		1 760	24 030
		270	2 300	27 000				2 300	27 000
April 1	Baki b/b		1 760	24 030					

**Buku Tunai Runcit (Petikan)**

Tarikh	Butir	Penerimaan	Pembayaran	Analisis Pembayaran		
				Pos	Alat tulis	Belanja Pejabat
2022		RM	RM	RM	RM	RM
Mac 3	Kertas fotostat		45		45	
12	Pen dan pensil		30		30	
28	Dakwat pencetak		55		55	
					130	

**Anda dikehendaki** memindahkan catatan dari Buku Catatan Pertama ke dalam lejar dan imbangkannya.

- 5 Berikut adalah maklumat dari buku Perniagaan Alat Sukan Wildan yang beroperasi di Dungun, Terengganu untuk bulan September 2021.

## Jurnal Am

Tarikh	Butir	Folio	Debit (RM)	Kredit (RM)
2021				
Sept 1	Lengkapan		12 000	
	Tunai		1 800	
	Bank		25 000	
	Inventori		10 000	
	Akaun Belum Terima: San Enterprise		2 500	
	Perniagaan Khadijah		3 500	
	Akaun Belum Bayar : Adli Trading			4 800
	Modal			50 000
			54 800	54 800
	(Merekodkan aset, liabiliti dan ekuiti pemilik)			

## Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Folio	No. Invois	Jumlah (RM)
2021				
Sept 4	Adli Trading			9 200
10	Pembekal Nur			3 800
30	Akaun Belian			13 000

## Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Folio	No. Invois	Jumlah (RM)
2021				
Sept 7	San Enterprise			7 700
12	Perniagaan Khadijah			6 000
30	Akaun Jualan			13 700

## Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Folio	No. Nota Kredit	Jumlah (RM)
2021				
Sept 7	Adli Trading			800
30	Akaun Pulangan Belian			800

## Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	Folio	No. Nota Kredit	Jumlah (RM)
2021				
Sept 9	San Enterprise			600
30	Akaun Pulangan Jualan			600

## Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskau	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Diskau	Tunai	Bank
2021		RM	RM	RM	2021		RM	RM	RM
Sept 1	Baki b/b		1 800	25 000	Sept 2	Adli Trading			4 700
2	San Enterprise	160		2 660	4	Belian			1 900
26	Komisen		700		12	Kadar Bayaran		650	
27	Jualan			2 600	15	Pembekal Nur	180		3 040
					25	Sewa			1 000
					30	Baki h/b		1 850	19 620
		160	2 500	30 260			180	2 500	30 260
Mei 1	Baki b/b		1 850	19 620					

**Anda dikehendaki** , memindahkan catatan daripada buku catatan pertama ke lejar dan dimbangkannya

## AKAUN KAWALAN

- 1 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Doa Maju yang menjalankan perniagaan menjual bahan-bahan membuat kek di Bukit Payong, Marang:

**MPP  
2020**

	RM
Baki pada 1 Ogos 2019:	
Baki debit Lejar Jualan	1 890
Baki kredit Lejar Belian	2 320
Jualan tunai	2 880
Jualan kredit	14 400
Belian kredit	5100
Pulangan belian	230
Pulangan jualan	290
Faedah dikenakan kepada pelanggan	60
Penerimaan cek daripada pelanggan	5 550
Diskaun diberi	120
Peruntukan hutang ragu	350
Kontra	930
Hutang lapuk	160
Cek tak laku	720
Diskaun diberi dibatalkan	80

**Anda dikehendaki** menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima.

*(Jawapan: baki h/b 10 100)*

- 2 Maklumat berikut diperoleh daripada buku-buku Perniagaan Nur Aimalina seorang pembekal keropok ikan mini pelbagai perisa pada bulan Jun 2022.

**PAT T4  
2022**

	1 Jun 2022	30 Jun 2022
	RM	RM
Baki debit Lejar Jualan	7 337	9 842
Baki Kredit Lejar Jualan	250	209
Baki debit Lejar Belian	466	245
Baki kredit Lejar Belian	5 989	7 748

Urus niaga sepanjang bulan Jun 2022 seperti berikut:

	RM
Pembayaran cek kepada Akaun Belum Bayar	17 320
Penerimaan cek daripada Akaun Belum Terima	24 903
Cek Akaun Belum Terima menjadi cek tak layan	902
Diskaun diberi dibatalkan	198
Jualan tunai	15 450
Belian tunai	9 390

Hutang lapuk	725
Diskaun diterima	260
Pulangan masuk	170
Pulangan keluar	210
Peruntukan hutang ragu	560
Caj angkutan dikenakan oleh pembekal	320
Pindahan daripada lejar jualan ke dalam lejar belian	1 015

**Anda dikehendaki:**

- (a) Menyediakan:
- (i) Akaun Kawalan Belum Terima
  - (ii) Akaun Kawalan Belum Bayar
- (b) Menghitung:
- (i) Jumlah Jualan
  - (ii) Jumlah Belian

(Jawapan: a) RM9 842, RM209 aii) RM245, RM7 748 bi) 43 709 bii) 29 855)

- 3 Maklumat berikut dipetik daripada buku-buku Perniagaan Suhaimie seorang pembekal kerepek ubi kayu yang beroperasi di Kuala Besut, Terengganu.

	1 Julai 2021	30 Jun 2022
	RM	RM
Baki Akaun Belum Terima	24 900	26 220
Baki Akaun Belum Bayar	13 500	15 400

Urus niaga berikut diperoleh daripada rekod perkaunan perniagaan tersebut:

	RM
Jualan tunai	8 700
Belian tunai	6 720
Diskaun diberi	330
Diskaun diterima	350
Cek yang diterima daripada Akaun Belum Terima	37 500
Bayaran cek kepada Akaun Belum Bayar	20 110
Pulangan jualan	340
Caj angkutan dikenakan oleh pembekal	560
Faedah dikenakan atas Akaun Belum Terima	700
Pulangan belian	1 060
Hutang lapuk	450
Cek Akaun Belum Terima tak laku	1 200
Diskaun diberi dibatalkan	230
Pindahan daripada Lejar Jualan ke Lejar Belian	950

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar

(Jawapan: (a) RM38 760 (b) RM37 870)



- 4 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Rizal Enterprise pada 31 Disember 2021:

	1 Januari 2021	31 Disember 2021
	RM	RM
Baki debit lejar jualan	12 100	14 080
Baki kredit lejar jualan	-	150
Baki debit lejar belian	520	-
Baki kredit lejar belian	4 900	6 700

Maklumat daripada lejarnya pada 31 Disember 2021:

	RM
Bayaran cek kepada pembekal	47 200
Terima cek daripada pelanggan	77 000
Diskaun diterima	1 620
Pulangan masuk	780
Hutang lapuk	300
Cek tak laku	510
Hutang lapuk terpulih	1 500
Belian tunai	15 700
Peruntukan hutang ragu	600
Pindahan dari Lejar Belian ke Lejar Jualan	1 420

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima  
(b) Akaun Kawalan Belum Bayar

(Jawapan: (a) RM80 820 (b) RM52 560)

- 5 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Dalisha Hub Segar bagi bulan berakhir 30 April 2022.

	1 April 2022	30 April 2022
	RM	RM
Akaun Belum Terima	5 400	?
Akaun Belum Bayar	3 600	?
Bank	54 000	67 000
Tunai	2 300	3 560

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	F	Jumlah (RM)
2022			
April 1	Ma Trading		7 280
17	Sinar Sdn Bhd		1 350
25	Ma Trading		2 300
30	Akaun Belian		10 930

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	F	Jumlah (RM)
2022			
April 5	Restoran Ady		2 550
7	Puan Julia		5 450
10	Restoran Beriani Saleem		3 300
30	Akaun Jualan		11 300

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	F	Jumlah (RM)
2022			
April 18	Sinar Berhad		160
30	Akaun Pulangan Belian		160

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	F	Jumlah (RM)
2022			
April 8	Puan Julia		125
30	Akaun Pulangan Jualan		125

Buku Tunai ( Ruangan Bank sahaja )

Tarikh	Butir	Dis	Bank	Tarikh	Butir	Dis	Bank
2022			RM	2022			RM
April 1	Baki b/b		54 000	April 2	Sinar Trading		3 200
3	Restoran Ady		2 500	5	Ma Trading	180	7 000
7	Jualan		2 000	12	Belian		2 660
10	Puan Julia		3 000	20	Sinar Sdn Bhd		1 440
14	Jualan		1 500				
15	Restoran Ady		2 650				
23	Puan Julia	80	5 600				
28	Jualan		3 250				

Maklumat tambahan:

- (i) Cek yang diterima pada 23 April 2022 adalah cek tendang. Diskaun juga telah di batalkan.
- (ii) Restoran Beriani Saleem telah dikenakan faedah 2% kerana lambat menjelaskan hutang.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Menyediakan :
  - (i) Akaun Kawalan Belum Terima
  - (ii) Akaun Kawalan Belum Bayar
- (b) Menghitung :
  - (i) Jumlah Jualan
  - (ii) Jumlah Belian

(Jawapan: (a)(i) RM8 491 (ii) RM2 550 (b)(i) RM18 050 (ii) RM13 590)

<b>IMBANGAN DUGA</b>
----------------------

1 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Aina Beauty pada 31 Disember 2021:

	RM
Modal pada 1 Januari 2021	52 300
Kenderaan	65 000
Perabot	5 250
Inventori pada 1 Januari 2021	10 350
Akaun Belum Terima	4 300
Akaun Belum Bayar	6 725
Bank	9 932
Tunai	653
Pinjaman bank	20 000
Diskaun diberi	793
Hutang lapuk	355
Sewa	6 000
Kadar bayaran	1 825
Promosi	780
Jualan	79 256
Belian	52 348
Pulangan keluar	330
Pulangan masuk	575
Angkutan masuk	450

**Anda dikehendaki** menyediakan Imbangan Duga pada 31 Disember 2021.

*(Jawapan: RM158 611)*

2 . Maklumat berikut diambil daripada buku Kedai Sukan Ferhat pada 31 Mac 2022:

	RM
Modal pada 1 April 2021	50 000
Premis	85 000
Alatan pejabat	6 250
Simpanan tetap	5 000
Inventori pada 1 April 2021	12 350
Akaun Belum Terima	6 300
Akaun Belum Bayar	8 725
Overdraf Bank	5 932
Tunai	653
Pinjaman bank	30 000
Diskaun diberi	794
Hutang lapuk terpulih	355
Sewa diterima	7 800
Kadar bayaran	1 525
Promosi	540
Angkutan keluar	730

Insurans	440
Jualan	107 474
Belian	72 348
Pulangan keluar	830
Pulangan masuk	775
Cukai belian	450
Faedah atas pinjaman	3 600
Faedah simpanan tetap	175
Komisen	2 550
Susut nilai terkumpul alatan pejabat	1 250
Peruntukan hutang ragu	450
Ambilan	2 350

**Anda dikehendaki** menyediakan Imbangan Duga pada 31 Mac 2022.

*(Jawapan: RM199 105)*

3 . Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Sulaimi Trading pada 30 Jun 2022:

	RM
Pelaburan	25 000
Premis	105 000
Lengkapan	9 250
Kenderaan	85 000
Akaun Belum Terima	6 300
Akaun Belum Bayar	8 725
Bank	15 932
Tunai	1 653
Pinjaman bank	30 000
Deposit kadar bayaran	500
Dividen	990
Sewa diterima	7 800
Kadar bayaran	1 525
Promosi	540
Angkutan masuk	730
Insurans	440
Gaji	28 800
Hutang lapuk	630
Jualan	117 474
Belian	102 348
Pulangan keluar	830
Pulangan masuk	775
Duti atas belian	550
Faedah atas pinjaman	3 600
Komisen	2 550
Susut nilai terkumpulengkapan	1 850
Susut nilai terkumpul kenderaan	16 150
Peruntukan hutang ragu	450
Ambilan	2 350

Modal pada 1 Julai 2021	220 000
Inventori pada 1 Julai 2021	25 350
Inventori pada 30 Jun 2022	30 157

**Anda dikehendaki** menyediakan Imbangan Duga pada 30 Jun 2022.

(Jawapan: RM416 273)

4. Imbangan Duga di bawah telah disediakan oleh Cik Rita, seorang kerani akaun pada 31 Julai 2022. Imbangan Duga ini tidak disediakan dengan betul dan mengandungi kesilapan.

Jajja Chinta Salon		
Imbangan Duga pada 31 Julai 2022		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Alatan pejabat	4 500	
Kenderaan		55 000
Akaun Belum Terima	4 350	
Akaun Belum Bayar		4 010
Pinjaman	30 000	
Bank	21 580	
Tunai		2 790
Perabot	11 400	
Jualan		87 920
Belian	76 400	
Angkutan Keluar		1 900
Pulangan Keluar		640
Angkutan Masuk	1 240	
Sewa	10 800	
Gaji	18 000	
Komisen diterima		750
Hutang lapuk pulih	340	
Inventori 1 Januari 2021	15 300	
Inventori 31 Disember 2021		10 335
Ambilan		650
	193 910	163 995

**Anda dikehendaki** menyediakan semula Imbangan Duga di atas dengan betul.

(Jawapan: RM223 910)

5

Pada 1 Jan 2021, Encik Aby memulakan perniagaan Dahaga Enterprise, pembekal air minuman kotak di bandar Chukai, Kemaman. Urus niaga yang berlaku bagi bulan Januari ditunjukkan oleh dokumen-dokumen berikut:

**PAT T4  
2022**

ASAL		<b>INVOIS</b>	
<b>Kepada:</b> Dahaga Enterprise Jalan Nakhoda 24000 Kemaman		<b>TEGUH EDAR</b> Jalan Kucing 52100 Kuantan, Pahang	No. : 3001  Tarikh : 1 Jan 2021
Kuantiti	Item	HARGA SEUNIT ( RM )	AMAUN ( RM )
50 karton	Air Seri	21.00	1050.00
50 karton	Air Kotak Marigold	11.00	550.00
Jumlah kasar			1600.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			160.00
<b>Jumlah bersih</b>			<b>1 440.00</b>
( <b>Ringgit:</b> Satu ribu empat ratus empat puluh sahaja )			
Syarat : 10% 5 hari, 5 % 10 hari			
Serahan : Angkutan dibayar			
K. & K. Di K.		<i>Dahlan</i>	<i>Mona</i>
		Penerima	Pengurus

ASAL		<b>ABA ENTERPRISE</b>							
<b>Kepada:</b> Dahaga Enterprise Jalan Nakhoda 24000 Kemaman		Bandar Sri Alam 24200 Kemaman	No. : BT 001  <b>BIL TUNAI</b>  Tarikh : 6 Jan 2021						
Kuantiti	Barang	Harga seunit ( RM )	Amaun ( RM )						
50 karton	Air kotak Dutch Lady	17.00	850.00						
50 karton	Air kotak Yeo's	15.00	750.00						
<b>Jumlah</b>			<b>1600.00</b>						
( <b>Ringgit:</b> Satu ribu enam ratus sahaja )									
<table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td colspan="3" style="text-align: center;">RM1600.00</td> </tr> <tr> <td style="width: 33%;">Tunai</td> <td style="width: 33%;">Cek</td> <td style="width: 33%;"></td> </tr> </table>				RM1600.00			Tunai	Cek	
RM1600.00									
Tunai	Cek								
<i>Dahlan</i> Pengurus									

**DAHAGA ENTERPRISE**

Jalan Nakhoda  
24000 Kemaman

Tarikh :7 Jan 2021

**Memo**

Rekodkan :

Pemilik mengambil 10 kerton air kotak Marigold bernilai RM110 untuk promosi

*Dahlan*

Tandatangan Pengurus

**SALINAN****DAHAGA ENTERPRISE****Kepada:**

Kedai Runcit Iman.  
Jalan Sri Wangi  
21300 Kuala Terengganu.

Jalan Nakhoda  
24000 Kemaman

No. : INV111

**INVOIS**

Tarikh :10 Jan 2021

Kuantiti	Barang	Harga seunit ( RM )	Amaun ( RM )
20 kerton	Air kotak Dutch Lady	20.00	400.00
25 kerton	Air kotak Yeo's	18.00	450.00
Jumlah kasar			850.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			85.00
<b>Jumlah bersih</b>			<b>765.00</b>

( Ringgit: Tujuh ratus enam puluh lima sahaja )

Syarat : 5 % 5 hari, 2 % 10 hari  
K. & K. Di K.

*Teja*  
Penerima

*Dahlan*  
Pengurus

<p><b>SALINAN</b></p> <p><b>Kepada:</b> Puan Sabariah Mohamad 21030 Kuala Terengganu</p>	<p><b>DAHAGA ENTERPRISE</b></p> <p>Jalan Nakhoda 24000 Kemaman</p>	<p>No . : BT 201</p>	<p><b>BIL TUNAI</b></p>						
<p><b>Tarikh : 16 Jan 2021</b></p>									
Kuantiti	Barang	Harga seunit ( RM )	Amaun ( RM )						
5 karton	Air kotak Dutch Lady	20.00	100.00						
5 karton	Air kotak Yeo's	18.00	90.00						
<b>Jumlah</b>			190.00						
<p>( <b>Ringgit</b>:Satu ratus sembilan puluh sahaja )</p>									
<table border="1" style="margin: auto; border-collapse: collapse;"> <tr> <td colspan="3" style="text-align: center;">RM190.00</td> </tr> <tr> <td style="width: 33%; text-align: center;">Tunai</td> <td style="width: 33%; text-align: center;">Cek</td> <td style="width: 33%;"></td> </tr> </table>				RM190.00			Tunai	Cek	
RM190.00									
Tunai	Cek								
<p><i>Dahlan</i> Pengurus</p>									

<p><b>ASAL</b></p> <p><b>Kepada:</b> Dahaga Enterprise Jalan Nakhoda 24000 Kemaman</p>	<p><b>TEGUH EDAR</b></p> <p>Jalan Kucing 52100 Kuantan, Pahang</p>	<p>No . : NK 051</p>	<div style="border: 2px solid black; padding: 5px; background-color: #ff00ff; color: white; font-weight: bold; font-size: 1.2em;">NOTA KREDIT</div>
<p><b>Tarikh : 18 Jan 2021</b></p>			
<p><b>Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:</b></p>			
Kuantiti	Barang	Harga seunit ( RM )	Amaun ( RM )
10 karton	Air seri	21.00	210.00
Tolak: Diskaun niaga 10%			21.00
<b>Jumlah</b>			189.00
<p>Barang dipulangkan kerana rosak ( <b>Ringgit</b> : Satu ratus lapan puluh sembilan sahaja )</p>			
<p><b>Syarat</b> : 10 % 5 hari, 5 % 10 hari Angkutan dibayar K. &amp; K. Di K.</p>			<p><i>Mona</i> Pengurus</p>

**Anda dikehendaki:**  
menyediakan kad inventori perniagaan Dahaga Enterprise bagi bulan Januari 2021.  
**(SILA JAWAB DILAMPIRAN YANG DISEDIAKAN)**



**Lampiran 3**

KAD INVENTORI 1: .....

BIL	TARIKH	DOKUMEN	NO DOKEMEN	MASUK	KELUAR	BAKI		
						KUANTITI	HARGA	AMAUN

KAD INVENTORI 2: .....

BIL	TARIKH	DOKUMEN	NO DOKEMEN	MASUK	KELUAR	BAKI		
						KUANTITI	HARGA	AMAUN

KAD INVENTORI 3: .....

BIL	TARIKH	DOKUMEN	NO DOKEMEN	MASUK	KELUAR	BAKI		
						KUANTITI	HARGA	AMAUN

KAD INVENTORI 4: .....

BIL	TARIKH	DOKUMEN	NO DOKEMEN	MASUK	KELUAR	BAKI		
						KUANTITI	HARGA	AMAUN

## PELARASAN PADA TARIKH IMBANGAN

1. Maklumat berikut diperoleh daripada buku-buku perakaunan Perniagaan Cempaka Sari:

**MPP  
2018**

<b>Imbangan Duga pada 31 Disember 2018 (petikan)</b>		
	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
	RM	RM
Kenderaan	90 500	
Susut nilai Terkumpul Kenderaan		9 050
Akaun Belum Terima	12 650	
Peruntukan Hutang Ragu		850
Hutang Lapuk	300	
Sewa		11 000

**Maklumat tambahan:**

- (i) Sewa bulanan kedai RM1 000.
- (ii) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas nilai buku bersih.
- (iii) Seorang penghutang didapati muflis dan hutangnya RM650 dihapus kira sebagai hutang lapuk.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% atas baki Akaun Belum Terima bersih.

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Akaun Sewa
- (b) Akaun Susut nilai Terkumpul Kenderaan
- (c) Akaun Peruntukan Hutang Ragu

*(Jawapan: Sewa RM12 000 ; Susut nilai kenderaan RM8 145 ; Peruntukan Hutang Ragu RM600)*

2. Petikan Imbangan Duga pada 31 Disember 2019 bagi Perniagaan Rajawali Sepakat adalah seperti berikut:

**MPP1  
2020**

<b>Imbangan Duga pada 31 Disember 2019</b>		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Mesin	18 500	
Susut nilai terkumpul mesin		5 550

**Maklumat tambahan:**

- (i) Mesin disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (ii) Pada 31 Disember 2019, satu daripada mesin bernilai RM8 200 yang dibeli pada 1 Januari 2016 telah dijual. Cek bernilai RM3 500 telah diterima sebagai nilai jualan mesin tersebut.
- (iii) Tahun kewangan syarikat berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Akaun Mesin
- (b) Akaun Susut Nilai Berkumpul Mesin
- (c) Akaun Pelupusan Mesin

*(Jawapan: Mesin RM10 300 ; SNT Mesin RM4 120 ; Pelupusan mesin RM1 420)*

3

**MPP2  
2021**

Encik Kamarol membeli lekapan dengan harga RM7 900 pada 1 Julai 2019 dengan menggunakan cek. Lekapan tersebut telah disusutnilaikan dengan kadar 10% setahun atas kos. Pada 30 Jun 2021, Encik Kamarol telah menjual lekapan tersebut dengan harga RM5 500 secara tunai dan wang tersebut telah dibankkan. Tempoh perakaunan berakhir pada setiap 30 Jun.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Menyediakan Akaun Lekapan bagi 2 tahun berakhir 30 Jun 2020 dan 2021.
- (b) Menyediakan Akaun Susut Nilai Berkumpul Lekapan bagi tahun berakhir 30 Jun 2020 dan 2021
- (c) Akaun Pelupusan Lekapan
- (d) Petikan Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021

*(Jawapan: Rugi pelupusan RM820)*

4

Maklumat berikut diambil dari buku perniagaan Faizah pada 31 Disember 2021:

Buku Tunai (ruangan bank)

		RM			RM
2021			2021		
Dis 31	Sewa	12 100	Dis 31	Gaji	12 000
				Insurans	3 900

Maklumat tambahan:

- (i) Sewa belum terima RM1 100
- (ii) Gaji belum bayar RM2 400
- (iii) Insurans prabayar RM300

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Akaun Sewa Diterima
- (b) Akaun Gaji
- (c) Akaun Insurans

*(Jawapan: (a) RM13 200 (b) RM14 400 (c) RM3 600)*

5 Maklumat berikut diambil dari buku Kedai Komputer Mazdi pada 31 Mei 2022:

Buku Tunai (ruangan bank)

		RM			RM
2022			2022		
Mei 31	Komisen	500	Mei 31	Kadar bayaran	1 250
				Promosi	620

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2022

		RM			RM
2022			2022		
Mei 31	Kadar bayaran	1 500	Mei 31	Komisen	300
	Promosi	850			

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Akaun Komisen
- (b) Akaun Kadar bayaran
- (c) Akaun Promosi

(Jawapan: (a) RM200 (b) RM250 (c) RM230)

6 (a) Berikut adalah petikan Buku Tunai Perniagaan Suria bagi tahun berakhir 30 Jun 2022.

**MPP2  
2022**

Buku Tunai (ruangan Bank)

		RM			RM
2022			2022		
Jun 30	Dividen	840	Jun 30	Gaji	30 800
				Sewa	12 000
				Kadar bayaran	3 600

Maklumat tambahan :

- (i) Gaji pekerja bulan Jun 2022 masih belum dibayar sebanyak RM2 800.
- (ii) Sewa bulanan ialah RM1 200.
- (iii) Kadar bayaran prabayar RM320.
- (iv) Dividen belum terima RM480.

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Akaun Gaji [3 markah]
- (b) Akaun Sewa [3 markah]
- (c) Akaun Kadar bayaran [3 markah]
- (d) Akaun Dividen [3 markah]

- (b) Perniagaan Megah Jaya mempunyai jumlah Akaun Belum Terima seperti yang berikut:

Tahun berakhir 31 Disember	Akaun Belum Terima (RM)
2018	7 120
2019	9 340
2020	8 520
2021	10 340

Dasar Perniagaan Megah Jaya adalah untuk mewujudkan peruntukan hutang ragu pada kadar 5% atas Akaun Belum Terima pada setiap tahun.

**Anda dikehendaki** menyediakan Akaun Peruntukan hutang ragu dari tahun 2018 hingga 2021.

- 7 Maklumat berikut diambil dari Imbangan Duga Kedai Kain Ayuni pada 30 Jun 2022.

	RM	RM
Akaun Belum Terima	11 250	
Peruntukan hutang ragu		450
Hutang lapuk	660	

Maklumat tambahan:

- (i) Seorang pelanggan kredit telah muflis dan hutangnya RM1 050 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (ii) Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan kepada 5% daripada Akaun Belum Terima bersih.

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Akaun Hutang Lapuk
- (b) Akaun Peruntukan Hutang Ragu
- (c) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2022 (petikan)

*(Jawapan: (a) RM1 710 (b) RM60)*

- 8 Pada 1 Januari 2019, Perniagaan Karya Anggun telah membeli sebuah kenderaan pada harga RM78 000 dan dibayar dengan cek. Kenderaan tersebut telah disusut nilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Tempoh perakaunan berakhir pada setiap 31 Disember.

**Anda dikehendaki** menyediakan akaun berikut bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.

- (a) Akaun Kenderaan
- (b) Akaun Susut Nilai Kenderaan
- (c) Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan

*(Jawapan: (a) RM78 000 (b) RM15 600, RM12 480, RM9 984 (c) RM38 064)*

9 Berikut merupakan Imbangan Duga Perniagaan Perkasa.

Mesin	Harga Kos (RM)	Tarikh beli
<b>P</b>	20 000	1 Jan 2019
<b>Q</b>	35 000	30 Jun 2019

Pada 31 Disember 2021, Perniagaan Perkasa telah menjual mesin **P** pada harga RM 15 500 dengan cek. Semua mesin telah disusut nilaikan pada kadar 10% setahun atas kos. Tahun kewangan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Akaun Mesin
- (b) Akaun Susut Nilai Terkumpul Mesin
- (c) Akaun Pelupusan Mesin

*(Jawapan: (a) RM35 000 (b) RM8 750 (c) RM1 500)*

10 Petikan Imbangan Duga berikut diperolehi daripada buku perniagaan Fendi Trading pada 31 Disember 2022:

**PAT T4  
2022**

Fendi Trading		
Imbangan Duga pada 31 Disember 2022		
	Debit (RM)	Kredit (RM)
Sewa diterima		16 900
Utiliti	4 550	

Maklumat tambahan:

- (i) Sewa diterima termasuk RM1 300 untuk sewa bulan Januari 2023.
- (ii) Utiliti prabayar RM350

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Akaun Sewa diterima [3 markah]
- (b) Akaun Utiliti [3 markah]
- (c) Catatan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 [2 markah]
- (d) Catatan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022

**PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL**

1 Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perniagaan Seri Collection, sebuah perniagaan milikan tunggal yang beroperasi di bandar Marang, Terengganu pada 31 Disember 2021:

Imbangan Duga pada 31 Disember 2021

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Januari 2021		140 000
Alatan kedai (kos)	28 000	
Premis (kos)	110 000	
Akaun Belum Terima	6 880	
Akaun Belum Bayar		7 667
Pinjaman		10 000
Ambilan	1 310	
Inventori pada 1 Januari 2021	7 200	
Bank	18 400	
Tunai	590	
Belian	66 760	
Jualan		96 670
Pulangan masuk	620	
Pulangan keluar		790
Angkutan masuk	470	
Insurans atas belian	1 200	
Angkutan keluar	1 440	
Gaji	10 800	
Belanja am	1 382	
Insurans	3 600	
Kadar bayaran	2 750	
Sewa diterima		6 000
Komisen diterima		275
	261 402	261 402

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2021 dinilai RM6 890 pada harga pasaran dan RM6 220 pada harga kos.

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.  
 (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021.

**JAWAPAN**

Seri Collection

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

	RM	RM	RM
<i>Tolak</i> :			
Jualan bersih			
<u><i>Tolak</i>:Kos Jualan</u>			
Inventori awal			
<i>Tolak</i> Pulangan belian			
Belian bersih			
<i>Tambah</i> :			
Kos barang untuk dijual			
<i>Tolak</i> : Inventori akhir			
Kos jualan			
Untung kasar			27 430
<i>Tambah</i> Hasil			
<i>Tolak</i> Belanja			
Untung bersih			13 733



Seri Collection

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021

	RM	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
_____		_____	
_____		_____	
			_____
<u>Aset Semasa</u>			
_____		_____	
_____		_____	
_____		_____	
_____		_____	
			_____
<u>Tolak Liabiliti Semasa</u>			
_____		_____	
Modal kerja			24 423
			_____
			_____
<u>Ekuiti Pemilik</u>			
_____		_____	
<i>Tambah :</i> _____			_____
			_____
<i>Tolak:</i> _____			_____
			_____
<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>			
_____		_____	
Modal akhir			162 423
			_____

- 2 Puan Fatin Najwa ialah pemilik Toys World yang menjual permainan kanak-kanak. Berikut ialah Imbangan Duga perniagaannya pada 30 Jun 2022:

Imbangan Duga pada 30 Jun 2022

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Julai 2021		105 000
Inventori pada 1 Julai 2021	8 150	
Perabot (kos)	20 000	
Kenderaan (kos)	55 000	
Akaun Belum Terima	6 990	
Akaun Belum Bayar		8 780
Pinjaman		18 000
Ambilan	1 200	
Bank	25 700	
Tunai	760	
Belian	89 490	
Jualan		109 950
Pulangan masuk	750	
Pulangan keluar		880
Hutang lapuk terpulih		1 440
Komisen diterima		300
Angkutan masuk	470	
Duti import	1 250	
Angkutan keluar	1 370	
Gaji	12 000	
Promosi	1 790	
Sewa	15 600	
Insurans	1 080	
Kadar bayaran	2 750	
	244 350	244 350

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2022 dinilai RM9 550 pada harga pasaran dan RM9 890 pada harga kos.

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2022.  
 (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2022.

*(Jawapan: UK:RM20 270, RB:RM12 580, MK: RM34 220, PKK:RM109 220)*

- 3 Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Alat Tulis Mai, sebuah perniagaan milikan tunggal pada 31 Mac 2022:

Imbangan Duga pada 31 Mac 2022

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 April 2021		128 000
Inventori pada 1 April 2021	6 650	
Kenderaan (kos)	60 000	
Lengkapan (kos)	35 000	
Simpanan tetap	30 000	
Akaun Belum Terima	5 340	
Akaun Belum Bayar		7 190
Pinjaman		25 000
Ambilan	1 150	
Bank	28 900	
Tunai	630	
Belian	99 230	
Jualan		144 780
Pulangan masuk	900	
Pulangan keluar		1 020
Angkutan masuk	480	
Belanja am	1 370	
Sewa	12 000	
Gaji	18 000	
Promosi	1 550	
Insurans	3 600	
Kadar bayaran	2 890	
Derma	520	
Hutang lapuk	880	
Faedah atas simpanan		2 400
Diskaun diterima		700
	309 090	309 090

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Mac 2022 dinilai RM7 850 pada harga pasaran dan RM8 250 pada harga kos.

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2022.  
 (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2022.

*(Jawapan: UK:RM46 390, UB:RM8 680, MK: RM65 530, PKK:RM160 530)*

- 4 Berikut ialah Imbangan Duga pada 31 Mei 2021 yang diperoleh daripada perniagaan Sulaimi Enterprise yang beroperasi di bandar Kuala Terengganu:

**MPP2  
2021**

Sulaimi Enterprise  
Imbangan Duga pada 31 Mei 2021

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Jun 2020		66 822
Kenderaan (kos)	65 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		12 350
Lengkapan (kos)	12 000	
Susut nilai terkumpul Lengkapan		2 400
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	9 800	5 890
Pinjaman		12 000
Bank	10 983	
Tunai	1 160	
Ambilan	1 300	
Peruntukan hutang ragu		597
Inventori pada 1 Jun 2020	13 250	
Belian dan Jualan	95 678	158 905
Pulangan masuk	1 255	
Angkutan masuk	300	
Diskaun diberi	630	
Promosi	1 340	
Belanja am	1 200	
Gaji	36 000	
Komisen		3 900
Sewa	11 050	
Faedah atas Pinjaman	550	
Utiliti	1 368	
	262 864	262 864

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 31 Mei 2021 dinilai seperti berikut:

Jenis produk	Harga Kos RM	Harga Pasaran RM
Produk A	8 250	8 550
Produk B	3 210	2 568
Produk C	3 444	3 897

- (ii) Bil elektrik bulan Mei 2021 berjumlah RM210 masih belum dibayar.  
 (iii) Pinjaman berkadar faedah 5% setahun akan matang pada 31 Disember 2024.  
 (iv) Sepanjang tempoh kewangan, pemilik telah mengambil barang niaga berjumlah RM550 untuk kegunaan keluarga. Perkara ini telah direkod sebagai belanja am.

- (v) Sewa dibayar setiap suku tahun. Sewa dibayar termasuk RM2550 bagi suku tahun berakhir 30 Jun 2021.
- (vi) Sekeping cek tak laku telah direkodkan tetapi pembatalan diskaun diberi berjumlah RM80 masih belum dicatat.
- (vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 5% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (viii) Susut nilai Aset Bukan Semasa ditetapkan seperti berikut:

Aset Bukan Semasa	Kaedah susut nilai	Kadar
Kenderaan	Baki berkurangan	10% setahun
Lengkapan	Garis lurus	10% setahun

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2021
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2021

*(Jawapan: UK:RM62 684, UB:RM9 304, MK RM30 491, PKK RM86 276)*

- 5 Encik Razak merupakan pemilik Padu Alat Ganti yang menjual pelbagai alat ganti motosikal di Bandar Marang, Terengganu. Imbangan Duga perniagaan pada 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

**PAT T4  
2022**

**Padu Alat Ganti**  
**Imbangan Duga pada 31 Disember 2022**

	Debit RM	Kredit RM
Alatan pejabat	10 400	
Perabot	20 600	
Lengkapan kedai (kos)	19 500	
Angkutan masuk	360	
Inventori pada 1 Januari 2022	19 630	
Sewa kedai	26 400	
Bank	150 450	
Tunai	1 180	
Akaun Belum Terima	11 600	
Akaun Belum Bayar		19 400
Kadar bayaran	6 580	
Belian dan Jualan	75 300	142 580
Pulangan	250	344
Angkutan keluar	190	
Gaji	23 600	
Peruntukan hutang ragu		286
Insurans	3 680	
Susut nilai terkumpul:		
Alatan pejabat		1 040
Perabot		4 120
Lengkapan kedai		3 900
Modal pada 1 Januari 2022		198 050
	369 720	369 720

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 31 Disember 2022 bernilai RM22 650 pada harga pasaran dan RM25 940 pada harga kos
- (i) Hutang lapuk RM300
- (ii) Gaji belum bayar RM600
- (iii) Jualan tunai RM300 belum direkodkan
- (iv) Angkutan keluar RM80 tersalah rekod dalam angkutan masuk
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih
- (vi) Kadar bayaran yang dibayar termasuk kadar bayaran rumah sewa anak pemilik RM590
- (vii) Aset bukan semasa disusutnilaikan seperti berikut:
  - Perabot danengkapan kedai - 10% setahun atas kos
  - Alatan pejabat - 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 (Tunjukkan modal kerja)

*(Jawapan: UK:RM70 414, UB:RM4 688, MK:RM165 654, PKK:RM202 148)*

6

Puan Zahara menjalankan perniagaan Zara Enterprise yang beroperasi di Kuala Lumpur. Berikut adalah Imbangan Duga perniagaannya pada 30 September 2019.



**Zara Enterprise**  
Imbangan Duga pada 30 September 2019

	Debit	Kredit
	RM	RM
Pinjaman bank 6% (matang 2019)		42 000
Peruntukan hutang ragu		504
Bank		9 910
Angkutan masuk	174	
Angkutan keluar	1 292	
Tunai	250	
Ambilan	17 150	
Modal 1 Oktober 2019		155 536
Belanja am	16 660	
Insurans	1 930	
Inventori barang niaga 1 Oktober 2018	14 300	
Faedah atas pinjaman	2 310	
Lain-lain Akaun Belum Bayar		1 200
Lain-lain Akaun Belum Terima	968	
Cetakan dan alat tulis	13 470	
Hartanah, loji dan mesin (dinilai pada 1 Oktober 2018)	238 650	
Belian	64 200	
Belanja membaiki	3 900	
Pulangan	466	1 290
Jualan		198 500
Gaji	28 300	

Akaun Belum Bayar		35 700	
Akaun Belum Terima	34 200		
Pengangkutan	6 420		
	444 640		444 640

Maklumat tambahan yang belum diambil kira:

- (i) Inventori pada 30 september 2019 RM
  - Barang niaga 18 150
  - Alat tulis 2 490
- (ii) Faedah atas pinjaman bank telah dibayar sehingga 31 Ogod 2019.
- (iii) Insurans yang dibayar adalah termasuk insurans atas bangunan untuk 12 bulan sehingga 31 Disember 2019 sebanyak RM660.
- (iv) Jualan termasuk RM3 840 diterima untuk kerja-kerja yang akan dilakukan pada bulan Oktober 2019.
- (v) Susut nilai dikenakan ke atas hartanah, loji dan mesin menggunakan kaedah penilaian semula. Pada 30 September 2019, hartanah, loji dan mesin dinilai pada RM230 300.
- (vi) Pada 1 Disember 2018 menerima tunai RM1 650 daripada seorang penghutang yang hutangnya telah menjadi lapuk pada 30 September 2018.
- (vii) Peruntukan hutang ragu dikekalkan pada 2% atas Akaun Belum Terima.

Tarikh: 30 September 2019						
<b>MEMO</b>						
Kepada : Alia						
Daripada : Puan Zahara						
<b>PERKARA</b>						
Sepanjang tahun perakaunan, saya telah menggunakan wang peribadi saya untuk perkara berikut:						
<table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;">RM</td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 40px;">Tambang</td> <td style="text-align: right;">2 890</td> </tr> <tr> <td style="padding-left: 40px;">Sewa</td> <td style="text-align: right;">15 000</td> </tr> </table>		RM	Tambang	2 890	Sewa	15 000
	RM					
Tambang	2 890					
Sewa	15 000					
Perkara di atas masih belum direkodkan dalam mana-mana buku.						

- (a) **Anda dikehendaki menyediakan:**
  - (i) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2019.
  - (ii) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2019.
- (b) Mengapakah modal kerja menjadi negatif?

*(Jawapan: UK: RM135 320, UB: RM38 713, MK: (RM35 311), PKK: RM194 989, Jumlah Liabiliti Semasa lebih besar berbanding dengan Aset Semasa)*

7 Imbangan Duga berikut diambil daripada perniagaan Super Sport Enterprise yang beroperasi di bandar Kuala Terengganu pada 31 Mac 2022:

**MPP 2  
2022**

Imbangan Duga pada 31 Mac 2022

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 April 2021		120 000
Premis (kos)	90 000	
Perabot (kos)	15 000	
Kenderaan (kos)	36 000	
Susut nilai terkumpul pada 1 April 2021:		
Perabot		3 000
Kenderaan		12 960
Ambilan	1 289	
Akaun Belum Terima	13 650	
Akaun Belum Bayar		28 452
Inventori pada 1 April 2021	15 485	
Bank	17 805	
Tunai	550	
Belian dan Jualan	98 178	145 839
Pulangan	846	
Angkutan masuk	440	
Gaji	12 760	
Belanja am	3 382	
Insurans	4 800	
Kadar bayaran	5 075	
Sewa diterima		6 000
Angkutan keluar	1 286	
Peruntukan hutang ragu		295
	<u>316 546</u>	<u>316 546</u>

**Maklumat tambahan:**

(ii) Inventori pada 31 Mac 2022 dinilai seperti berikut:

	<b>Harga kos</b>	<b>Harga pasaran</b>
	RM	RM
Kad Inventori 1	5 300	5 900
Kad Inventori 2	6 700	6 500

(iii) Kadar bayaran belum bayar RM325.

(iv) Insurans prabayar RM400.

(v) Perniagaan menyewakan sebahagian daripada premis bermula pada 1 Januari 2022 dengan sewa bulanan RM1 500.

(vi) Nota kredit yang dihantar kepada pelanggan RM350 belum dicatat dalam buku perniagaan.

(vii) Angkutan masuk RM280 tersilap rekod dalam angkutan keluar.

(viii) Pemilik mengambil tunai RM190 untuk membayar bil utiliti rumah kediamannya.

(ix) Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih.



- (x) Kadar susut nilai bagi aset bukan semasa adalah seperti berikut:  
 Perabot 10% setahun atas kos.  
 Kenderaan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2022.
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2022.

*(Jawapan: UK: RM42 060, UB: RM13 533, MK: RM13 122, PKK: RM132 054)*

- 8 Encik Badlishah ialah pemilik Kedai Perabot SHAH yang beroperasi di Bandar Marang, Terengganu. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perakaunan pada 31 Disember 2019:

**MPP 1  
2020**

**Imbangan Duga pada 31 Disember 2019**

	Debit RM	Kredit RM
Modal 1 Januari 2019		131 660
Ambilan	1920	
Alatan pejabat (kos)	11600	
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		2 320
Kenderaan	120 500	
Susut nilai terkumpul kenderaan		24100
Akaun Belum Terima	14700	
Akaun Belum Bayar		11680
Gaji	19500	
Kadar bayaran	5 850	
Peruntukan hutang ragu		420
Inventori 1 Januari 2019	19600	
Belian dan Jualan	116960	205250
Pulangan	930	660
Alat tulis	180	
Bank	30 760	
Tunai	1 190	
Insurans	2400	
Sewa kedai	30 000	
	376 090	376 090

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 31 Disember 2019 dinilai RM18200 pada harga kos dan RM16 900 pada harga pasaran.
- (ii) Gaji belum bayar RM500.
- (iii) Insurans prabayar RM200.
- (iv) Hutang lapuk RM350.
- (v) Ambilan tunai RM250 untuk kegunaan anaknya tertinggal catat.
- (vi) Barang niaga RM330 didermakan kepada Rumah Orang Tua Makmur belum direkod dalam mana-mana buku.
- (vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas baki Akaun Belum Terima bersih.

- (viii) Alatan pejabat disusutnilaikan 10% setahun atas kos manakala kenderaan disusutnilaikan 20% mengikut kaedah baki berkurangan.

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019.

*(Jawapan: UK: RM85 650, UB: RM6 433, MK: RM50 683, PKK: RM135 923 )*

9

Puan Sarimah adalah pemilik Sherry Enterprise yang beroperasi di Bandar Kuala Terengganu. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perakaunannya pada 30 April 2020.

**MPP2  
2020**

**Imbangan Duga pada 30 April 2020**

	Debit RM	Kredit RM
Modal 1 Mei 2019		225 000
Perabot (kos)	9 700	
Kenderaan (kos)	48 000	
Ambilan	1 290	
Akaun Belum Terima	10800	
Akaun Belum Bayar		8290
Premis (kos)	140 000	
Inventori 1 Mei 2019	10 500	
Bank	35 840	
Tunai	980	
Pulangan	330	200
Komisen		230
Belanja am	660	
Belian dan Jualan	195 850	223 710
Peruntukan hutang ragu		320
Gaji	9 900	
Faedah atas simpanan		410
Insurans	2340	
Promosi	1 240	
Susut nilai terkumpul kenderaan		9 600
Alat tulis	330	
	467 760	467 760

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 30 April 2020 dinilai RM12 900 pada harga kos dan RM12700 pada harga pasaran.
- (ii) Belanja am belum bayar RM240.
- (iii) Gaji belum bayar RM900.
- (iv) Insurans prabayar RM180.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas baki Akaun Belum Terima bersih.
- (vi) Pemilik telah mengeluarkan cek RM500 kepada Rumah Anak-anak Yatim Seri Cahaya belum lagi direkodkan dalam mana-mana buku.
- (vii) Susut nilai:

Kenderaan 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan  
 Perabot 10% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2020.
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30April2020.

*(Jawapan: UK: RM29 930, UB: RM6 094, MK: RM50 354, PKK: RM299 804 )*

10

**MPP3  
2020**

Encik Ramzan merupakan pemilik RAM PERABOT yang menjual perabot di Bandar Marang, Terengganu. Imbangan Duga perniagaan pada 30 Jun 2020 adalah seperti berikut:

**Imbangan Duga pada 30 Jun 2020**

	<b>Debit RM</b>	<b>Kredit RM</b>
Lengkapan kedai (kos)	26 700	
Insurans	1 920	
Kenderaan (kos)	58 000	
Inventori pada 1 Julai 2019	10 550	
Angkutan masuk	440	
Premis (kos)	139 000	
Bank	35 560	
Akaun Belum Terima	12 900	
Akaun Belum Bayar		22 400
Tunai	590	
Belian dan Jualan	42 600	98 300
Pulangan	420	1 120
Peruntukan hutang ragu		360
Komisen diterima		4 000
Gaji	16 900	
Modal pada 1 Julai 2019		195 310
Kadar bayaran	6 290	
Susut nilai terkumpul:		
Kenderaan		5 800
Lengkapan kedai		10 680
Premis		13 900
	351 870	351 870

**Maklumat tambahan:**

- (i) Inventori pada 30 Jun 2020 bernilai RM13 640 pada harga pasaran dan RM11 630 pada harga kos.
- (ii) Komisen diterima RM400 sebulan.
- (iii) Insurans prabayar RM320.
- (iv) Kadar bayaran yang dibayar termasuk kadar bayaran rumah kediaman keluarga pemilik RM660.
- (v) Derma barang niaga RM280 belum direkod dalam mana-mana buku.
- (vi) Seorang pelanggan telah diisytiharkan mufliis dengan hutangnya RM350 dianggap lapuk.

- (vii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (viii) Polisi susut nilai:
  - Kenderaan dan premis 10% atas baki berkurangan
  - Lengkapan kedai 20% atas kos

**Anda dikehendaki** menyediakan:

- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020. (Tunjukkan modal kerja)  
*(Jawapan: UK: RM57 320, UB: RM13 399, MK: RM38 799, PKK: RM209 049 )*

## PEMBETULAN KESILAPAN

1. Bagi setiap kesilapan di bawah, tandakan (/) pada ruangan yang betul mengikut jenis kesilapan, sama ada Kesilapan Ketara atau Kesilapan Tidak Ketara.

Untuk **Kesilapan Tidak Ketara**, nyatakan catatan pembetulan mengikut catatan bergu.

Bil	Butiran	Kesilapan		Catatan Pembetulan	
		Ketara	Tidak Ketara	Akaun Didebit	Akaun Dikredit
a)	Ambilan barang niaga RM350 belum direkod dalam mana-mana buku perniagaan				
b)	Belian tunai RM160 telah didebitkan dalam Akaun Tunai dan dikreditkan dalam Akaun Belian				
c)	Beli perabot daripada Kedai Lee RM890 telah tersilap rekod sebagai RM980 dalam ke dua-dua akaun				
d)	Ambilan tunai RM90 hanya direkodkan dalam Buku Tunai saja				
e)	Belian terkurang catat RM70, jualan juga telah terkurang catat dengan amaun yang sama.				
f)	Insurans peribadi RM330 telah direkodkan dalam Akaun Insurans				
g)	Jurnal Belian terkurang catat RM60 dan diposkan ke lejar				

h)	Pulangan belian kepada Kedai Tan RM76 telah tersilap rekod sebagai RM67 dalam Akaun Kedai Tan, manakala catatan dalam Akaun Pulangan Belian adalah betul.				
i)	Beli alat tulis untuk kegunaan perniagaan RM36 telah direkodkan dalam Akaun Belian.				
j)	Jualan kepada Rashid RM800 telah tersilap direkod dalam Akaun Rashidah.				

2. Kenal pasti jenis kesilapan di bawah :

Bil	Situasi	Jenis Kesilapan
(a)	Pulangan masuk terlebih catat RM130, begitu juga Pulangan Keluar.	
(b)	Kadar bayaran RM900 tersilap didebitkan dalam akaun Belanja Am.	
(c)	Invois daripada Syarikat Belati Emas kerana belian barang niaga bernilai RM2 000 terlupa dicatat dalam buku perniagaan.	
(d)	Jualan RM705 kepada Melati Enterprise dicatat sebagai RM750 dalam Akaun Jualan dan Akaun Melati Enterprise.	
(e)	Pembelian komputer dengan cek RM2 800 untuk kegunaan pejabat telah didebitkan dalam Akaun Belian.	
(f)	Membawa masukengkapan dari rumah kediaman untuk kegunaan perniagaan RM2 500 telah direkodkan di sebelah debit Akaun Lengkapan dan Akaun Modal.	
(g)	Bayaran hutang kepada Syarikat Chan sebanyak RM3 400 telah direkod ke dalam Akaun Syarikat Chin.	
(h)	Bayaran gaji pekerja RM5 000 dengan cek telah di debitkan dalam Akaun Bank dan di kreditkan dalam Akaun Gaji.	
(i)	Cek bernilai RM480 yang digunakan untuk membayar caj angkutan telah dikreditkan dalam Akaun Bank tetapi belum dicatat dalam Akaun Angkutan.	
(j)	Cek RM3 500 yang diterima daripada Salmi Enterprise telah dikreditkan dalam Akaun Salma Trading.	

(k)	Angkutan masuk sebanyak RM180 telah tersilap catat sebagai angkutan keluar.	
(l)	Belian tunai RM1 500 didebitkan dalam Akaun Belian dan Akaun Tunai.	

3. Betulkan kesilapan-kesilapan di bawah dengan menggunakan Jurnal Am (keterangan jurnal tidak diperlukan):

- (a) Bayaran gaji pekerja RM1200 yang dibayar dengan cek terlupa direkodkan dalam buku perniagaan.
- (b) Belian barang niaga daripada Pembekal Nasya Maju bernilai RM680 telah direkodkan sebagai RM860.
- (c) Premium insurans yang dibayar adalah termasuk premium insurans kenderaan pemilik berjumlah RM450.
- (d) Komisen Diterima RM400 secara tunai telah didebitkan ke Akaun Komisen Diterima dan dikreditkan ke Akaun Tunai.
- (e) Jualan kepada Salleh Trading sebanyak RM400 telah direkodkan dalam Akaun Soleh Enterprise.
- (f) Ambilan barang niaga bernilai RM480 untuk tujuan promosi belum lagi dicatat dalam buku-buku perniagaan.
- (g) Jualan RM1 200 kepada Shamsul telah direkodkan sebagai RM2 100 dalam kedua-dua Akaun Jualan dan Akaun Shamsul.
- (h) Jumlah kedua-dua Jurnal Belian dan Jurnal Jualan terlebih kira sebanyak RM170.
- (i) Satu invois belian berjumlah RM2 200 yang diterima dari Pemborong Farah telah direkodkan ke dalam Akaun Pemborong Sarah.
- (j) Ambilan barang niaga RM550 untuk tujuan derma telah direkodkan sebagai ambilan.

4. Imbangan duga berikut diambil daripada buku perniagaan Ferhat Aslan Trading pada 30 Jun 2022:

Imbangan Duga pada 30 Jun 2022		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Jualan		64 900
Belian	38 600	
Pulangan	850	1 050
Perabot	8 900	
Alat tulis	780	
Ambilan	1 380	
Promosi	1 800	
Akaun Belum Terima	22 300	
Akaun Belum Bayar		18 500
Inventori pada 1 Julai 2021	19 540	
Bank	30 300	
Modal pada 1 Julai 2021		40 000
	124 450	124 450

Imbangan Duga tersebut seimbang, walaubagaimanapun beberapa kesilapan telah ditemui seperti berikut:

- (i) Bayaran kepada Pembekal Wong Kee Trading RM580 telah direkod dalam akaun Pembekal Wong Kam Trading
- (ii) Beli perabot pejabat berkos RM3 180 telah direkodkan dalam Akaun Belian
- (iii) Fail dan katrij komputer yang diambil untuk kegunaan peribadi RM60 belum direkod dalam mana-mana buku perniagaan.
- (iv) Pulangan jualan RM70 telah dikreditkan ke Akaun Pulangan belian dan didebitkan ke Akaun Belum Terima.
- (v) Jualan barang niaga secara kredit RM3 580 telah dicatat dalam buku sebagai RM3 850.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Menyediakan catatan jurnal am untuk membetulkan kesilapan berkenaan (abaikan keterangan)
- (b) Menyediakan semula Imbangan Duga pada 30 Jun 2022

*(Jawapan: (b) RM124 110)*

5. Imbangan duga berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Runcit Adam pada 31 Ogos 2022:

Kedai Runcit Adam		
Imbangan Duga pada 31 Ogos 2022		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal 1 September 2021		51 922
Jualan		48 100
Belian	28 550	
Pulangan jualan		135
Bank	5 850	
Komisen diterima		550
Diskaun diberi	200	
Akaun Belum Terima	3 960	
Akaun Belum Bayar		5 730
Ambilan	250	
Utiliti	350	
Kenderaan (kos)	30 200	
Lengkapan (kos)	15 350	
Inventori 1 September 2021	21 457	
	106 167	106 437

Imbangan Duga tersebut didapati tidak seimbang. Anda dikehendaki mengesan kesilapan yang berlaku di samping mengambil kira kesilapan-kesilapan berikut:

- (i) Belian alat tulis RM145 telah direkod sebagai belian barang niaga.
- (ii) Belanja membaiki kenderaan direkod RM200 dalam Akaun Kenderaan.
- (iii) Ambilan barang niaga RM170 untuk didermakan kepada Rumah Anak Yatim Raudah direkodkan sebagai ambilan peribadi.

- (iv) Sekeping cek bernilai RM760 yang diterima daripada Akaun Belum Terima telah dipulangkan oleh pihak bank dengan perkataan “rujuk penyuruh bayar” dan diskaun diberi dibatalkan RM40 belum dicatat dalam mana-mana buku perniagaan.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Menyediakan catatan jurnal am untuk membetulkan kesilapan berkenaan (abaikan keterangan)
- (b) Menyediakan semula Imbangan Duga pada 31 Ogos 2022

*(Jawapan: (b) RM106 302)*

- 6. Imbangan duga berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Cenderamata Zakaria pada 30 Jun 2022:

Imbangan Duga pada 30 Jun 2022		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Julai 2021		85 625
Jualan		28 600
Belian	17 840	
Diskaun diberi	530	
Pulangan keluar		210
Bank	5 765	
Angkutan masuk	770	
Akaun Belum Terima	2 990	
Akaun Belum Bayar		3 130
Gaji	3 960	
Utiliti	1 250	
Premis (kos)	55 230	
Perabot (kos)	6 730	
Inventori 1 Julai 2021	22 500	
	117 565	117 565

Imbangan Duga tersebut seimbang, walau bagaimanapun En. Zakaria menyedari terdapat beberapa kesilapan yang perlu diperbetulkan dan telah dikesan seperti berikut:

- (i) Sebuah komputer bernilai RM3 250 yang dibeli secara kredit daripada Dali Komputer telah didebitkan dalam Akaun Perabot dan dikreditkan dalam Akaun Dali Komputer.
- (ii) Pulangan barang rosak berkos RM290 kepada Akaun Belum Bayar telah didebitkan dalam Akaun Pulangan Keluar dan dikreditkan dalam akaun pembekal.
- (iii) Pengeluaran sekeping cek RM500 untuk didermakan ke rumah kebajikan belum direkodkan dalam mana-mana buku perniagaan.
- (iv) Bayaran caj angkutan RM420 untuk penghantaran barang ke rumah pelanggan telah direkodkan sebagai angkutan masuk.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Menyediakan catatan jurnal am untuk membetulkan kesilapan berkenaan (abaikan keterangan)
- (b) Menyediakan semula Imbangan Duga pada 30 Jun 2022

*(Jawapan: (b) RM117 565)*



7 Hazwan Syazani pemilik perniagaan Telekung Syazani telah menyediakan Imbangan Duga pada 31 Oktober 2019. Beliau mengesan beberapa kesilapan berikut:

**MPP1  
2020**

- (i) Angkutan masuk RM320 tersalah rekod dalam Angkutan keluar.
- (ii) Jualan barang niaga kepada Galeri Aisyah terkurang catat RM90.
- (iii) Belanja membaiki kenderaan RM1 100 tersalah rekod dalam Akaun Kenderaan.
- (iv) Ambilan barang niaga untuk promosi RM240 belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (v) Komisen yang diterima secara tunai RM400 telah didebitkan dalam Akaun Komisen Diterima dan dikreditkan dalam Akaun Tunai.

**Anda dikehendaki** membantu Hazwan Syazani membetulkan kesilapan tersebut dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan)

8 Cik Syahmina kerani akaun Izzati Technology sebuah kedai peralatan komputer menyediakan Imbangan Duga pada 31 Mac 2020:

**MPP2  
2020**

<b>Izzati Technology</b>			
<b>Imbangan Duga pada 31 Mac 2020</b>			
	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>	<b>RM</b>
	RM		
Belian dan Jualan	39 500	64 100	
Pulangan	2 400	4 300	
Inventori pada 1 April 2019	30 800		
Perabot	9 500		
Gaji	22 800		
Insurans	3 200		
Angkutan masuk	640		
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	3 400	7 200	
Ambilan	500		
Bank	41 900		
Tunai	960		
Sewa	7 000		
Kenderaan	96 600		
Modal pada 1 April 2019		183 600	
	<u>259 200</u>	<u>259 200</u>	

Kesilapan berikut telah dikesan selepas penyediaan Imbangan Duga:

- (i) Akaun Belian dan Akaun Pulangan Belian terlebih catat RM250.
- (ii) Cek tak layan RM800 yang diterima daripada pelanggan terlupa direkodkan dalam mana-mana buku.
- (iii) Sekeping nota kredit RM540 yang diterima daripada pembekal telah tersilap rekod sebagai RM450 dalam Jurnal Pulangan Belian dan diposkan ke lejar.
- (iv) Belanja membaiki kenderaan RM400 telah tersilap didebitkan dalam Akaun Gaji.
- (v) Jualan RM2 000 telah didebitkan ke Akaun Jualan dan dikreditkan ke Akaun Belum Terima.

**Anda dikehendaki:**

- (a) membetulkan kesilapan (i) hingga (v) dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan).
- (b) menyediakan semula Imbangan Duga pada 31 Mac 2020.

*(Jawapan: (b) 260 950 )*

9 Kesilapan-kesilapan berikut berlaku pada 31 Oktober 2020 dalam lejar MAA Enterprise, seorang peruncit.

**MPP2  
2021**

- (i) Belanja membaiki van RM300 telah didebitkan dalam Akaun Van
- (ii) Komisen diterima RM100 telah dikreditkan ke Akaun faedah diterima
- (iii) Ambilan tunai RM500 tersalah rekod sebagai ambilan barang niaga
- (iv) Bayaran insurans peribadi RM400 telah didebitkan dalam Akaun Bank dan dikreditkan dalam Akaun Insurans

**Anda dikehendaki** menyediakan Jurnal Am untuk membetulkan kesilapan tersebut.

10 Berikut beberapa kesilapan yang dikesan setelah Perniagaan Muzakkir menyediakan Imbangan Duga pada 31 Disember 2022.

**PAT T4  
2022**

- (i) Akaun Kadar Bayaran yang direkodkan berjumlah RM500 adalah ambilan oleh Encik Muzakkir untuk membayar belanja bil elektrik kediamannya.
- (ii) Sebuah kenderaan bernilai RM25 000 telah dibawa masuk dari kediaman untuk kegunaan perniagaan. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (iii) Belian barang niaga sebanyak RM1 000 daripada Pembekal Soon belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- (iv) Bayaran insurans RM320 tersalah rekod dalam Akaun Gaji.
- (v) Bayaran sewa RM2 000 dengan cek telah didebitkan dalam Akaun Bank dan dikreditkan dalam Akaun Sewa.

**Anda dikehendaki** membantu En Muzakkir membetulkan kesilapan di atas dalam Jurnal Am. (Keterangan tidak diperlukan)

## ANALISIS PENYATA KEWANGAN

1 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Tee Trading dan Bee Enterprise pada 31 Julai 2016.

**BK2  
2017**

	<b>Tee Trading</b>	<b>RM</b>
Jualan		220 000
Belian		152 000
Inventori pada 1 Ogos 2015		39 600
Inventori pada 31 Julai 2016		30 800
Kos jualan		176 000
Belanja		6 600
Untung bersih		37 400
Akaun Belum Terima		54 247
Tunai		825
Overdraf bank		2 305
Insurans prabayar		660
Akaun Belum Bayar		22 452
Pinjaman (matang pada 1 April 2017)		6 600
Modal pada 1 Ogos 2016		467 500

(Nota: Semua urusan niaga belian dan jualan adalah secara kredit)

**Bee Enterprise**

Tokokan	31%
Peratus untung bersih atas jualan	22%
Pulangan atas modal	10%
Nisbah semasa	3.50:1
Kadar pusing ganti inventori	4 kali
Tempoh kutipan hutang	55 hari

**Anda dikehendaki:**

- (a) mengira perkara berikut untuk Tee Trading:
  - (i) Untung kasar
  - (ii) Tokokan
  - (iii) Peratus untung bersih atas jualan
  - (iv) Pulangan atas modal
  - (v) Nisbah semasa
  - (vi) Kadar pusing ganti inventori
  - (vii) Tempoh kutipan hutang
- (b) menyatakan perniagaan manakah yang mempunyai:
  - (i) kedudukan kecairan yang baik
  - (ii) pengurusan stok yang cekap. Beri alasan anda.
- (c) menentukan perniagaan manakah yang sesuai dipilih bagi membuat pelaburan. Beri alasan anda.

*(Jawapan: (a)(i) RM44 000, (ii) 25%, (iii) 17%, (iv) 8%, (v) 2.76:1, (vi) 5 kali, (vii) 90 hari)*

2. Wawa Anggun Kraf dan Kaka Sutra Kraf merupakan dua buah perniagaan yang terlibat dalam industri kraf di Kuala Telemong. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan bagi tahun berakhir 31 Januari 2018:

**MPP1  
2018**

	Wawa Anggun Kraf	Kaka Sutra Kraf
	RM	RM
Modal awal	140 000	150 000
Jualan bersih	135 000	138 600
Untung kasar	58 465	62 870
Belanja	17 465	16 570
Hasil	1 000	1 700
Akaun Belum terima	12 500	8 000
Bank	20 365	15 700
Pinjaman	25 000	15 000
Inventori awal	41 200	38 700
Akaun Belum bayar	10 000	16 000
Inventori akhir	44 700	45 300

**Anda dikehendaki:**

- (a) menghitung perkara berikut bagi Wawa Anggun Kraf dan Kaka Sutra Kraf:
  - (i) Kos jualan

- (ii) Pulangan atas modal
  - (iii) Nisbah semasa
  - (iv) Kadar pusing ganti inventori
- (Berikan jawapan anda kepada **dua** titik perpuluhan yang paling hampir)
- (b) menentukan perniagaan manakah mempunyai prestasi yang lebih baik. Berikan alasan anda.
  - (c) menentukan perniagaan manakah yang lebih cekap. Berikan alasan anda.
- (Jawapan: (a) (i)RM76 535, RM75 730 (ii) 30%, 32% (iii)7.76:1, 4.31:1 (iv)1.78 kali, 1.80 kali)*

3 Maklumat berikut diambil daripada buku-buku perakaunan Butik Aina Sofiya bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019 dan 30 Jun 2018:

**MPP1  
2020**

**Tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019**

	<b>RM</b>
Inventori 1 Julai 2018	7 660
Inventori 30 Jun 2019	6 340
Modal 1 Julai 2018	60 000
Jualan	110 000
Belian	75 680
Lengkapan	50 000
Alatan pejabat	8 000
Akaun Belum Terima	11 560
Akaun Belum Bayar	13 550
Bank	11 200
Insurans prabayar	400
Kadar bayaran belum bayar	150
Untung bersih	13 800

**Tahun kewangan berakhir 30 Jun 2018**

Pulangan atas modal	20%
Kadar pusing ganti inventori	9 kali
Nisbah semasa	3 :1

- (a) **Anda dikehendaki** menghitung perkara berikut bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019:
  - (i) Kos jualan
  - (ii) Kadar pusing ganti inventori
  - (iii) Nisbah semasa
  - (iv) Pulangan atas modal
- (b) Pada tahun kewangan manakah perniagaan menunjukkan jualan yang lebih laris? Berikan alasan anda.

*(Jawapan: (a) (i)RM77 000 (ii) 11 kali (iii) 2.15:1 (iv) 23%)*

- 4 Penyata Kedudukan Kewangan berikut diperolehi daripada rekod kewangan perniagaan ABA Enterprise.

**MPP2  
2021**

ABA Enterprise  
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2020

	RM	RM		RM	RM
<b>Aset Bukan Semasa</b>			<b>Ekuiti Pemilik</b>		
Alatan pejabat	6 500		Modal awal		35 660
Perabot	8 540		(+)Untung bersih		10 200
		15 040			45 860
<b>Aset Semasa</b>			(-) Ambilan		1 200
Bank	21 200				44 660
Akaun Belum Terima	12 600		<b>Liabiliti Semasa</b>		
Inventori	10 800		Akaun Belum Bayar	12 100	
Insurans prabayar	120		Gaji belum bayar	3 000	
		44 720			15 100
		59 760			59 760

Maklumat tambahan

- i. Jualan berjumlah RM72 000
- ii. Belanja operasi berjumlah RM4 200

**Hitung:**

- (a) (i) Untung kasar
- (ii) Kos jualan
- (iii) Tokokan
- (iv) Peratus untung bersih atas jualan
- (v) Nisbah semasa

(b) Adakah perniagaan ini mampu membayar hutang? Beri alasan anda.

*(Jawapan: (i) RM14 400 (ii) RM57 600 (iii) 25% (iv) 14.17% (v) 2.96:1)*

- 5 Maklumat berikut diambil daripada buku-buku perakaunan Perniagaan Lee bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2021:

**MPP2  
2022**

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021

	RM
Inventori pada 1 Januari 2021	7 660
Inventori pada 31 Disember 2021	6 340
Modal pada 1 Januari 2021	60 000
Jualan	110 000
Belian	75 680
Lengkapan	50 000
Alatan pejabat	8 000
Akaun Belum Terima	11 560
Akaun Belum Bayar	13 550
Bank	11 200
Insurans prabayar	400
Kadar bayaran Belum Bayar	150
Untung bersih	13 800

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020

Pulangan atas modal	20%
Kadar pusing ganti inventori	9 kali
Nisbah semasa	2:1

**Anda dikehendaki** menghitung perkara berikut bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021:

- (i) Kos jualan [2 markah]
- (ii) Kadar pusing ganti inventori [2 markah]
- (iii) Nisbah semasa [2 markah]
- (iv) Pulangan atas modal [2 markah]
- (v) Pada tahun kewangan manakah perniagaan menunjukkan jualan yang lebih laris?  
Berikan alasan anda.

*(Jawapan: (i) RM77 000 (ii) 11 kali (iii) 2.15:1 (iv) 23% (v) 2021)*

## REKOD TAK LENGKAP

1

**BK3  
2017**

Maa Runcit merupakan peniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan di Padang Midin, Kuala Terengganu. Perniagaan ini merekod urus niaga perniagaannya tidak mengikut sistem catatan bergu. Maklumat berikut diambil dari buku perakaunan untuk tahun berakhir 31 Mac 2017:

(a)

	1 April 2016	31 Mac 2017
	RM	RM
Inventori barang niaga	15 860	14 500
Inventori alat tulis	80	60
Premis (kos)	100 000	100 000
Perabot (kos)	3 400	4 900
Alat pejabat (kos)	5 000	?
Gaji prabayar	100	-
Komisen belum terima	-	150
Akaun Belum Terima	3 550	?
Akaun Belum Bayar	2 650	3 200
Bank	1 000	4 590
Tunai	450	2 075

(b) Ringkasan penerimaan dan pembayaran adalah seperti berikut:

Penerimaan	Tunai	Bank
	RM	RM
Akaun Belum Terima		22 550
Komisen diterima	450	3 000
Jualan	3 000	30 800
	3 450	56 350

<b>Pembayaran</b>	<b>Tunai</b>	<b>Bank</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Belian	1 000	28 660
Ambilan	200	
Gaji		6 400
Kadar bayaran	420	
Perabot		2 000
Alat tulis	80	
Angkutan masuk	125	
Akaun Belum Bayar		15 700
	1 825	52 760

Maklumat tambahan:

- (i) Jumlah jualan kredit ialah RM24 600 dan jumlah belian kredit ialah RM16 250
- (ii) Pulangan jualan berjumlah RM200 belum direkod dalam mana-mana buku.
- (iii) Peruntukan hutang ragu diwujudkan 5% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (iv) Alat pejabat telah dibeli pada 1 Oktober 2015 dengan kos RM5 000. Perniagaan memperuntukkan susut nilai 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Tiada pelarasan susut nilai dibuat sejak tarikh pembelian aset tersebut.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima.
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2017.
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2017 dengan menunjukkan Modal Kerja.

( Jawapan: Kaw. Belum Terima RM5400, UK RM10805, UB RM5215, MK RM23305, PKK RM131805 )

2. Encik Redaniel pemilik Dann Enterprise menyimpan rekod perakaunannya tidak mengikut sistem catatan bergu. Maklumat berikut menunjukkan baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya.

**MPP2  
2022**

	1 Julai 2020	30 Jun 2021
	RM	RM
Kenderaan	50 000	50 000
Perabot	20 500	28 000
Inventori	16 400	32 200
Akaun Belum Terima	5 340	7 280
Akaun Belum Bayar	10 900	12 700
Bank	8 400	(1 350)
Insurans Prabayar	-	300
Kadar Bayaran Belum Bayar	375	260
Tunai	1 250	950
Komisen Belum Terima	1 200	-

**Maklumat tambahan:**

- (i) Sepanjang tahun kewangan, Encik Redaniel mengambil wang tunai RM225 setiap bulan dan barang niaga berjumlah RM1 950 untuk kegunaan keluarganya.
- (ii) Perabot bernilai RM7 500 dibeli pada 30 Jun 2021 untuk kegunaan perniagaan menggunakan wang peribadi Encik Redaniel.
- (iii) Perabot dan Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (iv) Hutang lapuk RM 280.
- (v) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan 5% atas baki Akaun Belum Terima.
- (vi) Satu invois yang diterima daripada pembekal Kedai Alif bernilai RM1 385 telah dicatat sebagai RM1 835 belum dibuat pelarasan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Mengira Modal pada 1 Julai 2020. [3 markah]
  - (b) Penyata Mengira Modal pada 30 Jun 2021. [9 markah]
  - (c) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2021. [6 markah]
  - (d) Menyeneraikan **dua (2)** sebab rekod tak lengkap boleh berlaku. [2 markah]
- ( Jawapan: Modal awal RM91 815, Modal akhir RM97 190, Untung Bersih RM2 525)*

3

Perniagaan Hamzalah merupakan sebuah perniagaan ikan hiasan yang beroperasi di pekan Manir. Perniagaan ini tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap:

**MPP 2  
2019**

Maklumat berikut diperoleh daripada buku-buku Perniagaan Hamzalah.

	1 Januari 2018	31 Disember 2018
	RM	RM
Kenderaan	62 000	62 000
Perabot	10 000	9 700
Inventori	3 450	3 660
Akaun Belum Terima	2 180	3 220
Komisen belum terima	730	-
Kadar bayaran belum bayar	860	-
Insurans prabayar	200	390
Angkutan masuk belum bayar	-	100
Gaji belum bayar	-	240
Bank	2 620	17 720

Penerimaan dan pembayaran sepanjang tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

<b>Penerimaan</b>	RM
Jualan	26 600
Akaun Belum Terima	14 830
Komisen diterima	2 980
 <b>Pembayaran</b>	
Ambilan	500
Angkutan masuk	480
Kadar bayaran	1 200
Belian	20 270



Perabot	800
Gaji	3 260
Sewa	1 800
Insurans	1 000

**Maklumat Tambahan:**

- (i) Diskaun diberi RM600.
- (ii) Maklumat daripada dokumen A masih belum direkod.

<p><b>SALINAN</b></p> <p><b>Kepada</b> Asyikin Hobiku 213 Bangunan Dato Azri 21000 KualaTerengganu</p>	<p><b>Perniagaan Hamzalah</b> 12 Pekan Manir 21200 Manir Kuala Terengganu Tel.: 019-9479314</p>	<p>NK: 018</p> <p>Tarikh: 21 Jun 2018</p>																				
<p><b>Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:</b></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin: 10px auto;"> <thead> <tr> <th style="width: 15%;">Kuantiti</th> <th style="width: 40%;">Butir</th> <th style="width: 15%;">Harga Seunit RM</th> <th style="width: 30%;">Jumlah RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">2 ekor</td> <td style="text-align: center;">Ikan Flying Shape</td> <td style="text-align: center;">50.00</td> <td style="text-align: center;">100.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3"></td> <td style="text-align: center;">100.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: center;">Tolak: Diskaun niaga 10%</td> <td style="text-align: center;">10.00</td> </tr> <tr> <td colspan="3" style="text-align: center;"><b>Jumlah</b></td> <td style="text-align: center; border-top: 2px solid black;"><b>90.00</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>(Ikan dipulangkan kerana berpenyakit)</p>			Kuantiti	Butir	Harga Seunit RM	Jumlah RM	2 ekor	Ikan Flying Shape	50.00	100.00				100.00	Tolak: Diskaun niaga 10%			10.00	<b>Jumlah</b>			<b>90.00</b>
Kuantiti	Butir	Harga Seunit RM	Jumlah RM																			
2 ekor	Ikan Flying Shape	50.00	100.00																			
			100.00																			
Tolak: Diskaun niaga 10%			10.00																			
<b>Jumlah</b>			<b>90.00</b>																			
<p>(Ringgit: Sembilan puluh sahaja)</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around; margin-top: 20px;"> <div style="text-align: center;"> <p><i>Asikin</i></p> <p>Penerima</p> </div> <div style="text-align: center;"> <p><i>hamzalah</i></p> <p>Pengurus</p> </div> </div>																						

**DOKUMEN A**

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima
- (b) Penyata Mengira Modal pada 1 Januari 2018
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2018  
( Jawapan : Jualan kredit RM16 560 ; Modal awal RM80 320 ; Untung Bersih RM16 530)

**4** Encik Hasmawi, seorang peruncit tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Aset dan liabiliti perniagaannya seperti berikut:

**MPP2  
2020**

	1 April 2018	31 Mac 2019
	RM	RM
Alatan Pejabat	27 000	27 000
Akaun Belum Bayar	5 400	7 100
Bank	12 000	18 400
Sewa belum bayar	3 600	2 850
Lengkapan	12 500	12 500
Kenderaan	44 000	?

Inventori	5 700	6 600
Akaun Belum Terima	3 800	4 300
Pinjaman	20 000	20 000

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 Jun 2018, pemilik telah membawa masuk van peribadi bernilai RM16 000 untuk kegunaan perniagaan. Perkara ini tidak direkod dalam mana-mana buku.
- (ii) Ambilan barang niaga setiap bulan bernilai RM200.
- (iii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% atas Akaun Belum Terima.
- (iv) Faedah atas pinjaman 8% setahun dan belum dijelaskan .
- (v) Lengkapan dan alatan pejabat disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata mengira modal pada 31 Mac 2019
- (b) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2019
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2019

( Jawapan : (a) RM93 085. (b) RM3 485, (c) RM113 085)

5

Encik Amirul Hamdan, pemilik Mono Cafe menyimpan rekod perniagaannya tidak mengikut sistem catatan bergu.

**MPP2  
2021**

Berikut ialah maklumat kewangan Mono Cafe pada 30 April 2021:

	1 Mei 2020	30 April 2021
	RM	RM
Alatan kedai	15 000	8 000
Kadar bayaran belum bayar	300	-
Bank	5 325	9 810
Sewa belum bayar	450	-
Perabot	9 450	12 450
Kenderaan	30 000	30 000
Inventori	10 520	12 550
Akaun Belum Terima	23 560	28 160
Akaun Belum Bayar	11 400	9 850
Insurans prabayar	200	-

Maklumat tambahan:

- (vi) Pada tahun kewangan, pemilik telah mengambil barang niaga RM3 600 dan tunai di bank RM300 setiap bulan untuk kegunaan keluarganya.
- (vii) Pemilik telah membawa masuk perabot rumahnya RM3 000 ke dalam perniagaan.
- (viii) Pulangan belian RM252 belum direkod dalam mana-mana buku.
- (ix) Sewa kedai RM450 untuk bulan April 2021 masih belum dijelaskan.
- (x) Sebahagian daripada baki Akaun Belum Terima RM360 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (xi) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
- (xii) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (xiii) Susut nilai perabot bagi tahun semasa ialah RM1 245

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) (i) Penyata Mengira Modal pada 1 Mei 2020
- (ii) Penyata Mengira Modal pada 30 April 2021
- (iii) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2021

- (b) Nyatakan 3 sebab berlakunya rekod tak lengkap

(Jawapan (i) RM81 905 (ii) RM85 761 (iii) RM8 056)

## PENYATA PENYESUAIAN BANK

1. Puan Mariah pemilik Mariah Enterprise telah menerima Penyata Bank bulan April 2017. Beliau mendapati baki Buku Tunai berbeza dengan baki Penyata Bank.

**BK 2  
2017**

Buku Tunai perniagaan untuk bulan April 2017 adalah seperti berikut:

### Buku Tunai (ruangan bank)

RM			No Cek			RM	
2017				2017			
April 1	Baki b/b	2 278	April 2	Belian	222145	1 555	
4	Jualan	7 700	8	Kelulut Maju Bhd	222146	2 065	
11	Rahman	1 200	14	Belian	222147	1 880	
17	Komisen	62	22	Sewa	222148	1 600	
27	Encik Jalal	1 500	25	Kadar bayaran	222149	420	
29	Kedai Nora	949	30	Baki h/b		6 169	
		13 689				13 689	

Setelah Penyata Bank diteliti, didapati terdapat beberapa perkara yang tercatat dalam Penyata Bank tetapi belum direkodkan dalam Buku Tunai, antaranya adalah:

Perkara	RM
Dividen – Simme Bhd	2 200
Faedah atas simpanan tetap	800
Buku Cek	15
Caj Bank	10
Arahan tetap – Insurans	490

Perkara berikut telah direkod dalam Buku Tunai tetapi belum dicatat dalam Penyata Bank:

Perkara	RM
Cek daripada Encik Jalal	1 500
Cek daripada Kedai Nora	949
Cek untuk bayaran sewa (No. 222148)	1 600

Maklumat tambahan:

- (i) Cek bernombor 222146 berjumlah RM2 605 yang dibayar kepada Kelulut Maju Bhd telah tersilap rekod dalam Buku Tunai sebagai RM2 065.
- (ii) Cek daripada Rahman yang diterima pada 11 April 2017 dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh bayar".

**Anda dikehendaki:**

- (a) mengemaskini Buku Tunai.
- (b) menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2017 dengan memulakan dengan baki Buku Tunai yang dikemaskini.
- (c) menyatakan dua fungsi Penyata Bank.

(Jawapan : Baki Dt Buku Tunai RM6 914)

**MPP3  
2022**

- 2 Perniagaan Desa Jaya menjalankan perniagaan menjual pakaian uniform sekolah. Perniagaan ini mula beroperasi di Gong Badak, Kuala Nerus pada bulan April 2022. Baki di Buku Tunai pada 1 September 2022, adalah seperti berikut:

	RM
Bank	(442)
Tunai	1 550

Maklumat berikut adalah berkaitan dengan urus niaga tunai dan bank sepanjang bulan September 2022.

Tarikh	Urus niaga	No. Cek	RM
2022			
Sept 2	Terima cek daripada Anis untuk menjelaskan baki hutang RM3 000.		2 800
4	Jualan tunai dibankkan.		2 330
5	Bayaran kepada Shahrul.	600678	500
	Tunai dibankkan.		1 100
8	Terima komisen secara tunai.		250
11	Terima tunai daripada Balqis. Wang dibankkan.		3 267
14	Bayaran kepada Megat Trading (Diskaun RM115)	600679	1 592
17	Bayaran kepada Ikhwan.	600680	1 772
21	Terima cek daripada Erny.		2 500
24	Belian barang niaga.	600681	470
30	Bayar gaji pekerja.	600682	1 500

- (a) **Anda dikehendaki menyediakan** Buku Tunai Tiga Ruangan di **Lampiran A** untuk mencatat urus niaga bagi bulan berkenaan.

*(Jawapan: Tunai RM700, Bank RM5 721)*

- (b) Penyata Bank yang diterima oleh Perniagaan Desa Jaya bagi bulan September 2022 adalah seperti berikut:

<b>BANK ISLAM MALAYSIA BHD</b>					
<b>Penyata Bank</b>					
Perniagaan Desa Jaya, 56, Jalan Bunga Raya, Gong Badak, 21030 Kuala Nerus, Terengganu.					
Tarikh: 30 September 2022			No. Akaun: 107108514663		
Tarikh	Butir	No.ccek	Debit	Kredit	Baki
2022			RM	RM	RM
Sept 1	Baki b/b				142(dt)
3	Deposit			2 800	2 658(k)
4	Deposit			2 330	4 988(k)
	Cek	600676	300		4 688(k)
5	Deposit			1 100	5 788(k)
7	Cek	600678	500		5 288(k)
14	Buku cek		15		5 273(k)
20	Cek	600680	1 727		3 546(k)
25	Perintah sedia ada - sewa		550		2 996(k)
27	Cek	600681	470		2 526(k)
30	Dividen			258	2 784(k)

**Maklumat tambahan:**

- 1) Cek bernombor 600680 tersilap catat di dalam Buku Tunai.
- 2) Cek yang dibankkan pada 21 September 2022 telah dipulangkan oleh bank dengan ditanda "Rujuk Penyuruh Bayar".

Berdasarkan jawapan anda di 3(a), **anda dikehendaki:**

- (i) Mengemas kini Buku Tunai (ruangan bank sahaja). [6 markah]

Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 September 2022.

*(Jawapan: Baki Kt Penyata Bank RM4 927 atau Baki Dt Buku Tunai RM6 198)*

3

- (a) Delima Letrik Sdn Bhd ialah pembekal barangan elektrik di Bandar Bukit Payong, Marang. Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan April 2019:

- April 1 Baki tunai di tangan RM1 200.
- 1 Baki tunai di bank RM9 400.
- 7 Belian tunai RM3 500 dibayar dengan cek bernombor 005561.
- 9 Jualan tunai dibankkan RM984.
- 10 Jualan tunai RM450.

**MPP 2  
2019**

- 12 Bayar Lan Letrik RM1 960 dengan cek bernombor 005562.
- 17 Terima cek daripada Ramlan RM820.
- 19 Membayar Wong Cerah RM1 250 dengan cek bernombor 005563.
- 21 Suhaimi Kelip menjelaskan hutangnya RM2 970 dengan cek.
- 23 Perniagaan menerima komisen tunai RM296 daripada Mega Letrik Bhd.
- 26 Membayar Hisham Letrik RM1 640 dengan cek bernombor 005564.
- 28 Beli alat tulis RM180 secara tunai.
- 29 Membayar iklan RM360 dengan tunai.
- 30 Membayar sewa RM550 dengan tunai.

**Anda dikehendaki** merekod urus niaga tersebut ke dalam Buku Tunai.

- (b) Delima Letrik Sdn Bhd menerima Penyata Bank untuk bulan April 2019 yang menunjukkan baki yang berbeza dengan baki Buku Tunai yang telah disediakan.

Penyata Bank untuk bulan April 2019 adalah seperti berikut:

<b>Penyata Bank</b>					
<b>BANK CAKNA MALAYSIA BHD</b>					
Delima Letrik Sdn Bhd Lot 66 Taman Cendana Bujit Payong, 21400 Marang Terengganu					
Tarikh: 30 April 2019			No. Akaun: 026668915426		
Tarikh	Butir	No.cek	Debit	Kredit	Baki
2019			<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
April 1	Baki b/b				10 290
11	Cek	005561	3 500		6 790
12	Deposit			984	7 774
13	Cek	005560	1 640		6 134
20	Cek	005563	1 250		4 884
21	Dividen (Malati Bhd)			1 150	6 034
25	Insurans (perintah sedia ada)		400		5 634
29	Cek	005564	1 460		4 174
29	Jamal (pindahan kredit)			860	5 034
30	Caj bank		146		4 888
30	Buku Cek		15		4 873

**Maklumat Tambahan:**

- (i) Cek yang dikeluarkan kepada Hisham Letrik berlaku kesilapan di Buku Tunai.
- (ii) Cek yang diterima pada 17 Mac 2019 dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda “Rujuk kepada Penyuruh Bayar”.

**Anda dikehendaki** menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2019 tanpa mengemas kini Buku Tunai.

*(Jawapan: Baki Kt Penyata Bank RM4 875 atau Baki Dt Buku Tunai RM5 074)*

4

(a)

Pada 1 Ogos 2020, Buku Tunai Syarikat Barat Berhad menunjukkan baki kredit akaun bank RM260. Maklumat berikut berkaitan urus niaga penerimaan dan pembayaran Syarikat Barat Berhad bagi bulan Ogos 2020:

- |      |    |   |
|------|----|---|
| Ogos | 2  | Jualan tunai RM4 680 dan dibankkan.                         |
|      | 3  | Membayar kadar bayaran RM1 400 dengan cek bernombor 112031. |
|      | 6  | Belian barang niaga RM2 600 dengan cek bernombor 112032.    |
|      | 9  | Menerima cek RM3 250 daripada Jamilah.                      |
|      | 17 | Membayar kos angkutan RM430 dengan cek bernombor 112033.    |
|      | 21 | Terima cek daripada Essa Enterprise RM2 230.                |
|      | 22 | Belian komputer RM1 500 dengan cek bernombor 112034.        |
|      | 25 | Belian perabot RM1 900 dengan cek bernombor 112035.         |
|      | 28 | Terima komisen RM800 daripada Rahmat Berhad.                |
|      | 29 | Membayar gaji RM2 400 dengan cek bernombor 112036.          |

**Anda dikehendaki** menyediakan Buku Tunai (ruangan bank sahaja).

(b)

Setelah Encik Barat menerima Penyata bank bagi bulan Ogos, beliau mendapati penyata bank menunjukkan baki kredit RM4 120 berbeza dengan baki buku tunai di 4(a). Perbezaan ini disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) Dividen RM2 700 diterima daripada Syarikat Baharu Bhd dan bayaran buku cek RM30 belum direkodkan dalam buku tunai.
- (ii) Arahan tetap insurans RM650 belum direkodkan dalam buku tunai.
- (iii) Cek RM1 900 untuk bayaran perabot dan RM2 400 untuk gaji belum dikemukakan kepada bank.
- (iv) Komisen RM800 yang diterima daripada Syarikat Choong Bhd telah direkod dalam buku tunai tetapi belum lagi dikreditkan oleh pihak bank.
- (v) Cek RM2 230 yang diterima pada 21 Ogos dipulangkan oleh bank dengan tanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.
- (vi) Cek bernombor 112031 berjumlah RM1 040 untuk bayaran kadar bayaran telah tersilap rekod dalam Buku Tunai sebagai RM1 400.

**Anda dikehendaki:**

- (i) Mengemaskini Buku Tunai (ruangan bank sahaja) pada 31 Ogos 2020.
- (ii) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Ogos 2020.

*(Jawapan: (a) RM470, (b) (i) RM620, (ii) RM4 120)*

**MPP3  
2020**

**MPP 3  
2021**

5 Cik Nor Bazla ialah pemilik Perniagaan Mutiara Maju. Pada 1 Mac 2021 Buku Tunai perniagaan menunjukkan baki tunai adalah sebanyak RM1 000 dan Penyata Bank menunjukkan baki debit sebanyak RM5 812. Maklumat berikut adalah urusanniaga yang masih belum direkod oleh perniagaan.

Tarikh	Urus Niaga	No. Cek	Jumlah
2021			
Mac 2	Terima cek daripada Robiah		5 472
13	Bayar pembekal Muiz	019257	492
14	Bayar Kedai Qayyim	019258	1 680
	Terima cek daripada Lea		3 784
25	Terima tunai untuk sewa		400
	Bayar bil elektrik	019259	1 020
26	Belian tunai		480
27	Belianengkapan pejabat	019260	1 000

(a) **Anda dikehendaki** menyediakan Buku Tunai (dua ruangan) untuk merekodkan urusanniaga yang berkaitan dan mengimbangkannya pada 31 Mac 2021.

(Jawapan: RM920, (RM748))

(b) Penyata bank yang diterima oleh Perniagaan Mutiara Maju pada 31 Mac 2021 adalah seperti berikut.

<b>MAYBANK (M) BHD.</b>				
<b>PENYATA BANK</b>				
Perniagaan Mutiara Maju		No. Akaun : 163082141101		
91A Jalan SS/2		Tarikh : 31 Mac 2021		
24200 Kemasek, Terengganu				
Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki
2021		RM	RM	RM
Mac 1	Baki			(5 812)
2	Deposit		5 472	(340)
14	Deposit		3 784	3 444
	Dividen - Syarikat Aida		200	3 644
16	Cek 019257	852		2 792
	Caj bank	120		2 672
30	Cek 019258	1 680		992

**Anda dikehendaki:**

- i. Mengemas kini Buku tunai (ruangan bank)
- ii. Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2021

(Jawapan: (i) RM1 028)



## BELANJAWAN TUNAI

**MPP2  
2022**

1. Encik Zamri ialah pemilik Kedai Buah-Buahan Zam yang beroperasi di Pekan Bukit Payong, Marang, Terengganu.

Berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran yang telah dibuat.

- (i) Baki-baki berikut diperoleh pada 30 September 2021.

	RM
Tunai di bank	62 000
Tunai di tangan	1 650
Inventori	58 660

- (ii) Anggaran jumlah belian.

	RM
September	8 200
Oktober	9 500
November	10 600
Disember	11 300

80% daripada jumlah belian adalah secara kredit dengan tempoh kredit satu bulan.

- (iii) Anggaran jualan bulanan adalah RM14 000, manakala jualan bulan Disember dijangka meningkat 30% daripada bulan sebelumnya.
- (iv) Kadar bayaran bulanan dianggarkan RM5 200.
- (v) Perniagaan mempunyai 5 orang pekerja yang dibayar gaji RM1 200 seorang.
- (vi) Insurans kedai RM4 000 setahun. Premium insurans harus dibayar setiap 3 bulan.
- (vii) Iklan dan promosi bagi bulan Oktober dan November RM300 dan akan meningkat 10% pada bulan berikutnya.
- (viii) Perniagaan akan membeli rak RM9 000 pada bulan Oktober.
- (ix) Sebuah kenderaan RM30 000 akan dibeli pada bulan November dengan bayaran pendahuluan RM20 000 . Bakinya akan dibayar secara ansuran sebanyak 4 kali bermula pada bulan Disember.
- (x) Pinjaman Bank RM60 000 akan diterima pada bulan November dengan faedah 2% setahun. Bayaran balik akan dibuat dalam tempoh 5 tahun bermula pada bulan Disember.

**Anda dikehendaki** menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2021.

*(Jawapan: Baki Akhir 72 800)*

**MPP 2  
2018**

2. Lubuk Batu Enterprise merupakan sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjual barang-barang untuk aktiviti pertanian. Perniagaan ini telah merancang anggaran penerimaan dan pembayaran tunai untuk tiga bulan berakhir 30 September 2018.

Maklumat berikut telah diperoleh daripada perniagaan:

- (i) Pada 1 Julai 2018, baki tunai di tangan RM500, tunai di bank RM69 500 dan perabot RM4 000.

- (ii) Pada bulan Julai perniagaan bercadang membeli sebuah van berharga RM50 000. Bayaran pendahuluan adalah 20% dari nilai van dan bakinya dibayar secara ansuran RM1 000 sebulan bermula bulan berikutnya.
- (iii) Anggaran jualan:
  - Julai RM42 000.
  - Ogos RM54 600.
  - September RM54 600.
 40% daripada jumlah jualan adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama satu bulan.
- (iv) Anggaran belian barang niaga adalah seperti berikut:

Julai	Ogos	September
RM 30 000	Peningkatan 30% daripada bulan sebelumnya	Sama seperti bulan sebelumnya

- (v) Kadar bayaran bulanan RM400.

**Anda dikehendaki** menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 September 2018

*(Jawapan: Baki Akhir RM78 160)*

- 3. Puan Suria ialah pemilik Butik & Spa Sirna Sari yang beroperasi di Kuala Nerus, Terengganu. Beliau telah menyediakan belanjawan tunai untuk tempoh tiga bulan berakhir pada 31 Ogos 2019.

**MPP 2  
2019**

Berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran yang telah dibuat:

- (i) Baki-baki berikut diperoleh pada 1 Jun 2019:
  - RM
  - Tunai di bank 7 000
  - Tunai di tangan 1 440
  - Peralatan kedai 18 000
- (ii) Anggaran jumlah belian:
  - RM
  - Mei 6 500
  - Jun 7 500
  - Julai 8 500
  - Ogos 10 000

- 40% daripada jumlah belian adalah secara kredit dengan tempoh kredit satu bulan.
- (xi) Anggaran jualan bulanan adalah RM20 000, manakala jualan bulan Ogos dijangka meningkat 20% daripada bulan sebelumnya.

- (xii) Pada bulan Julai, Puan Suria bercadang memohon pinjaman dari bank RM25 000 dengan faedah 10% setahun selama 5 tahun. Bayaran balik pinjaman bermula pada bulan berikutnya.
- (xiii) Perniagaan mempunyai 3 orang pekerja yang dibayar gaji RM800 setiap seorang.
- (xiv) Kadar bayaran bulanan dianggarkan RM650.

**Anda dikehendaki** menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Ogos 2019.

*(Jawapan: Baki akhir RM63 065)*

**4** Encik Mahmud ialah pemilik Mutiara Elektrik yang beroperasi di Bandar Marang. Berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran yang telah dibuat.

**MPP2  
2020**

- (i) Baki-baki berikut diperoleh pada 1 Jun 2019.

	RM
Tunai di bank	88 600
Tunai di tangan	1 440
Inventori	75400

- (ii) Anggaran jumlah belian.

	RM
Mei	8200
Jun	10400
Julai	9500
Ogos	12100

- (iii) 60% daripada jumlah belian adalah secara kredit dengan tempoh kredit satu bulan. Anggaran jualan bulanan adalah RM15 000, manakala jualan bulan Ogos dijangka meningkat 20% daripada bulan sebelumnya.
- (iv) Pada bulan Julai, En Mahmud bercadang memohon pinjaman daripada Maybank Berhad RM25 000 dengan kadar faedah 10% setahun selama 5 tahun. Bayaran balik pinjaman bermula pada bulan berikutnya.
- (v) Perniagaan mempunyai 3 orang pekerja yang dibayar gaji RM1 200 setiap seorang.
- (vi) Kadar bayaran bulanan dianggarkan RM4 500.
- (vii) Perbelanjaan bagi tujuan iklan dan promosi adalah RM500 untuk bulan Jun dan Julai dan akan berkurangan sebanyak 10% pada bulan berikutnya.

**Anda dikehendaki menyediakan** Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Ogos 2019.

*(Jawapan: Baki akhir RM83 505)*

**5** Puan Rozaria ialah pemilik Kedai Bunga Zaria yang beroperasi di Bandar Marang, Terengganu.

**MPP2  
2021**

Berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran yang telah dibuat.

- (ii) Baki-baki berikut diperoleh pada 31 Disember 2020.

Tunai di bank	54 500
Tunai di tangan	1 250

Inventori	69 850
